



LAPORAN TAHUNAN
BHEUU
2014

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

Kandungan

ms **04**

PERUTUSAN MENTERI

ms **13**

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

04



06 Perutusan Ketua Pengarah
08 Senarai Agensi
09 Pengurusan Tertinggi Bersama
YB. Menteri
10 Pengurusan Tertinggi BHEUU
11 Sejarah

14

Visi, Misi, Objektif

15

Fungsi dan Piagam Pelanggan

16

Carta Organisasi BHEUU

17

Seksyen Pembangunan



25

Seksyen Dasar

39

Seksyen Pengurusan Maklumat

44

Seksyen Kewangan

45

Seksyen Pengurusan Sumber
Manusia

52

Unit Komunikasi Korporat

54

Kelab Sukan & Kebajikan (KSK)

57

PUSPANITA Cawangan kecil
BHEUU

ms 62

JABATAN BANTUAN GUAMAN

- 64 Pengurusan Tertinggi
- 65 Ketua Bahagian
- 66 Ketua Cawangan
- 69 Pengenalan



- 70 Carta Organisasi JBG
- 71 Hala Tuju Strategik
- 73 Aktiviti Teras Strategik 1
- 82 Aktiviti Teras Strategik 2
- 84 Aktiviti Teras Strategik 3
- 85 Aktiviti Teras Strategik 4
- 86 Aktiviti Teras Strategik 5
- 98 Aktiviti Teras Strategik 6
- 119 Penutup

ms 121

JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

- 122 Pengurusan Tertinggi
- 123 Carta Organisasi
- 124 Pengenalan



- 125 Memperkukuhkan Pentadbiran Hal Ehwal Insolvensi Melalui Pentadbiran Kes Penggulangan Syarikat Yang Efektif
- 131 Perekayasa Berterusan Pentadbiran Hal Ehwal Kebankrapan Untuk Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan
- 145 Memperkukuhkan Aktiviti Penyiasatan Dan Penguatkuasaan Untuk Meningkatkan Tahap Pematuhan Di Kalangan Pemiutang Dan Penghutang
- 150 Membangunkan Sistem Insolvensi Yang Efektif Melalui Kajian Perundangan Yang Berterusan
- 161 Penambahbaikan Berterusan Terhadap Imej Korporat Jabatan Melalui Inisiatif Penjenamaan
- 173 Aktiviti KPI Turun Padang 2014

Perutusan Menteri

Menteri di Jabatan Perdana Menteri



YB. HAJAH NANCY SHUKRI

MENTERI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Syabas diucapkan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri di atas usaha menerbitkan Buku Laporan Tahunan BHEUU 2014. Penerbitan buku ini merupakan satu usaha yang amat baik dan saya percaya akan menjadi nilai tambah kepada kualiti perkhidmatan awam negara ini.

Bersesuaian dengan saranan Kerajaan untuk mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi, meningkatkan produktiviti dan kreativiti, maka kita perlulah terus bekerja dengan gigih dan berhemah dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang telah diamanahkan. Kita perlulah bersedia untuk mengamalkan nilai-nilai budaya kerja terbaik agar BHEUU sentiasa menjadi sebuah agensi Kerajaan yang disegani ramai.

Komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas oleh pegawai dan anggota BHEUU, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) dalam memenuhi hasrat dan aspirasi negara dapat memberi manfaat, bukan sahaja kepada perkhidmatan awam negara malah kepada semua lapisan masyarakat Malaysia. Sebagai agensi yang berhubung terus kepada masyarakat awam, BHEUU, JBG dan Mdi perlulah sentiasa memainkan peranan proaktif dalam menyampaikan perkhidmatannya kepada rakyat. Dalam hal ini, adalah diharapkan penerbitan Buku Laporan Tahunan BHEUU 2014 ini dapat memberi gambaran jelas berhubung peranan BHEUU, JBG dan Mdi secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.



HAJAH NANCY SHUKRI

Perutusan **Ketua Pengarah**

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang,
Jabatan Perdana Menteri



YBHG. DATO' NURSIAH ARSHAD

KETUA PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi ucapan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya, Buku Laporan Tahunan BHEUU 2014 dapat diterbitkan. Buku yang memaparkan aktiviti Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) sepanjang tahun 2014 ini diharap dapat dijadikan bahan pengetahuan kepada kita semua.

Syabas dan tahniah kepada Sidang Pengarang yang terdiri daripada pegawai-pegawai BHEUU, JBG dan Mdl yang telah berusaha keras menyumbang idea, tenaga dan masa untuk menghasilkan buku ini. Pengemblengan usaha dan kerjasama sebegini harus diteruskan, tidak hanya dalam penghasilan buku, malahan dalam segala aspek tugas dalam memartabatkan perkhidmatan awam.

Saya berharap semua warga kerja BHEUU, JBG dan Mdl meneruskan kerja-kerja berpasukan dan momentum kecemerlangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Marilah kita sama-sama menjadi warga kerja kelas pertama iaitu berpengetahuan luas, mampu berdaya saing, berintegriti serta memiliki kekuatan moral dan *spiritual* untuk terus maju.

Selamat berbakti kepada organisasi dan negara. Semoga sumbangan kecil ini diterima sebagai amal jariah jua.

Sekian, terima kasih.



DATO' NURSI AH ARSHAD

Senarai Agensi

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)

Jabatan Bantuan Guaman (JBG)

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan (SPKP)

Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi)

Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)

Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA)

Amanah Raya Berhad (ARB)

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK)

Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK)

Jabatan Peguam Negara

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah

Pengurusan Tertinggi BHEUU Bersama YB. Menteri



YB. HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



YBHG. DATO' HAJI ISMAIL IBRAHIM
KETUA PENGARAH BHEUU
MULAI 26.12.2011 - 5.9.2014



YBHG. DATO' NURSIAH ARSHAD
KETUA PENGARAH BHEUU
MULAI 5.9.2014



YBRS. PUAN HASLINA MANSOR
KETUA PENGARAH Mdi



YBRS. SITI ZAWAHIR MOHAMED
KETUA PENGARAH JBG

Pengurusan Tertinggi BHEUU



YBHG. DATIN NOOR HALIZA
MOHD NOOR
Timbalan Ketua Pengarah
(Dasar dan Pembangunan)
(Mulai 5.9.2014)



YBHG. DATO' ISMAIL IBRAHIM
Ketua Pengarah BHEUU
(Mulai 26.12.2011 - 5.9.2014)



YBHG. DATO' NURSIHAH ARSHAD
Ketua Pengarah BHEUU
(Mulai 5.9.2014)



TUAN HAJI ADNAN IBON
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)
Mulai 3.1.2011 - 13.8.2014



ENCIK ABD NASIR AHMAD
Pengarah Seksyen Pembangunan
(Mulai 1.8.2014)



ENCIK M KAMROLDIN HITAM
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)
(Mulai 3.11.2014)



YM RAJA MUHAMMAD AZHAN SHAH
RAJA MUHAMMAD
Pengarah Seksyen Pembangunan
(Mulai 13.9.2012 - 1.8.2014)



YBRS. DR. NOR MAZNY ABDUL MAJID
Pengarah Seksyen Dasar
(Mulai 1.8.2011)



PUAN KHALIDAH OTHMAN
Pengarah Seksyen Pengurusan Maklumat
(Mulai 28.1.2009 - 1.7.2014)



ENCIK MOHD SHAFFIE HASSAN
Pengarah Seksyen Pengurusan Sumber
Manusia
(Mulai 9.7.2012 - 1.12.2014)



PUAN SALMIAH ISMAIL
Pengarah Seksyen Pengurusan Maklumat
(Mulai 11.8.2014)



PUAN MAHANI MOHD YUSOFF
Ketua Komunikasi Korporat
(Mulai 1.6.2011 - 30.4.2014)



PUAN SHAMSIHA DAUD
Ketua Komunikasi Korporat
(Mulai 1.5.2014)

Sejarah

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang Malaysia. Pada waktu itu, Bahagian ini terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta, dan Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Susulan daripada itu, keseluruhan pentadbiran agensi berkenaan telah terkeluar dari BHEUU melainkan perkara-perkara berkaitan pewartaan para pegawai Amanah Raya bagi tujuan kehadiran di mahkamah.

PKPMP juga berpisah daripada pentadbiran BHEUU pada 1 Julai 1996. Walaupun telah berpisah daripada BHEUU, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah di PKPMP telah menjadi salah satu cawangan utama di BHEUU bermula 16 April 2003.

Jabatan Pemegang Harta kemudiannya telah bertukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003, berikutan dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967. Mulai Oktober tahun 2009, JIM telah dikenali secara rasminya sebagai Malaysia *Department of Insolvency* (Mdi).

Dalam pada itu, mulai 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Sebahagian daripada proses reformasi yang telah diperkenalkan oleh Jabatan ini ialah menghapuskan salah faham masyarakat

terhadap Biro Bantuan Guaman yang selalu dirujuk sebagai Biro Pengaduan Awam, salah satu unit di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri. Pertukaran nama ini perlu bagi mencerminkan perkembangan dan perluasan JBG di seluruh Malaysia.

BHEUU merupakan sekretariat kepada Mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, serta untuk kes-kes keselamatan di seluruh negara. Bermula tahun 2006, BHEUU juga menjadi agensi yang memantau dan menyelaras urusan setia Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri.

Berdasarkan kepada keputusan Kabinet pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih peranan sebagai sekretariat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri. BHEUU bertanggungjawab untuk membantu YB. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam urusan pelantikan ahli-ahli suruhanjaya dan mengemukakan Laporan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.

Pada masa ini, tanggungjawab BHEUU ke atas JBG dan Mdi merangkumi urusan pengagihan dan pemantauan peruntukan kewangan, pengisian perjawatan, pengurusan perkhidmatan Skim Penolong Pegawai Undang-Undang (L29, L32 dan L38), sewaan dan penyelenggaraan ruang pejabat, perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja, penyediaan infrastruktur ICT dan pembangunan sistem aplikasi.



Bangunan
Baru
Mahkamah
Klang

ROSMALI

ROSMALI



Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang



Penyumbang terulung kepada kecekapan pentadbiran keadilan Negara.

Visi Misi

Memperkasakan sistem pentadbiran keadilan Negara melalui penyediaan prasarana dan pembaharuan undang-undang.

Objektif

- ✎ Memastikan pembangunan prasarana mahkamah dan agensi mengikut keperluan *stakeholder* dan pelanggan;
- ✎ Memastikan urusan pemerbadanan yaysan, pengampunan dan pembaharuan undang-undang dilaksanakan secara efektif; dan
- ✎ Memastikan penyediaan perkhidmatan sokongan kepada agensi-agensi secara cepat, tepat dan berintegriti.

Fungsi

- ✎ Menyelaraskan penggubalan dasar dan undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU;
- ✎ Membuat penambahbaikan terhadap sistem pentadbiran keadilan Negara dengan merancang dan melaksanakan projek pembangunan fizikal dan IT mahkamah;
- ✎ Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah;
- ✎ Urus setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes keselamatan dan kes-kes rayuan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- ✎ Pemantauan Mesyuarat Lembaga Pengampunan di setiap Negeri;
- ✎ Urus setia Pelantikan Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) memantau laporan tahunan SUHAKAM dan menyelaraskan maklum balas; dan
- ✎ Menyelia pentadbiran Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia termasuk semua Cawangan di seluruh negara, dari segi pengurusan kewangan dan sumber manusia.

Piagam Pelanggan

Kami bertekad & berjanji:

- ✎ Menjawab cadangan, pertanyaan dan aduan pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh diterima;
- ✎ Mengeluarkan surat pemberitahuan kelulusan awal pemerbadanan yayasan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh menerima permohonan lengkap dan memenuhi keperluan Akta 258;
- ✎ Membayar bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima;
- ✎ Mengeluarkan surat setuju terima / surat niat perolehan dalam tempoh 2 hari bekerja daripada tarikh keputusan Lembaga Perolehan/Jawatankuasa Sebut Harga; dan
- ✎ Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi komputer dengan kebolehpapaian tidak kurang 99%.

Seksyen Pembangunan

1. PEMBANGUNAN MAHKAMAH

Pada tahun 2014, Seksyen Pembangunan BHEUU telah meneruskan pelaksanaan 4 projek pembangunan yang diluluskan dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) dan 1 projek di bawah *Private Financing Initiatives* (PFI). Status projek adalah seperti berikut:-

- 1.1 Projek telah siap dan diserahkan;
- 1.2 Projek dalam pembinaan; dan
- 1.3 Projek masih di peringkat perancangan.

1.1 Projek telah siap dan diserahkan

1.1.1 Majlis Penyerahan Projek Pemuliharaan dan Pengubahsuaian Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara Kuala Lumpur untuk dijadikan Pejabat Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA). Projek pemuliharaan dan



Sesi menandatangani dokumen serahan antara Ir. Mustaffa Kamal Kamaluddin, Pengarah Urusan Kamal Engineering Sdn. Bhd. (KESB), YBhg. Ir. Prof. Dato' Dr. Amer Hamzah Mohd Yunus, Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am JKR dan YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU.

pengubahsuaian Bangunan Sulaiman diluluskan dalam



Simbolik penyerahan 'Access Card' daripada Ir. Prof. Dato' Dr. Amer Hamzah Mohd Yunus, Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am JKR kepada YBhg. Dato' Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU.

RMKe-10 melibatkan kerja-kerja pemuliharaan, pembaikan dan ubah suai Bangunan Sulaiman, Kuala Lumpur yang merupakan Bangunan Warisan. Pengubahsuaian Bangunan Sulaiman 5 tingkat sedia ada ini menempatkan 12 bilik perbicaraan dan 13 bilik perundingan serta bilik-bilik sokongan seperti ruang pejabat, auditorium, perpustakaan, bilik mesyuarat, surau dan lain-lain. Bangunan tersebut turut menempatkan 2 agensi/ jabatan iaitu *International Centre For Law and Legal Studies* (I-Cells), Jabatan Peguam Negara dan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).



Simbolik penyerahan 'Access Card' daripada YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU kepada Encik Norazman Othman, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH).

18



Lawatan ke sekitar Bangunan Sulaiman.

Projek yang menelan belanja hampir RM50 juta ini mula dilaksanakan pada 19 November 2012 dan siap sepenuhnya pada 13 Julai 2014. Majlis tersebut telah disempurnakan antara kontraktor utama Kamal Engineering Sdn. Bhd., pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), BHEUU dan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) pada 18 Ogos 2014.

1.1.2 Majlis Penyerahan Bangunan Tambahan Mahkamah Baru Klang, Selangor.



Simbolik penyerahan kunci daripada Ketua Pengarah BHEUU kepada pihak Mahkamah.

Projek pembinaan sebuah bangunan tambahan baharu yang menghubungkan Mahkamah Majistret Klang yang sedia ada ini mengandungi 8 buah bilik bicara iaitu 2 bilik bicara Mahkamah Tinggi, 3 bilik bicara Mahkamah Sesyen dan 3 bilik bicara Mahkamah Majistret, dibiayai di bawah skim PFI dengan kos sebanyak RM55 juta. Projek tersebut telah siap pada 30 April 2014. Majlis penyerahan bangunan kepada Mahkamah Persekutuan Malaysia telah disempurnakan pada 5 November 2014.

1.2 Projek dalam pembinaan

1.2.1 Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah.

Kompleks Mahkamah Baru Kota Kinabalu didirikan di atas tanah milik Kerajaan Negeri Sabah, Lot 1 dan Lot 1A seluas 6.25 ekar di Jalan Shariff Osman Off Jalan Kolam di Kota Kinabalu, Sabah. Projek yang bermula pada Julai 2014 mengambil masa selama 42 bulan dan dijangka siap pada Disember 2017.



YBrs. Puan Normah Sheikh Abdullah, Pengarah Pengurusan, Mahkamah Persekutuan Malaysia menandatangani Dokumen Penyerahan Bangunan Tambahan Mahkamah Klang disaksikan oleh YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Ketua Pengarah BHEUU dan Encik Abd. Nasir Ahmad, Pengarah Seksyen Pembangunan BHEUU.



Cadangan reka bentuk Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah.

Skop projek melibatkan 16 buah bilik bicara terdiri daripada 1 Mahkamah Persekutuan, 3 Mahkamah Tinggi, 6 Mahkamah Sesyen dan 6 Mahkamah Majistret dengan anggaran kos yang diluluskan berjumlah RM175 juta.

1.3 Projek dalam perancangan

1.3.1 Mahkamah Baharu Besut, Terengganu.



Cadangan reka bentuk Mahkamah Baharu Besut, Terengganu.



Kerja-kerja tanah dan menanam cerucuk.

Projek ini melibatkan pembinaan mahkamah baru bagi menggantikan mahkamah sedia ada yang beroperasi di Bangunan Majlis Daerah Besut. Bangunan baharu ini akan menempatkan 2 buah bilik bicara dengan kos berjumlah RM14 juta di atas tapak seluas 1.067 ekar di Lot 241 Mukim Pekan Raja, Daerah Besut.

20

1.3.2 Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan.

Projek Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu ini akan dibina di atas tanah seluas 8.62 ekar di Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu, Kelantan. Projek ini melibatkan pembinaan mahkamah baharu bagi menggantikan mahkamah yang sedia ada. Bangunan ini akan menempatkan 10 buah bilik bicara iaitu 2 Mahkamah Tinggi, 4 Mahkamah Sesyen dan 4 Mahkamah Majistret dengan kos RM105 juta.



Tapak cadangan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan.

2. KERJA UBAH SUAI, PEMBAIKAN DAN NAIK TARAF PEJABAT JABATAN BANTUAN GUAMAN DAN JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA BAGI TAHUN 2014

Pada tahun 2014, Seksyen Pembangunan BHEUU telah meneruskan pelaksanaan kerja-kerja yang masih dalam tempoh tanggungan kecacatan, kerja ubah suai, pembaikan serta naik taraf. Status kerja tersebut adalah seperti berikut:-

- 2.1 6 kerja dalam tempoh tanggungan kecacatan; dan
- 2.2 3 kerja ubah suai, pembaikan dan naik taraf.

Jadual 1: Kerja-kerja yang masih dalam tempoh tanggungan kecacatan, kerja ubah suai, pembaikan dan naik taraf

| Kerja | Kontraktor | Kos Projek (RM) | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Tempoh | Tamat DLP |
|--|--------------------|-----------------|-------------|----------------------------------|----------|------------|
| Pembinaan bilik temuduga dan kerja-kerja berkaitan di Mdl Kuching, Sarawak | Sykt Binaan Sawira | 149,832.00 | 07.08.2013 | 09.10.2013 | 8 minggu | 01.03.2014 |
| Ubah suai ruang pejabat JBG Johor Bahru, Johor | MSD Bena | 392,535.00 | 12.09.2013 | 30.10.2013 EOT: 25.11.2013 | 7 minggu | 25.11.2014 |

| Kerja | Kontraktor | Kos Projek (RM) | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Tempoh | Tamat DLP |
|--|-------------------------|-----------------|-------------|----------------------------------|-----------|------------|
| Naik taraf sistem pendawaian Mdl Selangor | Asyraf Venture | 255,500.00 | 10.01.2013 | 25.11.2013 EOT: 15.12.2013 | 8 minggu | 15.12.2014 |
| Naik taraf ruang pejabat JBG Negeri Sembilan | Tasek Sentosa Resources | 225,024.00 | 10.06.2013 | 29.09.2013 EOT: 19.12.2013 | 16 minggu | 19.12.2014 |
| Naik taraf ruang pejabat JBG Kota Kinabalu | Fam's Enterprise | 223,000.00 | 06.03.2013 | 04.08.2013 EOT: 31.08.2013 | 9 minggu | 31.08.2014 |
| Naik taraf sistem pendawaian Mdl Johor Bahru | Megalite Engineering | 321,530.00 | 08.01.2013 | 23.10.2013 EOT: 15.11.2013 | 12 minggu | 15.11.2014 |
| Kerja ubah suai ruang pejabat baharu Mdl Kuala Lumpur | I Be Trading | 932,356.00 | 16.06.2014 | 24.08.2014 EOT: 30.09.2014 | 10 minggu | 30.09.2015 |
| Kerja naik taraf sistem pendawaian elektrik Mdl Taiping, Perak | Rimbunan Makmur | 117,703.00 | 26.05.2014 | 06.07.2014 EOT: 15.08.2014 | 6 minggu | 15.01.2015 |
| Kerja pembaikan kecil Bilik Ketua Pengarah BHEUU | Dua Daya Sdn. Bhd. | 18,600.00 | - | - | - | - |

22

3. KEURUSETIAAN

Pelaksanaan projek adalah mengikut perancangan yang ditetapkan. Mesyuarat bersama agensi pengguna, pelaksana, kontraktor, perunding dan jabatan lain telah dipengerusikan oleh pihak pengurusan BHEUU.

Jadual 2: Kekerapan Mesyuarat Perlaksanaan Projek

| Mesyuarat | Kekerapan |
|--|--------------------|
| Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembangunan (Bersama JKR dan Mahkamah) | Setiap Bulan |
| Mesyuarat Tapak Projek (Bersama JKR, pengguna, kontraktor dan perunding) | Setiap Bulan |
| Mesyuarat Penyelarasan Projek (Bersama JKR) | Mengikut Keperluan |
| Mesyuarat Perancangan Keperluan Perabot dan Kelengkapan Pejabat | Mengikut Keperluan |
| Mesyuarat Semakan Kecacatan | Setiap 3 Bulan |

4. LAWATAN KERJA

Pengurusan Tertinggi BHEUU juga mengambil inisiatif untuk melakukan lawatan kerja ke tapak projek sebagai langkah pemantauan pelaksanaan projek. Butiran lawatan adalah seperti berikut:

Jadual 3: Lawatan kerja ke tapak projek

| Tarikh | Perkara |
|-------------------|---|
| 6 Februari 2014 | Pengauditan Terhadap Pembinaan Kompleks Mahkamah Baharu Kuantan, Pahang |
| 18 Februari 2014 | Mesyuarat JKPTG Mahkamah Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu, Kelantan |
| 19 Mac 2014 | Perbincangan Laporan Audit Negara Berkenaan Mahkamah Kuantan |
| 7 April 2014 | Mesyuarat Berkenaan Tanah Tapak Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan |
| 23 April 2014 | Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Lawatan Tapak Mahkamah Ipoh, Perak |
| 23 Julai 2014 | Mesyuarat Penyerahan Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, Kuala Lumpur kepada BPH |
| 13 Ogos 2014 | Mesyuarat Penyelarasan Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, Kuala Lumpur |
| 15 Ogos 2014 | Majlis Penyerahan Projek Bangunan Tambahan Mahkamah Baharu Klang, Selangor |
| 18 September 2014 | Mesyuarat Penyelarasan Isu Tapak Bil.4/2014 dan Lawatan Tapak Projek Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah |
| 8 Oktober 2014 | Lawatan Bangunan KLRCa dan Mdl Kuala Lumpur |
| 19 Oktober 2014 | Lawatan ke Mahkamah Klang, Selangor |
| 4 November 2014 | Lawatan ke Mahkamah Kajang, Selangor |
| 5 November 2014 | Majlis Penyerahan Bangunan Mahkamah Baharu Klang, Selangor |
| 26 November 2014 | Lawatan ke Tapak Tanah Bandar Meru Raya dan Tapah, Perak |
| 5 Disember 2014 | Lawatan ke Mahkamah Seksyen dan Majistret Ampang, Selangor |

24

5. BENGKEL PENILAIAN *OUTCOME*

Bengkel Penilaian *Outcome* ini dilaksanakan bertujuan mengkaji dan menambah baik *outcome* yang digunakan memandangkan ia merupakan kaedah utama untuk mengukur pencapaian program/projek pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun yang dilaksanakan oleh Seksyen Pembangunan, BHEUU.

Selain itu, bengkel ini dapat menerapkan pengetahuan dalam kalangan pegawai-pegawai melaksanakan kajian formal mengenai keberkesanan program/projek pembangunan terhadap golongan sasaran melalui proses pengumpulan dan analisis data. Bengkel ini telah diadakan pada 19 hingga 20 Jun 2014 dengan penglibatan seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan di Seksyen Pembangunan, BHEUU, pegawai-pegawai daripada PKPMP dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM).

6. JAWATANKUASA PENGURUSAN TENAGA (JKPTEN)

Jawatankuasa Pengurusan Tenaga (JKPTEN) telah mengadakan pertandingan Penjimatan Tenaga bermula dari Jun sehingga September 2014. Pertandingan ini bertujuan menerapkan elemen 'persaingan sihat' bagi memberi suntikan motivasi kepada semua warga BHEUU untuk terus bersama-sama berusaha membudayakan amalan penggunaan elektrik, air dan *Gas District Cooling* (GDC) secara bertanggungjawab di setiap unit.



YBhg. Datin Noor Haliza Mohd Noor Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan), BHEUU menyampaikan piala pusingan kepada wakil Seksyen Pembangunan, BHEUU.



Gambar kenangan pemenang bersama YBhg. Datin Noor Haliza Mohd Noor, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan) BHEUU.

Seksyen Dasar

1. LEMBAGA PENGAMPUNAN

1.1 Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil. 1/2014

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-negeri Bil.1/2014 telah diadakan pada 17 April 2014 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari PKPMP, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara Malaysia, Pejabat DYMM Sultan, Pejabat Yang di-Pertua Negeri-Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Mesyuarat ini membincangkan isu-isu berkenaan Lembaga Pengampunan Negeri secara keseluruhannya yang diadakan pada setiap tahun.



YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU mempengerusikan mesyuarat.



Pembentangan Laporan Status Projek Sistem Maklumat Pengampunan (e-Pengampunan) oleh Seksyen Pengurusan Maklumat, BHEUU.

bertujuan melaporkan status projek e-Pengampunan, memaklumkan perubahan reka bentuk sistem dan untuk memohon pandangan serta keputusan mesyuarat berhubung isu yang diutarakan.



Dari kiri : YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim; Ketua Pengarah BHEUU bersama TKPj Nor Afifi Sulung; Pengarah Penjara Sungai Udang dan Encik Shamsul Ambia Abdul Aziz; Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.

Kertas makluman bertajuk Laporan Status Projek Sistem Maklumat Pengampunan (e-Pengampunan) telah dibentangkan oleh Seksyen Pengurusan Maklumat, BHEUU. Pembentangan ini

Ahli-ahli mesyuarat kemudiannya dibawa melawat ke Kompleks Penjara Sungai Udang bagi melihat dengan lebih dekat fasiliti-fasiliti serta bengkel kerja yang disediakan untuk penghuni penjara. Atas faktor keselamatan, ahli-ahli mesyuarat hanya dibawa melawat ke blok penjara yang menempatkan banduan-banduan wanita serta

26

bengkel-bengkel kerja seperti bengkel masakan dan bengkel jahitan yang menghasilkan produk-produk penjara. Delegasi mesyuarat juga berpeluang untuk membeli produk-produk penjara seperti rempeyek, kek, pastri, kuih-muih serta barang-barang kraf tangan.



Dari kiri : TKPj Jamaludin Saad, Pengarah Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia; YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU; YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan) BHEUU; YBrs. Encik Zulkipli Ramly, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan YBhg. Dato' Haji Razali Othman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.



YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU memerhatikan kerja-kerja menenun songket oleh banduan Penjara Marang.

1.2 Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil. 2/2014

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-negeri Bil. 2/2014 telah diadakan pada 2 September 2014. Mesyuarat Siri 2 dan yang terakhir dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU ini dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Selepas mesyuarat, delegasi mesyuarat telah dibawa melawat ke Penjara Marang, Terengganu yang mengambil masa kira-kira 40 minit perjalanan daripada Kuala Terengganu. Di sini, delegasi mesyuarat dibawa melawat ke bengkel penghasilan produk songket yang mana delegasi mesyuarat berpeluang melihat dengan lebih dekat proses penghasilan songket yang ditunen sendiri oleh banduan-banduan serta membeli terus hasil kerja tangan banduan-banduan tersebut.



YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU menerima tabik hormat daripada Pegawai Penjara Marang sambil diperhatikan oleh Pengarah Penjara Marang, PKK Hamzani Che Berahim.

2. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NATIONAL HUMAN RIGHTS ACTION PLAN – NHRAP)

Jemaah Menteri pada 12 Oktober 2012 telah bersetuju supaya satu Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (*National Human Rights Action Plan–NHRAP*) dibangunkan dengan memberi fokus kepada 5 teras iaitu:

- i. hak sivil dan berpolitik;
- ii. hak ekonomi, sosial, agama dan kebudayaan;
- iii. hak golongan rentan;
- iv. hak orang asal dan orang asli; dan
- v. kewajipan antarabangsa.

BHEUU telah dilantik sebagai *focal agency* untuk menyelaraskan pembangunan pelan tersebut. Kajian dasar pembangunan NHRAP Fasa I telah dimulakan pada tahun 2014 secara kerjasama/ kolaborasi dengan ahli-ahli akademik dari IPTA/ IPTS. Sebanyak 2 aktiviti yang melibatkan pasukan penyelidik, wakil dari Kementerian/ Agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat sivil (CSO) telah diadakan untuk mendapatkan input selain turut membincangkan konsep hak asasi manusia bagi Malaysia serta isu-isu yang wajar dimasukkan ke dalam NHRAP Malaysia yang bakal dibangunkan.

Jawatankuasa Pemandu Pembangunan NHRAP yang dipengerusikan oleh YB Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga telah bermesyuarat untuk terus memantau pelaksanaan kajian dasar tersebut serta memastikan hala tuju NHRAP adalah bersesuaian dengan

pembangunan negara serta perkembangan di arena antarabangsa.

BHEUU juga mengambil inisiatif untuk membangunkan *War Room* NHRAP sebagai bilik gerakan kerja dan pusat perhubungan Kementerian/ Agensi Kerajaan serta mana-mana pihak lain yang berminat dalam pembangunan NHRAP. *War Room* NHRAP juga berfungsi sebagai pusat sumber dan menyimpan maklumat-maklumat mengenai hak asasi manusia di dalam dan luar negara.

2.1 Mesyuarat Pelaksanaan Kajian Dasar Pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP)

Mesyuarat Pelaksanaan Kajian Dasar Pembangunan NHRAP telah diadakan pada 27 dan 28 Ogos 2014 bertempat di Subang Jaya dengan dihadiri oleh wakil-wakil dari Kementerian/ Agensi Kerajaan yang telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Teknikal Pembangunan NHRAP serta wakil-wakil daripada kumpulan penyelidik dari IPTA/ IPTS yang merupakan sebahagian daripada kumpulan penyelidik yang telah dilantik



YBhg. Prof. Dr. Chang Lee Hoon dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Ketua Teras 2 membentangkan hasil perbincangan.

28

khusus untuk menjalankan kajian dasar NHRAP Fasa I.

Mesyuarat tersebut telah berjaya mencapai tujuannya iaitu menetapkan konsep hak asasi manusia yang bersesuaian dengan keunikan dan budaya di Malaysia serta isu-isu yang perlu dimasukkan ke dalam NHRAP.



Perbincangan oleh ahli pasukan Teras 3.



YBhg. Prof. Dr. Ramy Bulan dari Universiti Malaya (duduk tiga dari kiri) mengetuai sesi perbincangan dengan ahli Teras 4.

3. MAJLIS BERSAMA KERAJAAN NEGERI, PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DAN MASYARAKAT SIVIL (CSO) DALAM MENJAYAKAN KAJIAN DASAR PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRAP)

Majlis Bersama Kerajaan Negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Dan Masyarakat Sivil (CSO) Dalam Menjayakan Kajian Dasar Pembangunan NHRAP telah diadakan pada 12 dan 13 November 2014 di Bangi. Majlis tersebut turut dihadiri oleh ahli-ahli penyelidik, wakil-wakil dari Kementerian/ Agensi Kerajaan (Jawatankuasa Teknikal), Kerajaan Negeri, NGO dan CSO.

Objektif majlis tersebut adalah untuk memberi penerangan mengenai usaha Kerajaan untuk membangunkan NHRAP kepada Kerajaan Negeri dan wakil-wakil NGO/ CSO, mewujudkan suatu platform perbincangan yang telus dan terbuka serta mendapatkan pandangan dari pihak Kerajaan Negeri dan NGO/ CSO mengenai isu-isu hak asasi manusia di Malaysia



YB Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberikan ucapan perasmian pada 13 November 2014.

termasuk mewujudkan jalinan kerjasama dan persefahaman dalam kalangan pelbagai pihak yang terlibat dalam menjayakan pembangunan NHRAP.

Majlis tersebut telah berjaya mengumpul pandangan dan pendapat daripada Kerajaan Negeri, NGO dan CSO mengenai pembangunan NHRAP serta isu-isu semasa mengenai hak asasi manusia.



Dari kiri: YBhg. Prof. Madya Dr. Khairil Azmin Moktar dari Universiti Islam Antarabangsa, YBhg. Prof. Dato' Dr. Teo Kok Seong dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan YBhg. Prof Dr. Ramy Bulan dari Universiti Malaya.



YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Ketua Pengarah BHEUU memberikan ulasan pada sesi bersama Kerajaan Negeri.



Dari kiri: Encik Azril Mohd Amin (CENTHRA), YBhg. Datuk Dr. Khaw Lake Tee (SUHAKAM), YBhg. Prof. Madya Dr. Shamrahayu Abd Aziz (Ketua Penyelidik Kajian Dasar NHRAP Fasa I) dan Encik Roger Chan (Majlis Peguam Malaysia).



YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Ketua Pengarah BHEUU bergambar bersama para penyelidik, wakil-wakil dari Kementerian/ Agensi Kerajaan, wakil-wakil Kerajaan Negeri serta urus setia.

30

4. WAR ROOM NHRAP

War Room NHRAP telah diwujudkan di Aras 7, BHEUU bagi melancarkan pembangunan NHRAP. Ia dijadikan sebagai sumber dan pusat rujukan kepada Kementerian/ Agensi Kerajaan serta pihak lain yang berminat terhadap pembangunan NHRAP. Ia juga bertindak sebagai pusat perhubungan antara BHEUU dengan semua pihak yang ingin membekalkan maklumat dan pendapat serta pandangan terhadap pembangunan NHRAP. Bilik Sumber NHRAP turut diwujudkan untuk menyimpan maklumat tentang hak asasi manusia di dalam dan luar negara.



War Room NHRAP di Aras 7, BHEUU.



Bilik Sumber NHRAP yang menempatkan maklumat mengenai hak asasi manusia di dalam dan luar negara.



Bilik Perbincangan NHRAP.

5. JAWATANKUASA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA (JPUUM)

5.1 Penyelidikan di bawah Geran Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM) bagi tahun 2014.

Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM) telah meneruskan penawaran geran penyelidikan selaras dengan objektif JPUUM untuk memastikan sistem perundangan Malaysia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa demi kepentingan rakyat di samping untuk menggalakkan penajaan teori, konsep dan idea baru dalam mempercepatkan pembaharuan undang-undang di Malaysia. Bagi geran penyelidikan tahun 2014, JPUUM telah menawarkan 7 geran penyelidikan kepada pensyarah-pensyarah dari institusi pengajian tinggi yang berminat untuk membuat penyelidikan yang berkaitan dengan pembaharuan mana-mana undang-undang di Malaysia.

Pada tahun 2014, pendekatan penawaran geran yang berbeza telah dilaksanakan iaitu tajuk-tajuk penyelidikan diterima daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi berdasarkan pembaharuan

undang-undang yang telah dikenal pasti berbanding pendekatan terdahulu yang mana cadangan topik dikemukakan oleh para penyelidik pada tahun-tahun sebelum ini. Kaedah baru ini diguna

untuk memastikan kajian-kajian yang dijalankan di bawah geran penyelidikan JPUUM lebih memenuhi keperluan semasa.

Jadual 4 : Tajuk-tajuk penyelidikan yang telah ditawarkan geran JPUUM 2014

| Tajuk Penyelidikan | Pembentang | Kementerian/ Jabatan Yang Berkaitan |
|--|---|---|
| Penyemakan Semula Akta 265: Akta Kerja 1955 | Dr. Nor ' Adha Abdul Hamid (Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor) | Kementerian Sumber Manusia |
| <i>Married Women and Children (Enforcement of Maintenance) Act 1968: The Proposed Care Taker (Ministry), Enforcement Agency and Possible Application in Sabah and Sarawak</i> | Prof. Madya Dr. Nuraisyah Chua Abdullah (Universiti Teknologi MARA) | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| <i>A Critical Study on the Use of Live TV Link and Screen for Victims and Vulnerable Witnesses in the Malaysian Criminal Proceeding with Reference to the Evidence of Child Witnesses Act 2007</i> | Dr. Abidah Abdul Ghafar (Universiti Sains Islam Malaysia) | Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri |
| Kajian Terhadap Undang-Undang Pengurusan Dan Pentadbiran Harta Pusaka Islam (Faraid) Di Malaysia | Dr. Suhaimi Ab. Rahman (Universiti Putra Malaysia) | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| Semakan Semula Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 | Dr. Hj Resali Muda (Universiti Sains Islam Malaysia) | Agensi Antidadah Kebangsaan |
| <i>A Study On The Land Provisions Of The Orang Asli Communities The Aboriginal Peoples Act 1954 From The Perspective Of Justice and Welfare Principles</i> | Puan Izawati Wook (Universiti Sains Islam Malaysia) | Jabatan Kemajuan Orang Asli |
| <i>A Study on the Effectiveness of the Role of Board of Visiting Justices and Board of Visitors Under the Prison Act 1995 and Child Act 2001</i> | Puan Salmah Roslim (Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah) | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| <i>(Ditukar daripada A Review Of Child Act 2001: To Incorporate Diversion Programme In The Child Act 2001)</i> | | |

32

6. PEMBENTANGAN HASIL PENYELIDIKAN DI BAWAH GERAN PENYELIDIKAN JPUUM TAHUN 2014

Sebanyak 11 hasil penyelidikan di bawah geran JPUUM telah dibentangkan di hadapan ahli-ahli JPUUM dan wakil-wakil Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang berkaitan. Semasa sesi pembentangan tersebut, wakil-wakil Kementerian/ Jabatan/ Agensi selakupihak yang bertanggungjawab terhadap dasar serta polisi berkenaan undang-undang yang telah dikaji telah berpeluang menyumbang pandangan, pendapat dan memberi maklum balas yang membina terhadap hasil penyelidikan. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh kumpulan penyelidik akan dipertimbangkan dan diambil tindakan selanjutnya ke arah usaha pembaharuan undang-undang oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi tersebut.

Jadual 5: Senarai hasil penyelidikan yang telah dibentangkan sepanjang tahun 2014

| Tajuk Penyelidikan | Tarikh Pembentangan | Pembentang | Kementerian/ Agensi Yang Berkaitan |
|--|---------------------|---|---|
| <i>A Critical Study On The Commission Of Statutory Rape By Those Below 18: Should Punishment Or Protection Prevail</i> | 18 Februari 2014 | Dr. Farah Nini Dusuki (Universiti Malaya) | i. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ii. Kementerian Dalam Negeri |
| <i>Reforming The Laws Regarding Education For Children With Disabilities in Malaysia</i> | 18 Februari 2014 | Encik Ikmal Hisham Md Tah (Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang) | i. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ii. Kementerian Pendidikan Malaysia |
| <i>Time For A Telecommunications Industry Ombudsman; Proposed Amendments To The Communications And Multimedia Act 1998</i> | 4 Mac 2014 | Dr. Bahma Sivasubramaniam (Universiti Multimedia) | i. Kementerian Komunikasi dan Multimedia ii. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia |
| <i>A Review on Damages For Loss of Earnings under the Civil Law Act 1956</i> | 4 Mac 2014 | Puan Norila Abu Hassan (Universiti Teknologi MARA) | Jabatan Peguam Negara |

| Tajuk Penyelidikan | Tarikh Pembentangan | Pembentang | Kementerian/ Agensi Yang Berkaitan |
|--|---------------------|---|--|
| <i>Review Of The Outdated Innkeepers Act 1952</i> | 8 Julai 2014 | Prof. Madya Dr. Nuraisyah Chua Abdullah (Universiti Teknologi MARA) | i. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ii. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iii. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah iv. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti Negeri Sarawak |
| <i>Review Of The Moneylenders (Amendment) Act 2003 And Its Economic Efficiency To The Debt Market</i> | 8 Julai 2014 | Dr. Ruzian Markom (Universiti Kebangsaan Malaysia) | i. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ii. Kementerian Kewangan iii. Bank Negara Malaysia |
| <i>Civil Liabilities For False Halal Logo And Misleading Representation Under The Consumer Protection Act 1999</i> | 4 November 2014 | Dr. Elistina Abu Bakar (Universiti Putra Malaysia) | i. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ii. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| <i>Hibah: Keperluan Terhadap Satu Undang-Undang Khusus</i> | 4 November 2014 | Puan Norintan Wahab (Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor) | i. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ii. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| <i>Adequacy Of The Occupational Safety And Health (OSH) Legislation For The Malaysian Construction Industry</i> | 4 November 2014 | Prof. Madya Dr. Rozanah Ab. Rahman (Universiti Putra Malaysia) | Kementerian Sumber Manusia |

34

| Tajuk Penyelidikan | Tarikh Pembentangan | Pembentang | Kementerian/ Agensi Yang Berkaitan |
|--|---------------------|---|---|
| <i>Reviewing The Provision On Access To Forest Produce Under The Forestry Act 1984</i> | 11 Disember 2014 | Puan Norliah Yaakub (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia) | Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar |
| <i>The Feasibility Of Adopting A US Bayh-Dole Like Provisions For Malaysia</i> | 11 Disember 2014 | Puan Norliah Yaakub (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia) | i. Kementerian Pendidikan Malaysia ii. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan iii. Perbadanan Harta Intelek Malaysia iv. Agensi Inovasi Malaysia |

7. AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]

7.1 Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan peserta berkenaan Akta 711 bagi pelaksanaan di peringkat negeri.

7.1.1 Bengkel Akta 711 bagi PBT Zon Tengah

Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 kepada Pihak Berkuasa Tempatan Zon Tengah telah diadakan pada 28 April 2014 bertempat di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan

(ILKAP), Bangi, Selangor. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU. Bengkel yang berlangsung selama 3 hari itu melibatkan PBT daripada Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Kelantan dan Terengganu sebagai persediaan kepada PBT untuk melaksanakan Akta 711 di peringkat negeri.



YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU merasmikan bengkel.

7.1.2. Bengkel Akta 711 bagi PBT Zon Sabah

Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 kepada PBT Sabah telah diadakan pada 12 Ogos 2014 bertempat di Kem Bina Negara Kundasang, Sabah. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU. Bengkel selama 3 hari itu dihadiri oleh wakil daripada 21 PBT Sabah.



YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU bergambar bersama peserta bengkel.

7.1.3 Bengkel Latihan Kepada Tenaga Pengajar (*Training of Trainers - TOT*) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]

Bengkel *Training of Trainers (TOT)* ini adalah program pertama yang diadakan khusus untuk melahirkan lebih ramai tenaga pengajar/jurucakap/penceramah terlatih bagi menyampaikan taklimat berkenaan Akta 711. Bengkel yang diadakan pada 22 hingga 23 September 2014 bertempat di Kota Bharu, Kelantan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Nursiah Arshad,

Ketua Pengarah BHEUU. Bengkel tersebut dihadiri oleh peserta dari 6 agensi penguatkuasaan utama iaitu PDRM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).



YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Ketua Pengarah BHEUU (empat dari kiri) bergambar bersama urus setia dan peserta bengkel.

8. AKTA KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK 2007 [AKTA 676]

8.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676] Bil. 1/2014

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676] Bil. 1/2014 telah diadakan pada 6 Mei 2014. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan) BHEUU ketika itu. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari

36

PKPMP, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Penasihat Undang-Undang, JPM dan Seksyen Pembangunan, BHEUU bagi membincangkan isu-isu berkenaan penyelarasan pelaksanaan Akta 676.

8.2 Lawatan Ahli Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676] ke Mahkamah Shah Alam

Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 yang diurusetia oleh BHEUU telah mengadakan lawatan ke Mahkamah Shah Alam, Selangor pada 8 September 2014. Delegasi lawatan seramai 17 orang ini diketuai oleh YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid, Pengarah (Dasar) BHEUU. Lawatan ini diadakan semasa berlangsungnya perbincangan yang melibatkan saksi atau mangsa kanak-kanak. Lawatan ini membolehkan ahli-ahli Jawatankuasa meninjau dan menyaksikan sendiri keberkesanan pelaksanaan Akta 676 termasuk penggunaan laluan khas, pengadang, litar rakaman dan sebagainya dalam melindungi saksi atau mangsa kanak-kanak yang diminta tampil memberi keterangan di mahkamah.



Taklimat oleh YA Dato' Noradidah Ahmad, Hakim Penyelia (Jenayah) Mahkamah Seksyen Shah Alam.



Delegasi BHEUU mendengar taklimat mengenai Mahkamah Shah Alam.



Bilik Saksi Kanak-Kanak, Mahkamah Shah Alam.

9. AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

Salah satu daripada fungsi BHEUU adalah pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Sebanyak 45 yayasan telah berjaya diperbadankan pada tahun 2014.

BHEUU turut terlibat dengan penilaian bersama oleh *Asia-Pacific Group on Money Laundering* (APG) bagi menilai tahap pematuhan Malaysia terhadap piawaian *Financial Action Task Force* (FATF) dalam usaha supaya Malaysia berjaya menganggotai FATF. Penilaian tersebut telah dijalankan pada 21 November 2014 di Lanai Kijang, Bank Negara. Keputusan bagi penilaian tersebut akan

dimaklumkan oleh pihak Bank Negara selaku sekretariat pada April 2015.

Selain itu, BHEUU, JPM turut terlibat dengan seminar anjuran Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan kursus anjuran Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia masing-masing pada 30 September 2014 dan 19 Disember 2014.

9.1 Seminar Kebangsaan 2014 Mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan

Seminar Kebangsaan 2014 Mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan telah diadakan pada 30 September 2014 di Kuala Lumpur. Majlis anjuran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Ketua Pengarah BHEUU, JPM serta 4 orang pegawai. Seminar tersebut turut dihadiri oleh 10 orang wakil daripada yayasan yang berdaftar di bawah Akta 258.



YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Ketua Pengarah BHEUU (dua dari kiri) semasa Majlis Pelancaran Buku Panduan Amalan Terbaik Menguruskan NPO.



Dari kiri: Encik Amir Hamzah Awang Ghazali, Timbalan Pengarah (Dasar); Cik Norliza M Jamil, Penolong Pengarah (Dasar); YBhg. Datin Noor Haliza Mohd Noor, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan) dan YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid, Pengarah (Dasar) turut menghadiri seminar tersebut.



YBhg. Datin Noor Haliza Mohd Noor, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan) BHEUU dan YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid, Pengarah (Dasar), BHEUU mendengar taklimat.

10. TAKLIMAT PENGENALAN FUNGSI BHEUU DAN URUSAN PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI BAWAH AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

Pada 19 Disember 2014, satu Taklimat Pengenalan Fungsi BHEUU dan urusan pemerbadanan pemegang amanah di bawah Akta 258 telah disampaikan oleh Encik Amir Hamzah Awang Ghazali, Timbalan Pengarah (Dasar), BHEUU

38

kepada 30 orang pegawai *helpdesk* eROSES. Taklimat yang diadakan di Dewan Auditorium, Kompleks Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah bersempena Kursus *Helpdesk* eROSES Bil. 2/2014 anjuran Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).



Encik Amir Hamzah Awang Ghazali, Timbalan Pengarah (Dasar), BHEUU menyampaikan taklimat.

Seksyen Pengurusan Maklumat

1. HARI PEMBUDAYAAN ICT BHEUU 2014

Program Hari Pembudayaan ICT BHEUU bagi Tahun 2014 dianjurkan seiring dengan Bulan Keselamatan ICT Sektor Awam yang diadakan pada setiap bulan Jun. Aktiviti “Hari Pembudayaan ICT” diadakan di BHEUU pada 18 Jun 2014. 3 pertandingan berkonsep ICT dijalankan serentak iaitu:

- 1.1 *PC Challenge*;
- 1.2 Mencipta Montaj secara atas talian; dan
- 1.3 Teka Silang Kata.

Objektif pertandingan bagi ketiga-tiga kategori adalah untuk meningkatkan pengetahuan ICT dan membudayakan ICT dalam tugas harian.



YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU merasmikan Hari Pembudayaan ICT.

1.1 *PC Challenge*

Peserta perlu mencari komponen lengkap supaya pemasangan PC dibuat dengan sempurna. Pemenang pertandingan ini dikira mengikut tempoh masa yang diambil untuk melengkapkan pemasangan PC.



Salah satu kumpulan pertandingan sedang tekun memasang PC.

1.2 Mencipta Montaj

Pertandingan ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu Kategori A: Aktiviti bagi Program Pembudayaan ICT; dan Kategori B: Kepenggunaan ICT Dalam Kerja Harian. Bagi Kategori A, peserta menyediakan montaj yang mengandungi gambar/ video/ audio aktiviti semasa Program Pembudayaan ICT manakala bagi kategori B pula, montaj perlu mengandungi gambar/ video/ audio mengenai pembudayaan ICT dalam suasana kerja di bangunan BHEUU.

1.3 Teka Silang Kata

Pertandingan Teka Silang Kata telah diadakan pada 18 Jun hingga 20 Jun 2014. Pertandingan Teka Silang Kata merangkumi soalan-soalan berkaitan dengan komputer dan teknologi maklumat.

2. CERAMAH ICT

Penganjuran ceramah ICT bertajuk *Introduction to Mobile Device Security*

40

diadakan semasa minggu pembudayaan ICT. Tajuk ini dipilih kerana penggunaan peralatan mudah alih meluas di Malaysia dan pendedahan mengenai keselamatan ICT harus diberi perhatian demi menjaga keselamatan maklumat.



Encik Ahmad Ismadi Yazid Sukaimi, *CyberSecurity Malaysia Senior Specialist*, berkongsi kepakaran beliau berkenaan *Introduction to Mobile Device Security* dengan peserta ceramah.

3. SISTEM INSOLVENSİ BERSEPADU (INSIST)

INSIST dibangunkan bagi menggantikan semua sistem aplikasi sedia ada yang digunakan oleh Mdl. Semua fungsi dalam sistem sedia ada disatukan dalam satu sistem yang bersepadu. Pembangunan semula ini adalah berdasarkan kepada cabaran dan isu pengguna aplikasi, perubahan dalam proses operasi jabatan, akta dan keperluan-keperluan lain pelanggan Mdl.

Objektif utama INSIST adalah untuk:

- i. mewujudkan satu sistem pengurusan kebangkrapan dan likuidasi yang bersepadu sebagai asas sistem maklumat yang berintegriti;
- ii. menjadikan Mdl sumber rujukan

- utama maklumat kebangkrapan dan penggulangan syarikat di peringkat agensi Kerajaan, badan berkanun, swasta dan orang awam;
- iii. mempertingkatkan sistem capaian kepada pelanggan Mdl dengan mempelbagaikan perkhidmatan dan produk secara *online*;
- iv. menyokong pentadbiran insolvensi ke arah lanskap insolvensi yang baru; dan
- v. memudahkan Mdl membuat pemantauan sebagai pengurus pentadbiran insolvensi dengan lebih efisien dan proaktif.

3.1 Komponen INSIST

Terdapat 6 komponen INSIST iaitu:

1.1.1 Portal Insolvensi

Portal ini menjadi antara muka bagi semua pengguna INSIST untuk memasuki sistem. Ia juga menjadi medan komunikasi dua hala antara Mdl dengan pelanggan mereka.

1.1.2 Modul Pengurusan Kes Kebankrapan

Modul ini adalah untuk menguruskan kes kebangkrapan dari awal hingga akhir kes tersebut dilepaskan atau dibatalkan atau diketepikan sama ada melalui mahkamah ataupun melalui Ketua Pengarah Insolvensi (KPI).

1.1.3 Modul Pengurusan Kes Likuidasi

Modul ini adalah untuk menguruskan kes likuidasi iaitu kes-kes penggugungan syarikat sendiri berhad, pertubuhan dan kesatuan sekerja. Proses bermula dari menerima petisyen sehinggalah kes tersebut selesai dikendalikan oleh Pegawai Penerima Malaysia.

3.1.4 Modul Perakaunan, Pembayaran dan Penerimaan

Modul ini adalah untuk menguruskan proses kerja perakaunan dari awal penerimaan deposit sehingga bayaran dividen, bayaran balik deposit dan pemulangan wang

lebih kepada pelanggan.


3.1.5 Modul Perkhidmatan

Menyediakan perkhidmatan Mdl kepada pelanggan secara *online* yang melibatkan perkhidmatan berbayar (hasil dan bukan hasil) dan tidak berbayar.

3.1.6 Modul Penyelenggaraan

Kemudahan kepada pentadbir sistem melaksanakan tugas penyelenggaraan dan pengurusan sistem seperti mengurus pengguna, penyelenggaraan polisi dan modul-modul yang terdapat di dalam sistem.

3.2 Rangka Kerja INSIST



42

3.3 Fasa Pembangunan INSIST



3.4 Faedah-Faedah Pelaksanaan INSIST

Faedah kepada agensi (Mdl)

3.4.1 Mewujudkan satu sistem pengurusan kebankrapan dan likuidasi yang bersepadu sebagai asas sistem maklumat yang berintegriti. Maklumat yang tepat dan bersepadu dapat meningkatkan tadbir urus serta menjadi sumber rujukan utama maklumat kebankrapan dan penggulangan syarikat di Malaysia;

3.4.2 Memudahkan pemantauan dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan serta menyokong pentadbiran Insolvensi ke arah lanskap Insolvensi yang baru;

3.4.3 Mempertingkatkan interaksi sesama agensi terutamanya dalam penyaluran input, pengesahan dan pengemaskinian data, pertukaran maklumat dan penguatkuasaan;

3.4.4 Menjadi sumber rujukan utama data kebankrapan dan

penggulangan syarikat di peringkat agensi Kerajaan, badan berkanun, swasta dan orang awam. Perkongsian data ini meningkatkan produktiviti satu sistem penyampaian awam yang lebih efisien;

3.4.5 Menjimatkan masa carian dan pembayaran; dan

3.4.6 Menghasilkan data yang lebih berintegriti dan tepat.

3.5. Faedah kepada pelanggan

3.5.1 Pelanggan boleh melakukan pembayaran di mana-mana cawangan Mdl dan tidak terikat dengan cawangan yang didaftarkan;

3.5.2 Pelanggan boleh menyemak akaun lejar bankrap melalui Pegawai Insolvensi dengan serta merta selepas pembayaran dilakukan;

3.5.3 Pentadbiran kes kebankrapan dan likuidasi lebih efisien dan sistematik apabila

INSIST diintegrasikan dengan Modul Perakaunan; dan

3.5.4 Semakan status boleh dilakukan dengan lebih cepat dan mudah melalui INSIST.

4. UNIT OPERASI SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT

Keselamatan ICT merupakan elemen penting dalam memastikan data dan maklumat Kerajaan sentiasa terpelihara dan tidak jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh BHEUU dalam memastikan pengukuhan keselamatan ICT di BHEUU pada 2014 adalah pemantauan berterusan pelaksanaan Dasar Keselamatan ICT BHEUU, *Security Posture Assessment (SPA)* dan pelaksanaan MS ISO/IEC 27001:2007 (ISMS). Selain itu, kita juga telah bekerjasama dengan MAMPU untuk pemantauan keselamatan ICT melalui projek *Malaysia Government Comprehensive Managed ICT Security Services (myGSOC)*.

5. SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA)

SPA telah dilaksanakan bermula Julai 2014 hingga Disember 2014. Pelaksanaan SPA ini bertujuan untuk menilai tahap keselamatan persekitaran ICT dan sistem-sistem kritikal di BHEUU, Mdl dan JBG. Skop pelaksanaan merangkumi *Database Assessment, Host Assessment, Application Assessment, Penetration Test* dan *Network Forensic*. Hasil penilaian telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK Teknikal ICT BHEUU pada 3 Disember 2014

dan Mesyuarat JK Pemandu ICT BHEUU pada 23 Disember 2014, di mana secara keseluruhannya tahap keselamatan ICT di BHEUU masih dalam keadaan terkawal.

6. INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS)

BHEUU telah mendapat pensijilan ISMS MS ISO/IEC 27001:2007 pada Oktober 2013 oleh SIRIM untuk skop Pengurusan Pusat Data yang merangkumi maklumat e-mail dan data kebankrapan. Seterusnya, audit pemantauan ISMS telah dilakukan oleh SIRIM pada September 2014 bagi memastikan keselamatan maklumat kritikal dilindungi dengan sebaiknya.

Seksyen Kewangan

Bajet Mengurus tahun 2014 yang diluluskan untuk 3 Aktiviti di bawah Program BHEUU adalah berjumlah RM118,426,000.00. Jumlah perbelanjaan sehingga 31 Disember 2014 adalah RM123,978,321.35 (105.54%) berbanding peruntukan dipinda RM117,474,040.00.

Bajet Pembangunan yang diluluskan pada tahun 2014 adalah berjumlah RM40,066,000.00 Perbelanjaan sebenar sehingga 31 Disember 2014 adalah berjumlah RM37,663,353.64 (93.93%) berbanding peruntukan dipinda RM40,095,400.00. Keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2014 adalah untuk projek fizikal.

Sejumlah 1,978 baucar tuntutan bayaran bernilai RM22,201,912.35 telah diluluskan melalui peruntukan Bajet Mengurus dan Bajet Pembangunan tahun 2014. Semua bil telah diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari.



Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

1. KEURUSETIAAN

Antara mesyuarat yang telah diadakan pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

- 1.1 Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan);
- 1.2 Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Pergerakan Gaji);
- 1.3 Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Anugerah Perkhidmatan Cemerlang);
- 1.4 Mesyuarat Panel Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat BHEUU;
- 1.5 Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan;
- 1.6 Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU);
- 1.7 Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ);
- 1.8 Mesyuarat Pengurusan;
- 1.9 Mesyuarat Lembaga Tatatertib;
- 1.10 Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan;
- 1.11 Mesyuarat Bersama Polis Bantuan;
- 1.12 Mesyuarat Pemilihan Anugerah Pekerja Contoh BHEUU;
- 1.13 Mesyuarat Pemandu Jabatan dan Pembantu Operasi;
- 1.14 Mesyuarat Perkhidmatan Kantin dan Katering;
- 1.15 Mesyuarat Penyelenggaraan Bangunan 3G1 Bersama Pihak Penyelenggara

1.16

Bangunan (JKR dan JRM);
Mesyuarat Bersama Pasukan Keselamatan Kebakaran dan Bencana (PKKB); dan

1.17

Mesyuarat Sambutan/ Keceriaan Jabatan.

2. MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN JASAMU DIKENANG TAHUN 2013

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang BHEUU yang diadakan pada 22 April 2014 telah disempurnakan oleh YB. Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Seramai 16 orang pegawai BHEUU, 37 orang pegawai Jabatan Bantuan Guaman dan 89 pegawai Jabatan Insolvensi Malaysia telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2013. Selain itu, 14 orang pegawai yang akan bersara pada tahun 2014 daripada BHEUU, JBG dan Mdl turut diraikan bagi menghargai jasa pegawai-pegawai tersebut sepanjang berada dalam perkhidmatan awam.

3. KURSUS DAN LATIHAN

Beberapa program Ceramah Keutuhan dan Latihan telah diadakan pada tahun 2014. Antaranya adalah seperti di Jadual 6.

46

Jadual 6: Program Ceramah Keutuhan dan Latihan

| Tajuk Penyelidikan | Kementerian/ Agensi Yang Berkaitan |
|--|---|
| Ceramah Keutuhan Bil.1/2014- Prosedur Permohonan Faedah Terbitan Bagi Kes Kematian dalam Persaraan | 22 Januari 2014 |
| Bengkel <i>Microsoft Office 2013- Be Productive with Microsoft Office 2007, 2010 vs 2013</i> | 17 Februari 2014 |
| Ceramah Keutuhan Bil.2/2014- Dilema Ombak Rindu | 25 Februari 2014 |
| Ceramah Keutuhan Bil.3/2014- Imej Keterampilan Diri (<i>Appearance, Behaviour & Communication</i>) | 27 Mac 2014 |
| Ceramah Keutuhan Bil.4/2014- Kesedaran Keselamatan Kebakaran | 24 April 2014 |
| Ceramah Keutuhan Bil.5/2014- Pencegahan/ Survival Jenayah Dengan Kaedah Psikologi dan Emosi- Jangan Jadi Mangsa” | 22 Mei 2014 |
| Kursus Pemikiran Kritis dan Inovatif | 29-30 Mei 2014 |
| Ceramah Keutuhan Bil.6/2014- Ancaman Keselamatan ICT | 24 Jun 2014 |
| Bengkel Fail Meja | 19-20 Jun 2014 |
| Ceramah Keutuhan Bil.7/2014- Program Ceramah Ramadhan | 18 Julai 2014 |
| Kursus Tatacara Perolehan Dan Sebut Harga | 8-10 Oktober 2014 |
| Ceramah Keutuhan Bil.8/2014- Perjuangan 152 Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 | 16 Oktober 2014 |
| Ceramah Keutuhan Bil.9/2014- Hak-hak Wanita – Sebelum, Semasa dan Selepas Berkahwin | 10 Disember 2014 |
| Bengkel Penulisan Dokumen Rasmi | 12 Disember 2014 |
| Program Kecemerlangan Diri Dan Motivasi/ Team Building Siri 1 & 2/2014 | 22 September 2014 & 17 Disember 2014 |

4. BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK BHEUU 2015-2020

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, BHEUU dengan kerjasama INTAN Cawangan Kuching telah menganjurkan Bengkel Perancangan Strategik BHEUU 2015-2020 di Kuching, Sarawak pada 17 hingga 18 November 2014.

YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Ketua Pengarah BHEUU, YBhg. Datin Noor Haliza Mohd Noor, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) dan Encik M Kamroldin Hitam, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU telah hadir perbincangan tersebut. Wakil daripada INTAN Cawangan Kuching iaitu Dr. Dusit Jaul telah dijemput sebagai fasilitator bengkel. Seramai 30 orang pegawai BHEUU telah hadir ke bengkel tersebut.



Fasilitator jemputan, Dr. Dusit Jaul dari INTAN cawangan Kuching, Sarawak.

5. PROGRAM OUTREACH YB MENTERI BERSAMA RAKYAT DI PARLIMEN BATANG SADONG

Program *Outreach* YB Menteri Bersama Rakyat diadakan pada 16 November 2014 di Kampung Sungai Buloh, Sadong

Jaya, Batang Sadong dan disertai oleh Ketua Pengarah BHEUU, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-Pengarah Seksyen BHEUU.



Penyampaian cenderahati oleh Tuai Rumah kepada KP BHEUU dan disaksikan oleh YB Menteri.

6. PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, BHEUU telah memantau pelaksanaan modul-modul HRMIS dan sehingga Disember 2014, peratus pengemaskinian HRMIS berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Submodul Rekod Peribadi
: 98.42%
- ii. Submodul Profil Perkhidmatan
: 100%
- iii. Submodul Perisytiharan Harta
: 94.76%
- iv. Submodul SKT
: 97.49%

48

7. PENYEWAAN RUANG PEJABAT DAN RUANG STOR CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG) DAN JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdl)

Beberapa kontrak perjanjian bagi penyewaan ruang pejabat dan stor bagi JBG dan Mdl telah dilanjutkan pada tahun 2014.

7.1 Penyewaan Ruang Pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)

Kontrak penyewaan ruang pejabat Mdl telah dilanjutkan di beberapa cawangan seperti berikut:

- 1.1.1 Mdl Cawangan Ipoh
- 1.1.2 Mdl Cawangan Taiping
- 1.1.3 Mdl Cawangan Perlis
- 1.1.4 Mdl Cawangan Tawau
- 1.1.5 Mdl Cawangan Miri (T14)
- 1.1.6 Mdl Cawangan Miri (T11)

7.2 Ruang Stor Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)

Kontrak penyewaan ruang stor Mdl telah dilanjutkan di Ibu Pejabat Mdl.

7.3 Penyewaan Ruang Pejabat Jabatan Bantuan Guaman (JBG)

Kontrak Penyewaan ruang pejabat JBG telah dilanjutkan di beberapa cawangan seperti berikut:

- 1.3.1 Cawangan Kuala Lumpur
- 1.3.2 Cawangan Gua Musang
- 1.3.3 Cawangan Kota Bharu
- 1.3.4 Cawangan Miri

8. PROGRAM INOVASI

8.1 Bengkel Audit Dalam MS ISO BHEUU

Bengkel Audit Dalam MS ISO BHEUU telah diadakan pada 26 hingga 27 Jun 2014. Seramai 27 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan BHEUU telah menghadiri bengkel ini. Pemudahcara adalah Encik Jayaselan Navaratnam dan Encik Yap Hock Ann dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).



Encik Jayaselan Navaratnam memberikan penerangan berkaitan Audit Dalam ISO.

8.2 Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Bengkel KIK BHEUU telah diadakan pada 5 hingga 6 Mei 2014. Seramai 50 orang pegawai dan kakitangan BHEUU telah menghadiri bengkel ini. Fasilitator jemputan adalah Encik Jayaselan Navaratnam dari KPKT.



Encik Jayaselan Navaratnam memberikan penerangan berkaitan Audit Dalam ISO.

9. LAWATAN PENANDA ARAS AMALAN PERSEKITARAN 5S BHEUU

Ahli Jawatankuasa 5S BHEUU telah mengadakan Lawatan Penanda Aras Amalan Persekitaran 5S ke Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia (BPP) pada 16 April 2014. Ketibaan rombongan telah disambut oleh Wakil Seksyen Dasar & Perancangan Strategik merangkap Penyelaras 5S BPP iaitu Encik Rashidi Baba bersama pegawai-pegawainya.

Tujuan lawatan kali ini lebih khusus kepada sistem pengurusan fail di BPP di samping pembudayaan 5S secara menyeluruh oleh kerana tahap keberkesanan sistem pengurusan fail di BPP. Selain mengeratkan



Rombongan Lawatan 5S BHEUU bersama wakil koordinator 5S Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia.

hubungan antara kedua-dua Jabatan yang melaksanakan Amalan 5S, lawatan ini memberi peluang kepada ahli-ahli Jawatankuasa Amalan 5S BHEUU untuk mengaplikasikan ilmu serta informasi yang telah diperoleh di sektor masing-masing.

10. PENGIKTIRAFAN BERKAITAN ISO DAN INOVASI

10.1 Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Oleh Sirim

Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM telah diadakan pada 16 hingga 17 Disember 2014. Audit ini bertujuan untuk mengesahkan pelaksanaan dan kesinambungan Sistem Pengurusan Kualiti menepati piawaian MS ISO 9001:2008, menilai sama ada terdapat perubahan dalam Sistem Pengurusan Kualiti BHEUU dan mengesahkan tindakan pembetulan yang dilaksanakan untuk audit sebelum ini adalah memuaskan.



Mesyuarat Pembukaan Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.

50

10.2 Audit Pensijilan Persekitaran Berkualiti Amalan 5S

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menjalankan Audit Pensijilan Persekitaran Berkualiti Amalan 5S pada 16 Mei 2014 di BHEUU. Hasil daripada komitmen yang diberikan oleh semua pihak terutamanya pihak Pengurusan Atasan, urus setia dan ketua-ketua Sektor, BHEUU telah berjaya memenuhi keperluan Pensijilan Persekitaran Berkualiti Amalan 5S.



Mesyuarat Pembukaan Audit Pensijilan Persekitaran Berkualiti Amalan 5S oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Puan Norafidah Gusili dan Puan Haryati Kamsani. Turut hadir bersama semasa pembentangan sebagai pemerhati ialah Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan), YBhg. Dato' Nursiah Arshad yang turut memberikan sokongan padu kepada Kumpulan 1Inovasi.

BHEUU telah membentangkan projek eTravel iaitu Sistem Permohonan Kelulusan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian.



Kumpulan 1Inovasi sedang membuat pembentangan eTravel.

11. LAPORAN PEMBUDAYAAN KREATIVITI DAN INOVASI

11.1 Penyertaan Pertandingan KIK

BHEUU telah menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Jabatan Perdana Menteri Tahun 2014 yang telah diadakan di Putrajaya. Konvensyen tersebut disertai oleh Kumpulan 1Inovasi daripada BHEUU yang terdiri daripada Puan Marietta Rachel Lukie, Puan Maria Mat Nani, Cik Nurul Hayati Ab Ghafar, Encik Sidek Ahmad, Encik Seiang Tian,



YBhg. Dato' Nursiah Arshad memberi kata-kata semangat kepada wakil kumpulan 1Inovasi sebelum membuat persembahan.

12. HUBUNGAN MAJIKAN – PEKERJA

Majlis Bersama Jabatan telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2014. Pada tahun 2014, seramai 24 wakil pekerja yang baru telah dilantik bagi menggantikan wakil pekerja bagi sesi 2012-2014.

13. AKTIVITI PUSAT SUMBER BHEUU

Sepanjang tahun 2014 Pusat Sumber BHEUU telah mengadakan beberapa aktiviti bertujuan membudayakan amalan membaca dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat serta cintakan ilmu di kalangan warga BHEUU. Aktiviti yang diadakan adalah seperti berikut:

13.1 Program Jaja Buku

Program Jaja Buku telah diadakan pada setiap awal bulan dan telah berjaya diadakan sebanyak 12 kali. Program Jaja Buku ini berkonsepkan perpustakaan bergerak di mana buku-buku akan dibawa oleh petugas perpustakaan ke meja warga BHEUU. Warga BHEUU boleh meminjam dan memulangkan buku sewaktu aktiviti ini tanpa perlu datang ke Perpustakaan.



Program Jaja Buku.

13.2 Pameran dan Jualan Buku Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2014

Pada 16 dan 17 Oktober 2014, Pusat Sumber BHEUU telah mengadakan Pameran dan Jualan Buku sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang disambut pada setiap bulan Oktober setiap tahun. Pameran ini juga bertujuan menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan warga BHEUU khususnya.



Pegawai dan kakitangan BHEUU yang mengunjungi Jualan Buku.

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Unit Komunikasi Korporat dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan publisiti, dokumentasi gambar, promosi dan menyebarkan maklumat aktiviti jabatan kepada orang awam.

1. FUNGSI UKK

- 1.1 Merancang dan menyelaras pelan komunikasi, promosi dan publisiti BHEUU;
- 1.2 Mengurus dan menyelaras bahan penerbitan BHEUU seperti

Laporan Tahunan dan Buletin BHEUU;

- 1.3 Memantau dan menguruskan hal berkaitan dengan pelanggan;
- 1.4 Menyelaras dan mengemaskini maklumat BHEUU di Portal, Facebook dan I-board;
- 1.5 Menyelaras Majlis Rasmi BHEUU dan menguruskan Protokol; dan
- 1.6 Memastikan aktiviti dan program BHEUU didokumentasikan dalam bentuk video/ CD/ Penulisan/ Foto.

2. AKTIVITI UKK SEPANJANG TAHUN 2014

Jadual 7: Aktiviti UKK

| Aktiviti | Bulan |
|--|---|
| Penerbitan Buku Laporan Tahunan BHEUU | 30 April 2014 |
| Lawatan Ke Agensi Media (BERNAMA) | 24 Jun 2014 |
| Kajian Kepuasan Pelanggan | 10 Jun - 10 Julai 2014 18 Nov- 18 Dis 2014 |
| Penerbitan Buletin BHEUU | 30 September 2014 |
| Lawatan Ke Agensi Media (Utusan Melayu Berhad) | 10 Oktober 2014 |
| Cabaran Bijak Bahasa | 23 Oktober 2014 |
| Pertandingan Berbalas Pantun <i>WhatsApp</i> | 26 Oktober 2014 |
| Mengemaskini Aktiviti di Portal BHEUU, <i>Facebook</i> , <i>I-board</i> dan Intranet | Sepanjang tahun |
| Keratan Akbar Harian | Sepanjang tahun |
| Rakaman video aktiviti BHEUU | Sepanjang tahun |
| Mendokumentasikan gambar | Sepanjang tahun |
| Memberi maklum balas untuk aduan dan pertanyaan | Sepanjang tahun |
| Mengelola Perhimpunan Bulanan BHEUU | Sepanjang tahun |

Aktiviti Sepanjang Tahun 2014

Temu bual bersama YB Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di RTM.



Majlis Silaturahmi bersama YBM.



Temubual bersama YB Hajah Nancy Shukri di NTV7.



Lawatan ke Utusan.



Cabaran Bijak Bahasa.



Semasa Perhimpunan Bulanan BHEU.



Lawatan ke BERNAMA.

Kelab Sukan Dan Kebajikan BHEUU (KSK BHEUU)

Pengenalan

Jawatankuasa Tadbir KSK BHEUU 2014, meneruskan tradisi dalam memberikan perkhidmatan terbaik bagi menjaga kebajikan ahli KSK BHEUU. KSK BHEUU telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang menarik dan berfaedah.

1. Ahli Jawatankuasa Tadbir KSK 2014

| Jawatan | Nama |
|---------------------------------------|---|
| Pengerusi | YBhg. Dato' Haji Ismail Ibrahim (Januari 2014 – Julai 2014) YBhg. Dato' Nursiah Arshad (Ogos 2014 – sekarang) |
| Timbalan Pengerusi | YBhg. Dato' Mat Aron Deraman |
| Naib Pengerusi I | Encik Mohd Asri Pilus |
| Naib Pengerusi II | YM. Raja Muhammad Azhan Shah Raja Muhammad (Januari – September 2014) Encik Mohd Azmi Mohd Hassan (Oktober 2014 – sekarang) |
| Setiausaha | Encik Bahrunnizam Abd. Kadir |
| Penolong Setiausaha | Encik Sahrin Amzah |
| Bendahari | Puan Nor Idayu Ahmad Shukri |
| Pengerusi Biro Ekonomi | Encik Akhmal Abu Bakar |
| Pengerusi Biro Kebajikan | Puan Siti Azura Ismail |
| Pengerusi Biro Sosial & Rekreasi | Encik Ross Rafizal Rosli (Januari – Mei 2014) |
| Pengerusi Biro Sukan | Encik Ahmad Fakaruddin Wan Mohamad |
| Pengerusi Biro Agama | Encik Mohd Shaihin Md Sarif |
| Pengerusi Biro Pembangunan Diri | Encik Yusmizal Md. Yusof (Januari – Mei 2014) |
| Pengerusi Biro Penerbitan & Publisiti | Encik Zakaria Ismail |

2. Program dan Aktiviti KSK BHEUU 2014

Jadual 8: Program dan Aktiviti KSK

| Aktiviti/Program | Tarikh |
|--|-----------------------------|
| Hari Keluarga KSK BHEUU 2013 | 12 Januari 2014 |
| Pertandingan Ping Pong Kelab Bukit Perdana | 18 Januari 2014 |
| Perkhidmatan Kerusi Urut | Februari 2014 |
| Majlis Bacaan Yassin | Jumaat pertama setiap bulan |
| Mesyuarat Agung Kali ke-26 | 4 Mac 2014 |
| <i>Car Boot Sale</i> | 23 Mei 2014 & 6 Jun 2014 |
| Kejohanan Badminton MAKSWIP | 16 – 19 Jun 2014 |
| Program Amal Gotong Royong Membersih Surau | 22 Jun 2014 |
| Tazkirah Ringkas (Hadis) | Setiap pagi |
| Kuiz Agama “Ana Tanya Ante Jawab” | 9 dan 17 Julai 2014 |
| Program Ukhwah Asyura 2014 | 7 November 2014 |
| Program Bantuan Banjir | Disember 2014 |

Galeri Gambar KSK BHEUU



Program Gotong Royong membersihkan Surau Al-Hidayah, Simpang 3, Jenderam Hilir, Dengkil, Selangor.



Program Ukhwah Asyura 2014.



Misi Bantuan Banjir



PUSPANITA Cawangan Kecil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

1. MESYUARAT AGUNG PUSPANITA CAWANGAN KECIL BHEUU

Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU Kali Ke-4 telah diadakan pada 14 Februari 2014 di Dewan Harmoni, BHEUU. AJK Tertinggi PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU adalah seperti berikut:

| Jawatan | Nama |
|---|--|
| Penaung | YBhg. Dato' Nursiah Arshad Ketua Pengarah BHEUU 5 September 2014 |
| Pengerusi | YBhg. Datin Noor Haliza Mohd Noor Timbalan Ketua Pengarah (D&P) BHEUU 5 September 2014 - 27 April 2015 |
| Timbalan Pengerusi I | YBhg. Datin Norhaliza Hassan (Mdl) |
| Timbalan Pengerusi II | Puan Hajjah Noor Hadina Ahmad Zabidi Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) (JBG) |
| Naib Pengerusi I | Puan Saadiah Abdul Rani (BHEUU) |
| Naib Pengerusi II | Cik Azlin Kamaruddin (JBG) |
| Setiausaha | Puan Marietta Rachel Lukie (BHEUU) |
| Penolong Setiausaha | Puan Raden Lailani Raden Othman (Mdl) |
| Bendahari | Puan Farah Nadilah Rahmat (BHEUU) |
| Penolong Bendahari | Puan Siti Azura Ismail (BHEUU) |
| Pemegang Amanah | Puan Hazini Satam (Mdl) |
| Pemeriksa Kira-kira | Puan Kalthom Zainal (BHEUU) Puan Zurina Yusof (BHEUU) |
| Ketua Biro Keahlian dan Promosi | Puan Siti Suhaila Surati (Mdl) |
| Ketua Biro ICT, Seranta dan Penerbitan | Cik Nur Izzati Abdullah (JBG) |
| Ketua Biro Kebajikan dan Pembangunan Keluarga | Puan Norazlina Abdul Hamid (BHEUU) |

58

| Jawatan | Nama |
|----------------------------------|--|
| Ketua Biro Sosial dan Kebudayaan | Puan Siti Aishah Mokhtar (Mdl) |
| Ketua Biro Sukan dan Kesihatan | Puan Zurina Razali (JBG) |
| Ketua Biro Ekonomi | Puan Atini Jailani (BHEUU) |
| Ketua Biro Lestari dan CSR | Cik Norliza M Jamil (BHEUU) |
| Ketua Biro Kepenggunaan | Cik Siti Shafarazat Mohd Shahrin (JBG) |
| Ketua Biro Agama | Puan Mahanum Daud (BHEUU) |

Galeri Gambar



Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU Kali Ke-4.



Ucapan YBhg. Datin Hajah Che Kamariah Abdullah, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU.



2. KURSUS KEWANGAN ISLAM 11 MAC 2014



Sebahagian peserta Kursus Kewangan Islam.

3. MAJLIS JASAMU DIKENANG YBHG. DATIN HAJAH CHE KAMARIAH ABDULLAH Pengerusi PUSPANITA CAWANGAN KECIL BHEUU PADA 19 SEPTEMBER 2014.



Ucapan YBhg. Datin Hajah Che Kamariah Abdullah.

Penyerahan Nota Serah Tugas Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU daripada YBhg. Datin Hajah Che Kamariah Abdullah kepada YBhg. Datin Noor Haliza Mohd Noor.



Penyerahan jambangan bunga kepada Penaung PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU, YBhg Dato' Nursiah Arshad.



Puan Haslina Mansor, KPI dan Puan Hajah Noor Hadina Ahmad Zabidi, Timbalan Ketua Pengarah Syariah, JBG semasa Mesyuarat Agung PUSPANITA.

60

4. JUALAN PUSPANITA BHEUU

Jualan PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU diadakan setiap bulan pada tahun 2014 untuk menambahkan dana.



5. LAWATAN KE MUZIUM DIRAJA ISTANA NEGARA

Lawatan ke Muzium Diraja, Istana Negara telah diadakan pada 29 Mei 2014 anjuran Biro Pembangunan Alam Bina dan Lestari melibatkan seramai 54 orang yang terdiri daripada pegawai dan ahli PUSPANITA dari BHEUU, JBG dan Mdl serta ahli keluarga masing-masing. Lawatan ini diadakan bagi memberi

peluang kepada ahli-ahli PUSPANITA BHEUU, JPM untuk melihat dengan lebih dekat mengenai struktur bangunan warisan Diraja dan persekitarannya selain dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai sejarah, peranan serta fungsi Majlis Raja-raja kepada masyarakat.



6. CHOCO DEDICATION

Biro Pembangunan Alam Bina dan Lestari, PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU telah menganjurkan *Choco*

Dedication 1st Edition 2014 sempena menghargai persahabatan yang terjalin antara pegawai di BHEUU, JBG dan Mdl.



7. KELAS QUILLING

Quilling merupakan aktiviti kraf menggunakan riben atau kertas berwarna yang dipotong dan digulung

untuk membentuk hasil seni yang menarik. Kelas *Quilling* telah diadakan pada 18 April 2014.





Jabatan Bantuan Guaman



Pengurusan Tertinggi Jabatan Bantuan Guaman



**PUAN SITI ZAWAHIR
MOHAMED**

KETUA PENGARAH



ENCIK RASID SUDIN

**TIMBALAN KETUA
PENGARAH (SIVIL)**

**(mulai 1 mei 2013 sehingga
15 april 2014)**



PUAN ASLINA JONED

**TIMBALAN KETUA
PENGARAH (SIVIL)**

(mulai 2 jun 2014)



**PUAN NOOR HADINA
AHMAD ZABIDI**

**TIMBALAN KETUA
PENGARAH
(SYARIAH)**

Ketua Bahagian Jabatan Bantuan Guaman



ENCIK EFFENDI NAZILA ABDULLAH
Pengarah Penyelidikan Dan Dasar



ENCIK KAMARUL ARIS KAMALLUDDIN
Pengarah Pengantaraan (Sivil)



PUAN FARIZA MILAQURSHIAH MAHMUD
Pengarah Peguam Panel



ENCIK NIK ASRUL NIZAM
NIK MUSTAPHA
Pengarah Pengantaraan (Syariah)



PUAN SOFIAN AHMAD
Pengarah Litigasi & Nasihat (Syariah)



PUAN NORMIE BAIZURA AMIRUDDIN
Pengarah Litigasi & Nasihat (Sivil)



CIK AZLIN KAMARUDDIN
*Penolong Pengarah Kanan Khidmat
Pengurusan*

Ketua Cawangan Jabatan Bantuan Guaman



PUAN NOOR SAKINAH HAROON ARASHID
Pengarah JBG Selangor



PUAN SAYANI MOHD NOR
*Pengarah JBG Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur*



ENCIK MAZDI ABDUL HAMID
Pengarah JBG Kedah



ENCIK MAH YUT CHOY
Pengarah JBG Perak



ENCIK JAILANI RAHMAN
Pengarah JBG Johor



ENCIK MOHAMED FAIZAL
MOHAMED FEDDER
Pengarah JBG Kelantan



ENCIK AZIZAN ABDULLAH
Pengarah JBG Pahang

Ketua Cawangan Jabatan Bantuan Guaman



PUAN HEZLIN HALDI
Pengarah JBG Pulau Pinang



ENCIK HUSNI FAIROS
Pengarah JBG Sabah



ENCIK ADAM MOHAMED @ MAMAT
Pengarah JBG Terengganu



PUAN RONIE ENTILI
Pengarah JBG Sarawak



ENCIK YUSLIZA AWAL
Pengarah JBG Melaka



CIK AZA FYREEN ABD AZIZ
Pengarah JBG Perlis



ENCIK MOHD SYAHZAN RUSNI
Pengarah JBG Negeri Sembilan

Ketua Cawangan Jabatan Bantuan Guaman



ENCIK WAN HAFIZUDDIN OSMAN
Penolong Pengarah JBG Muar



CIK RAMATH NISA SEGU ALAVUDIN
Penolong Pengarah JBG Taiping



CIK NOORHANI MUHMED AYUB
Penolong Pengarah JBG Raub



CIK YONG SUK HUI
Penolong Pengarah JBG Miri



ENCIK SABI RAMLEE
*Penolong Pengarah JBG Wilayah
Persekutuan Labuan*



ENCIK YUSOF ARSHAD
Penolong Pengarah JBG Gua Musang



ENCIK NOR KAMAL KASSIM
Penolong Pengarah JBG Sibu



ENCIK YUSMAN ABD RASJID
Penolong Pengarah JBG Langkawi

Pengenalan




Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) merupakan suatu agensi yang memberikan khidmat dan nasihat guaman bagi kes sivil dan Syariah kepada warganegara yang ingin mendapatkan keadilan tetapi tidak berkemampuan. Akses kepada keadilan merupakan prinsip utama dalam pentadbiran sistem keadilan. Konsep ini menekankan bahawa keadilan bukanlah keistimewaan kepada sebilangan orang sahaja tetapi hendaklah diberi kepada semua rakyat atas dasar sama rata, adil dan saksama. Terdapat anggota masyarakat yang tidak dapat menegakkan dan membela hak mereka disebabkan oleh kurangnya pengetahuan undang-undang dan tidak peka dengan hak mereka atau mungkin mereka tidak mampu menampung kos guaman. Oleh yang demikian, jika bantuan guaman tidak diberikan, undang-undang dan institusinya tidak dapat wujud untuk faedah golongan ini dan mereka menjadi mangsa kepada sistem keadilan itu sendiri. Satu cara untuk memastikan bahawa keadilan boleh diakses oleh semua adalah dengan menyediakan suatu skema perkhidmatan bantuan guaman yang mudah dan murah untuk mereka yang berpendapatan rendah.

JBG yang sebelum ini dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman (BBG) ditubuhkan pada September 1970 dengan objektif penubuhan untuk memberi nasihat dan bantuan guaman kepada masyarakat terutama golongan yang tidak berkemampuan.

Pada awal penubuhan, kes yang dikendalikan oleh JBG tertumpu kepada kes kekeluargaan sahaja yang hanya berjumlah 150 kes namun kini dengan bidang kuasa JBG yang telah diperluas, kes yang dikendalikan meningkat setiap tahun. Pada tahun 2013, JBG telah mengorak langkah dengan menyediakan Dokumen Pengurusan Strategik Jabatan bagi tempoh lima tahun (2018-2014) yang dirangka hasil daripada kajian dan perbincangan yang mendalam berpandukan isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh JBG dalam memberi khidmat bantuan guaman kepada golongan kurang berkemampuan. Dengan adanya dokumen ini, JBG diharap dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dan pengendalian kes bantuan guaman yang lebih produktif dan cemerlang kepada masyarakat.

Carta Organisasi Jabatan Bantuan Guaman



Hala Tuju Strategik

Peneraju bantuan guaman yang terunggul di Malaysia pada tahun 2018.

Visi Misi

Menerajui perkhidmatan bantuan guaman secara profesional kepada masyarakat yang berkeelayakan bagi menjamin akses kepada keadilan melalui proses perundangan.

72

Nilai Bersama

Warga JBG berpegang kepada enam nilai bersama dalam melaksanakan misi ke arah pencapaian visi yang ditetapkan -

INTEGRITI

Berkhidmat dengan penuh komitmen dan rasa tanggungjawab terhadap kualiti output yang dihasilkan berasaskan etika kerja cemerlang dan tingkah laku terpuji dan beramanah.

PROFESIONAL

Melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan berasaskan etika dan kemahiran perundangan yang khusus untuk melaksanakannya.

RESPONSIF

Sentiasa peka dengan kehendak pihak yang berkepentingan (stakeholder) dan pada masa yang sama mengutamakan kepuasan pelanggan di samping memahami isu-isu semasa bagi mendapatkan penyelesaian yang terbaik.

KERJA BERPASUKAN

Sentiasa bekerjasama dengan semua pihak dalam usaha menyelesaikan masalah dan memberikan hasil yang terbaik kepada pelanggan.

KREATIF & INOVATIF

Sentiasa mencari idea-idea baru yang bernas dan bermanfaat bagi tujuan menyampaikan perkhidmatan kepada seluruh masyarakat.

BERORIENTASIKAN PELANGGAN

Mengutamakan perkhidmatan yang mesra, berkualiti dan memberi kepuasan kepada pelanggan dalam semua perkara.

1. AKTIVITI TERAS STRATEGIK 1

Pada 1 Januari 2014, JBG telah menggerakkan Dokumen Pengurusan Strategik JBG 2014 – 2018 yang menggariskan matlamat dan hala tuju Jabatan untuk tempoh 5 tahun yang akan datang. Sebagai sumber utama Jabatan, ia mendokumentasikan secara terperinci enam teras strategik berserta pelan tindakan yang perlu dilaksanakan berdasarkan indikator sasaran yang hendak dicapai sebagai usaha ke arah merealisasikan visi dan misi Jabatan.

Teras Strategik 1: Memantapkan tadbir urus dan mengoptimumkan keupayaan kapasiti organisasi bagi memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan JBG

| Strategi | Objektif kepada strategi | Program | Indikator sasaran (Kuantiti/Kualiti) bagi tahun 2014 | Pencapaian |
|---|--|---|--|---|
| MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN SUMBER MANUSIA YANG SEDIA ADA | PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JBG YANG BERKUALITI | Pengendalian sistematik dalam pengurusan kes sivil, Syariah dan jenayah serta khidmat pengantaraan. | Pematuhan Piagam Pelanggan (85%). | Secara keseluruhannya, semua cawangan mencapai 100% pematuhan piagam pelanggan bagi tahun 2014. |
| | | Pemberian khidmat nasihat sivil, Syariah dan jenayah. | Tahap kepuasan pelanggan adalah baik dan cemerlang (85%). | Tahap kepuasan pelanggan dari tempoh Januari hingga Disember 2014 ialah 98.7% |
| | | Pengukuhan khidmat pengurusan kewangan dan aset. | 90% tahap kepatuhan dalam pengurusan kewangan dan aset (self assessment) | Tahap kepatuhan dalam pengurusan kewangan dan aset bagi tahun 2014 ialah 91.3% |

74

| Strategi | Objektif kepada strategi | Program | Indikator sasaran (Kuantiti/Kualiti) bagi tahun 2014 | Pencapaian |
|---|---|--|--|--|
| MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN SUMBER MANUSIA YANG SEDIA ADA | PENINGKATAN KECEKAPAN WARGA JBG | Melaksanakan latihan sebagaimana yang telah dirancang dalam Pelan Operasi Latihan BHEUU. | <ul style="list-style-type: none"> - Setiap warga JBG menghadiri kursus 7 hari setahun - 3 Kursus Generik setiap tahun - 4 Kursus Fungsional setiap tahun | 100% warga JBG menghadiri 7 hari latihan pada tahun 2014. |
| | | Mewujudkan dan melaksanakan Pelan Operasi Latihan JBG tahun 2014. | Pelan Operasi latihan JBG disediakan bagi tahun 2014. | Pelan Operasi Latihan JBG 2014 telah disediakan dan dilaksanakan. |
| | PENINGKATAN JATI DIRI DAN SEMANGAT KERJA BERPASUKAN | Program motivasi warga JBG | Penarafan 5 bintang kepada cawangan | Jawatankuasa Penarafan 5 bintang telah memuktamadkan kriteria penilaian dan dijangkakan akan dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi JBG pada awal Januari 2015. |
| | | i. Pengiktirafan kepada cawangan | 2014 - 2 cawangan | |
| | | ii. Pengiktirafan kepada individu | Seorang Pekerja Contoh setiap bulan | Anugerah pekerja contoh telah diadakan setiap bulan pada tahun 2014. |
| | iii. Penilaian Kepuasan bekerja secara atas talian | Membangunkan borang soal selidik atas talian | Kajian kepuasan bekerja bagi tahun 2014 ialah 90% | |

1.1 KURSUS

Sepanjang 2014, latihan kepada warga JBG telah mencapai 100% pematuhan dengan keseluruhan warga JBG menghadiri kursus lebih tujuh (7) hari. Dalam usaha Jabatan meningkatkan teknologi dan penambahbaikan prosedur kerja, JBG juga telah sama-sama meningkatkan kecekapan warga JBG melalui pelaksanaan kursus kerana pekerja yang cemerlang dapat ditingkatkan melalui pembelajaran yang berterusan atau menimba ilmu sepanjang hayat. Kejayaan sesebuah organisasi akan terhasil dengan mengamalkan sikap bekerja secara efisien dan efektif dan mewujudkan persekitaran *learning organization* bagi mendokong usaha penambahbaikan secara berterusan yang dapat menghasilkan budaya kerja cemerlang, berkualiti, kreatif dan inovatif. Bagi melancarkan penyampaian perkhidmatan JBG, keperluan menjalankan latihan bagi pegawai-pegawai yang baru dalam perkhidmatan Kerajaan serta pegawai-pegawai yang bertukar adalah amat penting bagi membekalkan kemahiran dalam pengendalian kes-kes di Mahkamah. JBG telah mendapat peruntukan bagi melaksanakan beberapa siri kursus dan menghadiri beberapa kursus berbayar seperti yang berikut:

| | |
|---|----------------|
| Peruntukan 1% emolumen untuk latihan (Peruntukan Latihan Daripada BHEUU) | : RM 75,000.00 |
| Perbelanjaan Setakat 31 Disember 2014 | : RM 58,976.25 |

Jadual 1 : Senarai Kursus bagi tahun 2014

| Nama Kursus / Tempat | Tarikh | Kos (RM) | Bil. Hadir |
|--|---------------|-----------|------------|
| Bengkel Pengurusan dan Pengendalian Kes Syariah bagi Pegawai Undang-Undang dan Pegawai Syariah Jabatan Bantuan Guaman di ILIM, Bangi. | 14 - 16.04.14 | 2,065.00 | 28 |
| Kursus Khas Lanjutan Pembantu Tadbir Undang-Undang L17, Pembantu Syariah LS17 dan Pembantu Tadbir (P/O) N17 Jabatan Bantuan Guaman di Shah Alam. | 25 - 27.09.14 | 12,000.00 | 29 |
| Kursus Khas Penolong Pegawai Syariah dan Penolong Pegawai Undang-Undang JBG di ILKAP, Bangi. | 19 - 21.10.14 | 2,800.00 | 35 |
| Kursus Peningkatan Kemahiran Penghantar Notis di ILKAP, Bangi. | 4 - 7.11.14 | 2,800.00 | 22 |
| Kursus Tatacara Pengurusan Aset di ILKAP, Bangi. | 17 - 19.11.14 | 2,400.00 | 29 |

76

| Nama Kursus / Tempat | Tarikh | Kos (RM) | Bil. Hadir |
|--|---------------|-----------|------------|
| Bengkel Pementoran Jabatan Bantuan Guaman di Kuala Lumpur. | 23 - 25.11.14 | 12,920.00 | 45 |
| Bengkel Peningkatan Kemahiran Pengantaraan, Jabatan Bantuan Guaman di Kuala Lumpur | 3-5.12.14 | 9,000.00 | 35 |

* Catatan - Peruntukan bagi kursus anjuran kerajaan/swasta adalah sebanyak RM10,000.00

| Nama Kursus | Tarikh | Kos (RM) |
|--|------------------------|----------|
| Kursus Mediasi 2014 anjuran Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) | | |
| Puan Aishah binti Mohd Nor | 15-19 Februari 2014 | 3,300.00 |
| Seminar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Outreach 2014 anjuran <i>Malaysian Association of Creativity & Innovation (MACRI)</i> | | |
| Encik Ahmad Ikhzan bin Omar Encik Iskandar Shah bin Mohd Nadzir | 17-18 Mac 2014 | 300.00 |
| <i>Joomla Fast Track : Back To Intermediate</i> anjuran <i>Altfa Training Centre</i> | | |
| Puan Nurfauzani binti Azmi | 25-27 Mac 2014 | 1,300.00 |
| Seminar Undang-Undang dan Masyarakat (SLAS) menambahbaik Pentadbiran Keadilan Jenayah di Malaysia anjuran Pusat Undang-Undang Harun M Hashim, UIAM | | |
| Puan Sofian binti Ahmad | 13 April 2014 | 300.00 |
| Seminar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Outreach 2014 anjuran <i>Malaysian Association of Creativity & Innovation (MACRI)</i> | | |
| Puan Zurina binti Razali Puan Norza binti Mahassan | 29 April 2014 | 100.00 |

| Nama Kursus | Tarikh | Kos (RM) |
|--|-------------------------|-----------|
| <i>Productivity Competitiveness Conference 2014</i> Anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia | | |
| Encik Effandi Nazila bin Abdullah | 24-25 Jun 2014 | 500.00 |
| Seminar Bidang Kuasa Perundangan Syariah : Penyeragaman Oleh Persekutuan VS Pelaksanaan Oleh Negeri - "Lesson Learnt And The Way Forward" Anjuran Jabatan Peguam Negara | | |
| Puan Siti Zawahir binti Mohamed | 25 - 26 Ogos 2014 | 800.00 |
| Innovation Malaysia Conference 2014 "Return On Innovation" Anjuran Asian Strategy & Leadership Incorporated Sdn. Bhd. | | |
| Puan Aslina binti Joned | 28 - 29 Ogos 2014 | 500.00 |
| Persidangan <i>Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM) 2014</i> Anjuran Perkhidmatan Awam Malaysia dengan kerjasama Pertubuhan Komanwel Bagi Pentadbiran Awam dan Pengurusan | | |
| Cik Azlin binti Kamaruddin | 19 - 21 Oktober 2014 | 2,891.25 |
| Bengkel Penggubalan Perundangan Subsidiari Anjuran Jabatan Peguam Negara | | |
| Cik Aza Fyreen binti Abdul Aziz | 9 - 11 Disember 2014 | 5,000.00 |
| TOTAL | | 14,991.25 |

78



Kursus Penghantar Notis Pada 5-7 November 2014 di ILKAP, Bangi.



Kursus Tatacara Pengurusan Aset Pada 17-19 November 2014 di ILKAP, Bangi.














Bengkel Peningkatan Pengantaraan Pada 3-5 Disember 2014 di Kuala Lumpur.

80

1.2 PEKERJA CONTOH

Bagi memberi pengiktirafan kepada warga JBG yang berdedikasi dan inovatif, Ibu Pejabat telah melaksanakan anugerah pekerja contoh secara bulanan yang diadakan di Ibu Pejabat pada setiap bulan. Berikut adalah senarai pekerja contoh bagi tahun 2014:

| | | |
|---|---|--|
|  <p>JANUARI</p> <p>Puan Sharizad Hanim Amir Pegawai Undang-Undang Gred L41 JBG W.P Kuala Lumpur</p> |  <p>FEBRUARI</p> <p>Puan Yuzaini Yusof Pembantu Syariah Gred LS22 (KUP) JBG Cawangan Selangor</p> |  <p>MAC</p> <p>Puan Rohayu Jamal Pen. Pegawai Tadbir Gred N32 Kewangan dan Akaun</p> |
|  <p>APRIL</p> <p>Puan Halimatun Saadiah Mustah Pen. Pegawai Syariah Gred LS27 JBG W.P Kuala Lumpur</p> |  <p>MEI</p> <p>Encik Ahmad Ikhzan Omar Pembantu Tadbir Undang-Undang Gred L17 Unit Pengantaraan Sivil</p> |  <p>JUN</p> <p>Puan Che Fatimah Hussin Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 JBG Perlis</p> |
|  <p>JULAI</p> <p>Puan Nurul Azian Harun Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 JBG Perak</p> |  <p>OGOS</p> <p>Encik Faris Mamat Pen. Pegawai Undang-Undang Gred L29 JBG Caw. Wilayah Persekutuan</p> |  <p>SEPTEMBER</p> <p>Puan Faziana Kasni Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 Bahagian Pengurusan</p> |
|  <p>OKTOBER</p> <p>Cik Rahmath Nisa Segu Atavudin Pegawai Undang-Undang Gred L41 JBG Taiping, Perak</p> |  <p>NOVEMBER</p> <p>Encik Muhamad Saiful Azlimi Mokhtar Pegawai Syariah Gred LS41 JBG Selangor</p> |  <p>DISEMBER</p> <p>Puan Suzillah Junsin Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 JBG Caw. Sabah</p> |

| Strategi | Objektif kepada Strategi | Program | Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti) Bagi Tahun 2014 | Pencapaian 2014 |
|------------------------------|------------------------------------|---|---|---|
| Membuat Penstrukturan semula | Peningkatan keupayaan perkhidmatan | Kajian semula struktur organisasi - Penubuhan Unit Komunikasi & Korporat JBG | Kertas penstrukturan semula dikemukakan ke JPA pada awal tahun 2014 | Kertas penstrukturan semula telah dimuktamadkan dan akan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam melalui BHEUU dan JPM |

1.3 PENSTRUKTURAN SEMULA JBG

Kali terakhir penstrukturan semula JBG dibuat pada 2006 dan telah diluluskan mengikut Waran Perjawatan (W.P. Bil.A89 Tahun 2006) pada tahun yang sama. Penstrukturan semula telah melibatkan pertambahan besar-besaran bilangan perjawatan daripada 220 kepada 519 jawatan. Seajar dengan keperluan masyarakat yang semakin meningkat dan bidang kuasa JBG yang telah diperluas, penstrukturan ini dilihat amatlah perlu bagi memastikan semua lapisan masyarakat yang kurang berkemampuan mendapat perkhidmatan JBG.

| Strategi | Objektif kepada Strategi | Program | Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti) Bagi Tahun 2014 | Pencapaian 2014 |
|---|--|------------------------|--|---|
| Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif | Mewujudkan suasana bekerja yang selesa | Pengubahsuaian pejabat | 2014 - 2 cawangan diubahsuai | Pengubahsuaian tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2014 selaras dengan Arahan Kerajaan berkenaan dengan 11 Langkah Penjimatan |

82

| Strategi | Objektif kepada Strategi | Program | Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti) Bagi Tahun 2014 | Pencapaian 2014 |
|---|---|---|--|---|
| Meningkatkan infrastruktur ICT di Jabatan | Peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan | Pembelian dan penggantian peralatan ICT | 3% peralatan ICT baru bagi tempoh 2014 - 2018 | Pembelian 2 komputer riba telah dibuat pada tahun 2014 untuk meningkatkan sistem penyampaian ICT. |

2. AKTIVITI TERAS STRATEGIK 2

Teras Strategik 2: Memantapkan khidmat nasihat guaman dalam semua perkara undang-undang untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan ke arah meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem perundangan negara.

| Strategi | Objektif kepada Strategi | Program | Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti) Bagi Tahun 2014 | Pencapaian 2014 |
|------------------------------------|--|--|--|---|
| Memperkukuh khidmat nasihat guaman | Menyeragamkan nasihat guaman, memudahkan rujukan undang-undang dan menambah pengetahuan kepada pegawai terutama pegawai baru | Menyediakan manual nasihat undang-undang | <p>Kes dalam bidang kuasa (Tahun siap : 2015)</p> <p>Kes luar bidang kuasa (tahun siap : 2018)</p> | <p>Bahagian Litigasi dan Nasihat (Syariah)</p> <p>•Setakat 15 Disember 2014, Bahagian ini telah menyediakan 7 draf manual nasihat (Syariah) merangkumi tajuk perceraian, idah, rujuk, wasiat, hibah, mutaah dan hadanah. Secara keseluruhannya,</p> |

| Strategi | Objektif kepada Strategi | Program | Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti) Bagi Tahun 2014 | Pencapaian 2014 |
|---|---|---------|---|--|
| Menyediakan saluran bagi konsultasi nasihat undang-undang | Penyampaian Perkhidmatan JBG yang cekap dan berkesan serta memuaskan kehendak pelanggan | JBG4U | Tahap kepuasan pelanggan adalah baik dan cemerlang secara atas talian | <p>sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2014 telah tercapai.</p> <p>Bahagian Litigasi dan Nasihat (Sivil)</p> <ul style="list-style-type: none"> •Bagi tahun 2014 6 draf manual khidmat nasihat telah disediakan oleh Bahagian ini. |
| | | | 2014 - (85%) | Penambahbaikan fungsi untuk menilai tahap kepuasan pelanggan dalam JBG4U adalah masih dalam kajian. |

2.1 JBG4U

Kemudahan sistem maklum balas JBG4U yang telah disediakan di portal JBG sejak April 2013 memudahkan orang awam untuk mengemukakan pertanyaan, cadangan atau penghargaan kepada JBG secara atas talian. Sebanyak 90 maklum balas telah diterima dan 86 semakan maklum balas telah direkodkan untuk sepanjang tahun 2014.

84

3. AKTIVITI TERAS STRATEGIK 3

Teras Strategik 3: Memperkasakan khidmat bantuan guaman di mahkamah dalam semua prosiding sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Bantuan Guaman 1971 bagi menjamin akses kepada keadilan dan hak sama rata kepada masyarakat selaras dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

| Strategi | Objektif kepada Strategi | Program | Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti) Bagi Tahun 2014 | Pencapaian 2014 |
|---|----------------------------------|--------------------------|--|--|
| Memperkukuh khidmat bantuan guaman berkualiti/terbaik | Meningkatkan pengetahuan pegawai | Program <i>Mentoring</i> | Penyertaan pegawai LS27 dan L29 - L38 dan pelaksanaan program <i>mentoring</i> pada tahun 2014 | Program mentoring telah dilaksanakan pada 23-25 November 2014. |

3.1 PROGRAM MENTORING

Pengalaman pegawai yang telah berkhidmat lama di JBG menjadi suatu ilmu yang tidak dapat diturunkan melalui pembacaan. Oleh yang demikian, JBG telah melaksanakan kursus pementoran untuk memberi peluang kepada pegawai baharu mempelajari serta menimba pengalaman daripada pegawai yang telah lama berkhidmat di JBG. Bengkel Pementoran JBG telah diadakan di Kuala Lumpur pada 23 hingga 25 November 2014 yang dihadiri oleh seramai 45 orang peserta dari seluruh cawangan.





Bengkel Pementoran JBG pada 23–25 November 2014 di Kuala Lumpur.

4. AKTIVITI TERAS STRATEGIK 4

Teras Strategik 4: Meningkatkan kualiti pengantaraan yang berteraskan profesionalisme sebagai penyelesaian alternatif kepada proses litigasi di mahkamah.

| Strategi | Objektif kepada Strategi | Program | Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti) Bagi Tahun 2014 | Pencapaian 2014 |
|--|---|--|---|--|
| Meningkatkan kualiti pengantaraan yang berteraskan profesionalisme | Mempelbagaikan metodologi/ mekanisme pengantaraan | Menyediakan perkhidmatan sidang video/ <i>video conferencing</i> untuk sidang pengantaraan antara cawangan | Menjalankan kajian kesesuaian dan keboleh-laksanaan penggunaan sidang video | Kajian telah dilaksanakan dan dibentangkan pada pengurusan tertinggi JBG pada tahun 2014. Kajian berterusan dan pelaksanaan akan diadakan pada tahun 2015. |

86

4.1 KAJIAN KESESUAIAN DAN KEMAMPUAN PENGGUNAAN SIDANG VIDEO UNTUK SESI PENGANTARAAN

Khidmat pengantaraan telah diperkenalkan di JBG pada tahun 2006. Justeru kajian amat diperlukan bagi meningkatkan kualiti pengantaraan yang berteraskan profesionalisme. Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji kesesuaian kaedah sidang video semasa mengendalikan sidang pengantaraan. Dengan perkembangan dan perubahan teknologi yang pantas, kajian ini adalah satu permulaan sahaja dan bukannya suatu kajian yang muktamad. Pelaksanaan penggunaan sidang video untuk sesi pengantaraan dijangka diadakan pada tahun 2015.

5. AKTIVITI TERAS STRATEGIK 5

Teras Strategik 5: Memperkasakan program kesedaran masyarakat bagi melahirkan masyarakat yang celik undang-undang dan memudahkan akses kepada perkhidmatan bantuan guaman ke arah kecemerlangan perkhidmatan yang berterusan.

| Strategi | Objektif kepada Strategi | Program | Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti) Bagi Tahun 2014 | Pencapaian 2014 |
|--|--|--|--|---|
| Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap undang-undang | Kesedaran masyarakat terhadap peranan dan fungsi JBG | Program hebahan di media massa <ul style="list-style-type: none"> • Media cetak • Media elektronik | 2014 – 10 program | Sebanyak 28 program kesedaran masyarakat melalui media massa telah dilaksanakan dari Januari - Disember 2014. |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Perkongsian pintar melalui ceramah • Klinik Bantuan Guaman | 2014 – 800 program | Klinik Bantuan Guaman telah dilaksanakan dari Januari-Disember 2014 |

| Strategi | Objektif kepada Strategi | Program | Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti) Bagi Tahun 2014 | Pencapaian 2014 |
|----------------|---|---|--|--|
| Mempromosi JBG | | 1Malaysia • Klinik Bantuan Guaman ke penjara • Agensi Kerajaan/Badan bukan Kerajaan | | dengan jumlah 1479 program. Program Penjara/Pusat Tahanan Kanak-Kanak sebanyak 368 program. |
| | Mendekatkan diri dengan masyarakat setempat | Program publisiti Pusat Khidmat Setempat | 2014 – 200 program | Pusat Khidmat Setempat telah dilaksanakan pada Januari – Disember 2014 dengan mencatatkan 298 program. |
| | | Portal/ <i>Facebook/</i> <i>Twitter</i> (Media sosial) | 2014 – 55,000 pelawat | Bagi tahun 2014, jumlah pelawat portal JBG sehingga Disember 2014 adalah seramai 71,056 pelawat. |
| | | Risalah | Sebanyak 60,000 risalah diedar setiap tahun | Sebanyak 50,000 risalah telah dicetak dan diedarkan dari Januari - Disember 2014. |

88

5.1 LAPORAN ADUAN JBG 2014

Sepanjang Januari hingga Disember 2014 sebanyak dua puluh tiga (23) aduan telah diterima melibatkan tiga belas (13) kes Syariah, sembilan (9) kes sivil dan satu (1) kes jenayah. Kes Syariah merekodkan aduan yang lebih tinggi kerana jumlah kes tertinggi yang didaftarkan di JBG merupakan kes Syariah dan khidmat nasihat Syariah.

5.2 KATEGORI ADUAN

Aduan mengikut kategori sepanjang Januari hingga Disember 2014 dapat dilihat dalam Jadual di bawah. Satu (1) aduan melibatkan ketidakpuasan hati terhadap had kelayakan mendapatkan bantuan guaman, satu (1) aduan tentang ketidakpuasan hati terhadap bidang kuasa JBG, dua (2) aduan pula membabitkan ketidakpuasan hati terhadap nasihat/ penolakan kes, lima (5) aduan melibatkan kelewatan/ tiada tindakan, satu (1) aduan berkaitan dengan Pegawai tidak hadir ke Mahkamah, empat (4) aduan berkaitan dengan Layanan Pegawai yang mengendalikan kes/ khidmat nasihat yang tidak memuaskan, enam (6) aduan berhubung dengan tindakan Pegawai yang tidak memuaskan, satu (1) layan kaunter yang tidak memuaskan dan dua (2) aduan lain yang tidak berasas dan tiada kaitan.

| KATEGORI ADUAN | BIL ADUAN YANG DITERIMA |
|--|-------------------------|
| PROSEDUR MENDAPATKAN BANTUAN GUAMAN | |
| Ketidakpuasan hati terhadap had kelayakan mendapatkan bantuan guaman | 1 |
| Ketidakpuasan hati terhadap bidang kuasa JBG sebagaimana peruntukan Akta Bantuan Guaman 1971 | 1 |
| Ketidakpuasan hati terhadap nasihat/ penolakan kes | 2 |
| Ketidakpuasan hati terhadap proses kerja/ layanan telefon | 0 |

PENGENDALIAN KES OLEH PEGAWAI JBG

| | |
|--|---|
| Kelewatan/tiada tindakan | 5 |
| Pegawai tidak hadir ke Mahkamah | 1 |
| Pegawai menangguhkan kes tanpa alasan munasabah | 0 |
| Layanan Pegawai yang mengendalikan kes/ khidmat nasihat yang tidak memuaskan | 4 |
| Tindakan Pegawai yang tidak memuaskan | 6 |
| Layanan Pegawai kaunter yang tidak memuaskan | 1 |

PENGENDALIAN KES OLEH PEGUAM PANEL

| | |
|--|---|
| Kelewatan/ tiada tindakan | 0 |
| Peguam tidak hadir ke Mahkamah | 0 |
| Peguam menangguhkan kes tanpa alasan munasabah | 0 |
| Layanan Peguam yang tidak memuaskan | 0 |

KES PENGEQUALIAN MENTERI

| | |
|---|---|
| Tiada tindakan/maklum balas | 0 |
| Lewat mengambil tindakan | 0 |
| Ketidakpuasan hati terhadap prosedur permohonan | 0 |

90

| KATEGORI ADUAN | BIL ADUAN YANG DITERIMA |
|--------------------------------------|-------------------------|
| PENGANTARAAN | |
| Tiada tindakan/ maklum balas | 0 |
| Lewat mengambil tindakan | 0 |
| Layanan pegawai yang tidak memuaskan | 0 |
| LAIN - LAIN | |
| Aduan kelakuan pegawai | 0 |
| Pejabat JBG tidak memuaskan | 0 |
| Kes tidak berasas/ tiada kaitan | 2 |
| Kes di luar bidang kuasa JBG | 0 |
| Kes berulang | 0 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 23 |

Jadual di bawah menunjukkan perbandingan bilangan aduan yang diterima oleh JBG bagi 2013 dan 2014 bagi tempoh yang sama. Terdapat pengurangan dalam bilangan aduan yang diterima bagi tahun 2014 iaitu sebanyak 4 aduan berbanding 27 aduan yang diterima pada tempoh yang sama dalam tahun 2013.

Bilangan aduan mengikut bulan bagi tahun 2013 dan 2014.

| BULAN | 2013 | 2014 |
|---------------|-----------|-----------|
| JANUARI | 6 | 3 |
| FEBRUARI | 0 | 0 |
| MAC | 1 | 3 |
| APRIL | 3 | 2 |
| MEI | 7 | 0 |
| JUN | 1 | 5 |
| JULAI | 2 | 2 |
| OGOS | 2 | 3 |
| SEPTEMBER | 4 | 3 |
| OKTOBER | 1 | 2 |
| NOVEMBER | 0 | 0 |
| DISEMBER | 0 | 0 |
| JUMLAH | 27 | 23 |

92

Jadual 4 : Sumber Aduan Januari - Disember 2014

| SUMBER | JUMLAH ADUAN |
|---|--------------|
| Laman Web | 0 |
| E-mel | 5 |
| SMS | 0 |
| Hari Bertemu Pelanggan | 0 |
| Hadir Sendiri | 0 |
| Surat/Faks | 6 |
| Telefon | 1 |
| Borang Kaunter Aduan Jabatan | 0 |
| Surat Khabar | 0 |
| Biro Pengaduan Awam | 5 |
| PEMUDAH | 0 |
| Lain-lain (i-SPAAA, JBG4U, MySMS, Borang maklum balas | 6 |
| JUMLAH | 23 |

Jadual 5 : Tempoh Penyelesaian Aduan Januari - Disember 2014

| TEMPOH (Hari) | JUMLAH SELESAI | JUMLAH SELESAI(%) |
|---------------|----------------|-------------------|
| 1 | 4 | 17.39% |
| 5-2 | 15 | 65.22% |
| 10-6 | 3 | 13.04% |
| 15-11 | 0 | 0 |
| 20-16 | 1 | 4.34% |
| 30-21 | 0 | 0 |
| 60-31 | 0 | 0 |
| >60 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 23 | 99.99% |

5.3 PROGRAM *OUTREACH*

Penglibatan JBG dalam pelbagai program *outreach* sepanjang tahun 2014 juga telah meningkatkan lagi kenampakan fungsi dan peranannya kepada masyarakat. Ia merupakan KPI Jabatan melalui Program Kesedaran Masyarakat yang meliputi Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia yang diadakan di mahkamah, penjara, pusat tahanan kanak-kanak dan tempat awam yang lain, ceramah dan penerangan undang-undang termasuklah melalui media massa, pusat khidmat setempat secara berkala dan penerbitan risalah.

Pada 2014, JBG telah mengadakan 2,290 program kesedaran masyarakat dengan jumlah pengunjung mencapai 28,688 orang. Jumlah program kesedaran masyarakat ini telah melebihi sasaran KPI Jabatan bagi 2014 yang menetapkan sasaran sebanyak 2000 program kesedaran masyarakat JBG akan diadakan sepanjang tahun 2014.

94



Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia di Mahkamah Rendah Syariah Dungun oleh JBG Terengganu pada 28 Januari 2014



Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia di Dewan MIC Taman Sungai Raya oleh JBG Langkawi pada 13 Februari 2014



Penerangan undang-undang oleh JBG Johor di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai pada 9 Februari 2014



Penerangan undang-undang oleh JBG Langkawi pada 30 Mac 2014 di PULAPOL Langkawi



Penerangan Undang-Undang dan Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Sibul sempena Program Memperkasa Belia Bermaklumat Daerah Sibul, anjuran bersama oleh Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak pada 6 April 2014



Penerangan undang-undang di Seminar Memperkasa Wanita Orang Ulu di *Eastwood Valley*, Miri oleh JBG Miri pada 26 April 2014



Penerangan undang-undang di Rumah BAKAT oleh JBG Sibul pada 19 September 2014



Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Langkawi di Karnival Jalur Lebar 1Malaysia di Dewan Mata Ayer, Langkawi



Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Johor di Rumah Kelab Warga Emas pada 2 Oktober 2014



Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia oleh JBG Johor di Plaza Angsana pada 9 Oktober 2014



Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia di Kompleks Kementerian Dalam Negeri Johor Bahru oleh JBG Johor pada 19 Oktober 2014



Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia dan penerangan undang-undang di Majlis Perbandaran Pasir Gudang oleh JBG Johor pada 6 Disember 2014

98

6. AKTIVITI TERAS STRATEGIK 6

Teras Strategik 6: Mempertingkatkan usaha dan hasil penyelidikan serta pembangunan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat yang lebih efisien dan berkualiti selaras dengan aspirasi jabatan.


| Strategi | Objektif kepada Strategi | Program | Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti) Bagi Tahun 2014 | Pencapaian 2014 |
|---|--|--|---|---|
| Mengkaji semula prosedur kerja, Arahan Ketua Pengarah dan Akta Bantuan Guaman 1971 dan perundangan subsidiari | Penyampaian perkhidmatan yang efektif dan cekap serta memenuhi espektasi pelanggan | Mewujudkan SOP yang lengkap: <ul style="list-style-type: none"> - Ujian Kemampuan - Bidang Kuasa JBG - Khidmat Nasihat - Khidmat Pengantaraan - Kos - Panel Peguam | 2014 - SOP Ujian Kemampuan, Khidmat Pengantaraan dan Bidang Kuasa JBG | Draf SOP telah disediakan pada 2014. |
| | Memudahkan pelaksanaan bantuan guaman serta memastikan perkhidmatan jabatan sentiasa relevan dengan ekspektasi pelanggan atau perubahan semasa | Mengkaji dan mengemaskini <ul style="list-style-type: none"> - Akta Bantuan Guaman 1971 - Perundangan subsidiari | 2014 - Kajian cadangan pindaan | Kertas Konsep Cadangan Pindaan Peraturan-Peraturan Bantuan Dan Nasihat Guaman 1970 telah disiapkan pada 2014 dan untuk dimuktamadkan. |

| Strategi | Objektif kepada Strategi | Program | Indikator Sasaran (Kuantiti/Kualiti) Bagi Tahun 2014 | Pencapaian 2014 |
|----------|--------------------------|---|--|--|
| | | Mengkaji dan mengemaskini Arahan Ketua Pengarah | 2014- kajian semula dan pengemaskinian Arahan Ketua Pengarah (Perundangan) | Sebanyak 25 Arahan KP telah disemak oleh Jawatankuasa Semakan Arahan KP. |

6.1 ANALISIS STATISTIK PERKHIDMATAN TERAS JBG BAGI TAHUN 2014

6.1.1 Bahagian Litigasi Dan Khidmat Nasihat Sivil


Jadual 6 : Perbandingan Khidmat Nasihat Sivil bagi Tahun 2013 dan 2014



100


Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat kes sivil JBG di seluruh Malaysia bagi tahun 2014 adalah sebanyak 14,792 berbanding 13,126 pada tahun 2013, iaitu peningkatan sebanyak 12.69% (1,666) khidmat nasihat. Khidmat nasihat sivil mengikut cawangan menunjukkan peningkatan bagi 19 cawangan. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh JBG Selangor iaitu sebanyak 420 khidmat nasihat (48.78%). JBG WP Kuala Lumpur mencatatkan jumlah khidmat nasihat tertinggi dengan jumlah sebanyak 1,863 khidmat nasihat. Empat Cawangan telah mencatatkan penurunan jumlah khidmat nasihat iaitu JBG Kedah, JBG Pulau Pinang, JBG Perak dan JBG Gua Musang dengan masing-masing sebanyak 766, 895, 999 dan 75 khidmat nasihat berbanding 816, 900, 1,074 dan 150 khidmat nasihat pada tahun 2013.

Jadual 7 : Perbandingan Khidmat Nasihat Jenayah bagi Tahun 2013 Dan 2014



Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat kes jenayah JBG di seluruh Malaysia bagi tahun 2014 adalah sebanyak 4,261 khidmat nasihat. Terdapat peningkatan khidmat nasihat sebanyak 678 berbanding tahun 2013. Statistik khidmat nasihat jenayah mengikut Cawangan menunjukkan peningkatan di 16 Cawangan. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh JBG Johor dengan peningkatan sebanyak 230 khidmat nasihat (74.43%). JBG Johor mencatatkan jumlah khidmat nasihat jenayah tertinggi bagi 2014 dengan jumlah 539 khidmat nasihat. Penurunan dicatatkan oleh JBG Terengganu, JBG Kelantan, JBG Taiping, JBG Muar, JBG Gua Musang, JBG Raub dan Ibu Pejabat.


Jadual 8 : Khidmat Nasihat Sivil Mengikut Jenis Kes Dalam Bidang Kuasa Bagi Tahun 2014



Jumlah khidmat nasihat kes sivil dalam bidang kuasa JBG di seluruh Malaysia bagi tahun 2014 ialah sebanyak 11,021. Peratusan mengikut jenis kes menunjukkan kes cerai mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 64% (7,032) diikuti oleh surat kuasa mentadbir pusaka 5% (589), jagaan sebanyak 5% (507) dan kemalangan 5% (496) masing-masing mencatatkan sebanyak 5%. Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat bagi kes cerai mencatatkan jumlah tertinggi di semua Cawangan JBG di seluruh Malaysia.


102

Jadual 9 : Khidmat Nasihat Jenayah Mengikut Jenis Kes Dalam Bidang Kuasa Bagi Tahun 2014




Jumlah khidmat nasihat kes jenayah dalam bidang kuasa JBG di seluruh Malaysia bagi tahun 2014 ialah 3,226 khidmat nasihat. Pengakuan salah jenayah mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 90.3% (2,901) diikuti oleh kes jenayah kanak-kanak 8% (254), rayuan jenayah 2% (63) dan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1954 dengan 0.25% (8). Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat bagi kes pengakuan salah jenayah mencatatkan jumlah tertinggi di semua Cawangan JBG di seluruh Malaysia.

Jadual 10 : Pendaftaran Kes Sivil Bagi Bulan tahun 2013 dan 2014




Secara keseluruhannya, statistik pendaftaran kes sivil bagi tahun 2014 telah meningkat kepada 5,765 kes berbanding tahun 2013 iaitu sebanyak 4,577 kes dengan peningkatan sebanyak 25.96% (1,188). Peningkatan dicatatkan oleh semua Cawangan dan peningkatan tertinggi dicatatkan oleh JBG Negeri Sembilan manakala peningkatan terendah dicatatkan oleh JBG Ibu Pejabat.

Jadual 11 : Pendaftaran Kes Sivil Bagi Tahun 2014



Peratusan pendaftaran kes sivil JBG di seluruh Malaysia bagi tahun 2014 mengikut jenis kes menunjukkan kes cerai mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 53% (3,053), diikuti oleh kes jagaan 23% (1,354) dan nafkah 13 % (743). Secara keseluruhannya, jumlah pendaftaran bagi kes cerai mencatatkan jumlah tertinggi di semua Cawangan JBG di seluruh Malaysia.

Jadual 12 : Pendaftaran Kes Jenayah Bagi Tahun 2013 dan 2014




Secara keseluruhannya, statistik pendaftaran kes jenayah bagi tahun 2014 telah meningkat iaitu sebanyak 3,380 kes berbanding tahun 2013 iaitu sebanyak 2,600 kes. Bagaimanapun, jika dilihat statistik pendaftaran kes mengikut Cawangan menunjukkan peningkatan hanya berlaku di 16 Cawangan sahaja iaitu JBG Perlis, JBG Kedah, JBG Pulau Pinang, JBG Perak, JBG WP Kuala Lumpur, JBG Selangor, JBG Negeri Sembilan, JBG Melaka, JBG Johor, JBG Pahang, JBG Sabah, JBG Langkawi, JBG Taiping, JBG Muar, JBG Gua Musang, JBG Miri dan JBG Sibu. Cawangan lain mencatatkan penurunan jumlah pendaftaran kes berbanding tahun 2013.

Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh JBG Johor dengan peningkatan sebanyak 500 kes berbanding 202 kes pada tahun 2013, JBG Langkawi dengan peningkatan sebanyak 228 kes berbanding 120 kes pada tahun 2013, diikuti oleh JBG Selangor dengan peningkatan sebanyak 210 kes berbanding 105 kes pada tahun 2013. Penurunan tertinggi dicatatkan

106


oleh JBG Kelantan iaitu sebanyak 55 berbanding 113 kes pada tahun 2013 diikuti oleh JBG Terengganu dengan penurunan sebanyak 71 berbanding 100 pendaftaran kes bagi tahun 2013. Cawangan yang mencatatkan jumlah pendaftaran kes tertinggi bagi tahun 2014 ialah JBG Kedah dengan jumlah 699 kes.

Jadual 13 : Perbandingan Keseluruhan Pendaftaran Kes Sivil dengan Kes Selesai



Statistik menunjukkan secara keseluruhannya sebanyak 4,646 kes (48.21%) daripada 9,636 jumlah keseluruhan kes sivil didaftarkan pada tahun 2014 di JBG berjaya diselesaikan dalam tahun 2014. Secara keseluruhannya, Cawangan yang mencatatkan peratusan penyelesaian tertinggi ialah JBG Pulau Pinang dengan 521 kes berjaya diselesaikan diikuti oleh JBG WP Kuala Lumpur dengan 512 kes selesai dan JBG Sarawak dengan 431 kes selesai. Cawangan yang mencatatkan peratusan penyelesaian terendah ialah JBG Terengganu, JBG Gua Musang dan JBG Langkawi.


Jadual 14 : Perbandingan Kes Jenayah Daftar dan Selesai Bagi Tahun 2014



Sebanyak 2,541 kes (75.17%) daripada 3,380 kes yang didaftarkan bagi tahun 2014 telah berjaya diselesaikan. Statistik penyelesaian kes jenayah bagi tahun 2014 menunjukkan JBG Kedah mencatatkan jumlah penyelesaian kes yang tertinggi dengan 593 kes manakala Ibu Pejabat mencatatkan jumlah penyelesaian terendah dengan tiada kes selesai.

108


Jadual 15 : Perbandingan Keseluruhan Kes Jenayah dengan Kes Selesai Bagi Tahun 2014



Secara keseluruhannya statistik menunjukkan sebanyak 3,490 kes (79.82%) daripada 4,372 jumlah keseluruhan pendaftaran kes jenayah di JBG telah berjaya diselesaikan pada tahun 2014. JBG Pulau Pinang mencatatkan penyelesaian tertinggi dengan 815 kes selesai daripada 1,037 kes keseluruhan, diikuti oleh JBG Kedah dengan 674 kes selesai daripada 780 kes keseluruhan, JBG Johor dengan 435 kes selesai daripada 580 kes keseluruhan.

6.1.2 Bahagian Litigasi Dan Nasihat Syariah


Jadual 16 : Statistik Perbandingan Khidmat Nasihat Syariah Bagi Tahun 2013 dan 2014



Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat kes Syariah JBG di seluruh Malaysia bagi tahun 2014 adalah sebanyak 23,100 berbanding 20,247 pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 14.1% (2,853). Berdasarkan rajah di atas, didapati 15 Cawangan dan Ibu Pejabat mencatatkan peningkatan berbanding tahun 2013, manakala 7 Cawangan iaitu JBG Kedah, Pulau Pinang, Perak, Terengganu, Sarawak, Miri dan Labuan mencatatkan penurunan. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh JBG Selangor dengan peningkatan sebanyak 871 khidmat nasihat, diikuti oleh Kelantan 458 khidmat nasihat dan Pahang 437 khidmat nasihat. Penurunan terbanyak dicatatkan oleh JBG Perak dengan penurunan 148 khidmat nasihat, Kedah 60 khidmat nasihat dan Miri 44 khidmat nasihat. Cawangan yang mencatatkan jumlah khidmat nasihat Syariah tertinggi bagi tahun 2014 ialah JBG Selangor dengan jumlah 2,690 khidmat nasihat dan Cawangan yang paling sedikit bilangan khidmat nasihat Syariah ialah JBG Miri dengan jumlah 183 khidmat nasihat.


110

Jadual 17 : Khidmat Nasihat Kes Syariah Bagi Tahun 2014 Mengikut Jenis Kes (Dalam Bidang Kuasa)



Jumlah keseluruhan khidmat nasihat Syariah bagi kes dalam bidang kuasa JBG bagi tahun 2014 adalah sebanyak 22,528. Peratusan khidmat nasihat kes Syariah JBG di seluruh Malaysia bagi tahun 2014 mengikut jenis kes dalam bidang kuasa JBG menunjukkan kes cerai mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 57.3% (12,902) diikuti oleh kes nafkah sebanyak 15.3% (3,438), kes jagaan sebanyak 12.5% (2,806), kes harta sepencarian sebanyak 6.6% (1,478), kes mutaah sebanyak 3.4% (769), kes kuat kuasa perintah nafkah sebanyak 1.7% (394), dan kes ubah perintah nafkah sebanyak 1.3% (284), dan kes selebihnya sebanyak 2.0% (457).


Jadual 18 : Khidmat Nasihat Syariah Mengikut Jenis Kes (Luar Bidang Kuasa)



Jumlah keseluruhan khidmat nasihat bagi kes Syariah di luar bidang kuasa JBG bagi tahun 2014 mencatatkan jumlah sebanyak 572 khidmat nasihat. Berdasarkan jadual 18, kes lain-lain mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 41.6% (238) khidmat nasihat meliputi masalah keluarga secara umum, diikuti oleh faraid sebanyak 17% (97), khidmat nasihat berkaitan dengan kes nusyuz 15.9% (91), pengesahan nikah 11.9% (68), jenayah Syariah 6.3% (36), poligami 5.2% (30) dan faraq sebanyak 2.1% (12).


112

Jadual 19 : Perbandingan Pendaftaran Kes Syariah Bagi Tahun 2013 dan 2014



Secara keseluruhannya, jumlah pendaftaran kes Syariah bagi tahun 2014 adalah sebanyak 8,959 kes, meningkat sebanyak 2.6% (231) berbanding 8,728 kes pada tahun 2013. Bagaimanapun, terdapat penurunan peratusan pendaftaran kes berbanding dengan tahun 2013 di lapan (8) Cawangan iaitu JBG Perlis (0.9%), WP Kuala Lumpur (9.3%), Selangor (12.8%), Pahang (10.5%), Terengganu (4.3%), Sarawak (29.5%), Sabah (8.8%) dan Labuan (43.1%). Cawangan lain mencatatkan peningkatan jumlah pendaftaran kes berbanding tahun 2013. Cawangan yang mencatatkan jumlah pendaftaran kes tertinggi bagi tahun 2014 ialah JBG Kelantan dengan jumlah 893 kes dan Cawangan yang paling sedikit jumlah pendaftaran kes ialah JBG Labuan dengan jumlah 29 kes.


Jadual 20 : Pendaftaran Mengikut Jenis Kes



Peratusan pendaftaran kes Syariah di JBG bagi tahun 2014 mengikut jenis kes menunjukkan kes cerai mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 50.1% (4,484) diikuti oleh kes nafkah sebanyak 20.1% (1,805), kes jagaan sebanyak 13.7% (1,227), kes mutaah sebanyak 6.1% (543), kes harta sepencarian sebanyak 4% (359), kes kuat kuasa perintah nafkah sebanyak 2.1% (189), kes ubah perintah nafkah sebanyak 1.8% (164) dan kes lain-lain sebanyak 2.1% (188).


114

Jadual 21 : Keseluruhan Penyelesaian Kes Syariah



Jumlah keseluruhan kes Syariah yang selesai pada tahun 2014 adalah sebanyak 9,330 kes (termasuk kes yang dibawa dari tahun sebelumnya). Peratusan penyelesaian keseluruhan kes bagi tahun 2014 menunjukkan 75.1% (7,007) penyelesaian kes melalui perintah Mahkamah, 22.4% (2,086) kes ditutup (contoh - anak guam tidak memberi kerjasama, anak guam tarik diri, anak guam meninggal dunia) dan 2.5% (237) penyelesaian melalui perdamaian.

Jadual 22 : Perbandingan Keseluruhan Kes Syariah dengan Kes Selesai bagi Tahun 2014




Sebanyak 9,330 kes (45.4%) daripada 20,572 jumlah keseluruhan kes Syariah di JBG berjaya diselesaikan pada tahun 2014. Secara keseluruhannya, Cawangan yang mencatatkan peratusan penyelesaian tertinggi ialah JBG Ibu Pejabat dengan 68.6% (120) selesai daripada 175 kes keseluruhan diikuti JBG Sarawak dengan 68.5% (632) selesai daripada 922 kes keseluruhan dan JBG Gua Musang dengan 67.2% (156) selesai daripada 232 kes keseluruhan. Cawangan yang mencatatkan peratusan penyelesaian terendah ialah JBG Perak dengan 20.6% (270) selesai daripada 1,309 kes keseluruhan, JBG Melaka dengan 23.7% (233) selesai daripada 983 kes keseluruhan dan JBG Selangor dengan 30% (591) selesai daripada 1,971 kes keseluruhan. Cawangan yang mencatatkan jumlah penyelesaian kes tertinggi pada tahun 2014 ialah JBG Johor dengan jumlah 1,315 kes selesai, manakala cawangan yang mencatatkan jumlah penyelesaian kes paling sedikit pada tahun 2014 iaitu JBG Labuan dengan jumlah 58 kes.

116


6.2 ANALISIS STATISTIK LAPORAN KESEDARAN MASYARAKAT JBG 2014

Jadual 23 : Jumlah program kesedaran masyarakat mengikut cawangan tahun 2014



Berdasarkan statistik, JBG Kedah telah mencatatkan jumlah program kesedaran masyarakat tertinggi iaitu sebanyak 251 program. JBG Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah kedua tertinggi iaitu sebanyak 208 program diikuti oleh JBG Selangor yang mencatatkan jumlah ketiga tertinggi iaitu sebanyak 191 program.

Jadual 24 : Perbandingan jumlah program kesedaran masyarakat bagi tahun 2013 dan 2014




Jumlah program kesedaran masyarakat yang telah dijalankan oleh Ibu Pejabat dan Cawangan telah mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak 2,290 program pada tahun 2014 berbanding 1,575 program pada tahun 2013. Peratusan peningkatan yang telah dicatatkan ialah sebanyak 45.4%.

Berdasarkan statistik, JBG Selangor telah mencatatkan peratusan peningkatan tertinggi dengan catatan sebanyak 24 program pada 2013 berbanding 168 program pada 2014. JBG Perlis telah mencatatkan peratusan peningkatan kedua tertinggi dengan catatan sebanyak 9 program pada 2013 berbanding 58 pada 2014. JBG Pahang telah mencatatkan peratusan peningkatan ketiga tertinggi dengan catatan sebanyak 33 program pada 2013 berbanding 128 program pada 2014.


118

Jadual 25 : Jumlah program mengikut kategori bagi tahun 2014



Berdasarkan statistik, program Klinik Bantuan Guaman telah mencatatkan jumlah program tertinggi iaitu sebanyak 1,479 program dengan peratusan sebanyak 65%. Penjara/ pusat tahanan kanak-kanak telah mencatatkan jumlah program kedua tertinggi iaitu sebanyak 368 program dengan peratusan sebanyak 16%. Pusat Khidmat Setempat telah mencatatkan jumlah program ketiga tertinggi iaitu sebanyak 298 program dengan peratusan sebanyak 13% manakala Ceramah/ Penerangan undang-undang, Radio/ TV telah mencatatkan jumlah program paling sedikit iaitu sebanyak 145 program dengan peratusan 6%.

Jadual 26 : Program Kesedaran Masyarakat mengikut kategori bagi tahun 2013 dan 2014



Bagi statistik perbandingan program kesedaran masyarakat mengikut kategori, Ceramah/penerangan Undang-Undang/ Radio/ TV telah mencatatkan peratusan peningkatan program tertinggi iaitu 98.6% dengan catatan sebanyak 73 program pada 2013 berbanding 145 program pada 2014. Pusat Khidmat Setempat pula telah mencatatkan peratusan peningkatan program kedua tertinggi iaitu 76.3% dengan catatan sebanyak 169 program pada 2013 berbanding 298 program pada 2014. Klinik Bantuan Guaman telah mencatatkan peratusan peningkatan program ketiga tertinggi iaitu sebanyak 43.3% dengan catatan sebanyak 1,032 program pada 2013 berbanding 1,479 pada 2014. Program di penjara/pusat tahanan kanak-kanak telah mencatatkan peratusan peningkatan program paling rendah iaitu sebanyak 22.3% dengan catatan sebanyak 301 program pada 2013 berbanding 368 program pada 2014.

PENUTUP

Secara keseluruhannya JBG telah mencapai hampir 100% enam teras strategik yang telah dirangka dalam Dokumen Pengurusan Strategik. JBG telah mengambil berbagai inisiatif untuk menghasilkan pencapaian pelaksanaan yang optimum. Hasrat JBG adalah untuk memastikan semua program yang dirangka dapat dicapai sepenuhnya pada tahun 2015 dan program yang belum terlaksana dalam tahun 2014 akan diteruskan.





Jabatan Insolvensi Malaysia



Pengurusan Tertinggi
Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)



Pengenalan



Hala tuju 2014 Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah dibentuk dengan tema strategik “KEGEMILANGAN PERKHIDMATAN” dengan slogan ‘Insolvency Made Easy’. Tema strategik ini telah dipilih dengan mengambil kira kepentingan semua pihak yang berkepentingan dalam hal ehwal insolvensi khususnya pemiutang, penghutang, Mahkamah dan juga warga Mdl sendiri.

Pelbagai program dilaksanakan bagi tujuan memberi kefahaman kepada masyarakat terhadap peranan dan fungsi Mdl melalui program bersama rakyat. Kumpulan sasaran diperluaskan bukan sahaja agensi kerajaan, malah meliputi badan-badan swasta, institusi pengajian tinggi, institusi kewangan dan perbankan.

Mdl juga tidak terkecuali dari segi penglibatan dalam aktiviti inovasi dan kreativiti. Antara inovasi yang dilaksanakan oleh Mdl ialah *Insolvency Notification System* atau INS. Melalui sistem ini, urusan penghantaran surat pertama sebagai makluman kebangkrutan individu kepada pihak bank dan institusi kewangan tidak lagi diperlukan kerana urusan ini kini dibuat secara atas talian.

Sistem pengurusan kes kebangkrutan dan penggulungan syarikat sedia ada iaitu *Case Management System (CMS)* ditambah baik dengan adanya Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST) yang akan dilancarkan pada Januari 2015. INSIST dijangkakan dapat membantu pentadbiran kes-kes kebangkrutan dan likuidasi dapat dijalankan dengan lebih sistematik.

Pengurusan pelanggan juga merupakan aspek penting yang dititikberatkan oleh Mdl dengan mewujudkan e-aduan iaitu aduan pelanggan secara atas talian. Dengan adanya e-aduan, pelanggan Mdl boleh mengemukakan aduan, pendapat atau apa-apa idea yang boleh meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan jabatan.

Mdl juga sedang melaksanakan perekaayaan proses kerja dan semua garis panduan sedia ada di Mdl. Tahun 2014 melihat semakan semula arahan dan garis panduan itu agar ia sentiasa relevan serta selaras dengan keadaan dan landskap perundangan serta teknologi semasa. Disamping itu, beberapa garis panduan dan arahan yang baharu dikeluarkan bagi memantapkan lagi pentadbiran dan operasi Mdl di seluruh Malaysia. Keadaan ini akan

memastikan pentadbiran dan operasi Mdl diselaraskan di setiap cawangan.

Saranan Kerajaan agar agensi kerajaan bekerjasama secara bijak melalui strategi lautan biru turut dipraktikkan oleh Mdl. Bagi memantapkan hubungan dengan pihak-pihak berkepentingan, Mdl menyahut

seruan Kerajaan bagi mengadakan Smart-Partnership di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama agensi-agensi luar seperti BSN, ARB, ASNB, AKPK, Kementerian Pendidikan Malaysia dan lain-lain bagi memantapkan pentadbiran kes kebangkrutan dan penggulangan syarikat.

1. MEMPERKUKUHKAN PENTADBIRAN HAL EHWAL INSOLVENSİ MELALUI PENTADBIRAN KES PENGGULUNGAN SYARIKAT YANG EFEKTIF

Di Malaysia, penggulangan syarikat dilaksanakan melalui 2 cara iaitu secara terpaksa melalui Mahkamah atas permohonan pemiutang dan secara sukarela melalui resolusi pemegang saham atau pemiutang. Dalam mengendalikan pentadbiran kes penggulangan syarikat, Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) menjalankan tugas sebagai Pegawai Penerima (PP).


Tugas utama PP ialah untuk mentadbir kes penggulangan syarikat sekiranya dilantik sebagai pelikuidasi dan juga mengawal selia Pelikuidasi Yang Diluluskan (PYD). PYD merupakan pelikuidasi swasta yang dilantik dengan kebenaran Mahkamah untuk mentadbir kes penggulangan syarikat. Pada tahun 2014 Mdl telah menerima sebanyak 1,967 jumlah petisyen penggulangan syarikat secara terpaksa.

1.1 Petisyen Yang Mendapat Perintah Mahkamah Dan Ditarik Balik

Pada tahun 2014 daripada 1,967 jumlah petisyen yang diterima, sebanyak 1,566 petisyen yang menerima perintah Mahkamah manakala 401 petisyen telah ditarik balik atau dibatalkan. Perbandingan jumlah petisyen yang mendapat Perintah Mahkamah dan ditarik balik atau dibatalkan seperti di Rajah 1.

126


Rajah 1: Jumlah petisyen yang mendapat perintah Mahkamah & ditarik balik bagi tahun 2014



1.2 Penggulangan Syarikat secara terpaksa dan sukarela

Pada tahun 2014 kes penggulangan syarikat secara terpaksa adalah sebanyak 1,328 kes manakala penggulangan syarikat secara sukarela adalah sebanyak 910 kes. Jumlah kes penggulangan syarikat secara terpaksa dan sukarela seperti di Rajah 2.

Rajah 2: Peratus jumlah kes penggulangan syarikat secara terpaksa dan sukarela



1.3 Syarikat Yang Digulungkan Mengikut Sektor

Daripada jumlah 1,328 di atas, sektor perkhidmatan kewangan, insuran, harta pelaburan dan perniagaan mencatatkan jumlah kes penggulangan yang tertinggi iaitu sebanyak 29.3 peratus diikuti dengan sektor perdagangan, borong dan runcit iaitu 19.8 peratus. Jumlah kes penggulangan syarikat secara terpaksa mengikut sektor seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Sektor Perniagaan Syarikat Yang Digulungkan Bagi Tahun 2014

| Sektor | Jumlah |
|--|--------|
| PERKHIDMATAN KEWANGAN,INSURANS,HARTA, PELABURAN & PERNIAGAAN | 389 |
| PERDAGANGAN,BORONG & RUNCIT | 263 |
| PEMBINAAN | 228 |
| PERKILANGAN | 218 |
| ELEKTRK,GAS & AIR | 76 |
| PENGANGKUTAN & KOMUNIKASI | 74 |
| PERKHIDMATAN KOMUNITI,SOSIAL & PERIBADI | 45 |
| PERTANIAN,PEMBURUAN,PERHUTANAN DAN PENANGKAPAN IKAN | 20 |
| PERLOMBONGAN & KUARI | 15 |

1.4 Prestasi Pertubuhan & Kesatuan Sekerja Yang Telah Dibatalkan Pendaftarannya

Mdl juga mengendalikan kes pertubuhan dan kesatuan sekerja yang telah dibatalkan perdaftarannya. Pada tahun 2014 sebanyak 1,844 kes pertubuhan dikendalikan oleh Mdl manakala bagi kesatuan sekerja hanya satu kes sahaja.

1.5 Pengisytiharan Dividen

Aktiviti teras Mdl bermula daripada peringkat penzahiran harta, penghasilan harta, penentuan jumlah hutang dan pengisytiharan dividen kepada pemiutang. Bilangan dan jumlah pembayaran dividen bagi tahun 2014 seperti di Jadual 2.

128

Jadual 2: Bilangan Dan Pembayaran Dividen Bagi Tahun 2014

| LIKUIDASI | 2014 |
|--------------------------------|------------|
| Bilangan Pembayaran Dividen | 421 |
| Jumlah Pengagihan Dividen (RM) | 30,164,109 |

1.6 Bilangan Penyata Hal Ehwal (PHE) Difailkan

Dalam kes penggulungan syarikat secara terpaksa, pemfailan PHE merupakan proses permulaan di mana pengarah syarikat bagi syarikat yang digulungan perlu memfailkan kepada PP untuk mengisytiharkan aset dan liabiliti syarikat. Bagi tahun 2014 Mdl telah menerima sebanyak 545 pemfailan PHE.

1.7 Kes-Kes Yang Dibincangkan Ke Mesyuarat Jawatankuasa Unit Jualan Aset (JUJA) Tahun 2014

Mdl akan membuat keputusan menjual aset penggulungan syarikat sekiranya nilai aset tersebut melebihi had kuasa yang telah diperuntukkan ke atas cawangan. Keputusan menjual aset di peringkat Ibu Pejabat akan dibuat berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Unit Jualan Aset (JUJA). Bilangan kes yang dirujuk ke JUJA bagi aset penggulungan syarikat adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Kes Yang Dirujuk Ke JUJA Bagi Aset Penggulungan Syarikat pada tahun 2014

| Perkara | Jumlah kes dibincangkan | Jumlah selesai | Jumlah kes di bawa ke tahun hadapan |
|--|-------------------------|----------------|-------------------------------------|
| Kes yang dibincang pada mesyuarat JUJA | 36 | 34 | 2 |
| Kertas pandangan/ Edaran | 8 | 8 | 0 |

1.8 Penghasilan Aset Penggulangan Syarikat

Antara aktiviti teras Mdl ialah penghasilan aset sama ada aset penggulangan syarikat mahu pun aset individu yang diisytihar bankrap. Tujuan utama penghasilan aset ialah untuk membayar dividen kepada pemiutang. Pada tahun 2014, penghasilan aset penggulangan syarikat memperoleh kutipan sebanyak RM73,041,929.36.

1.9 Kes-Kes Penggulangan Syarikat, Pertubuhan Dan Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftarannya

Antara kes-kes penting yang dikendalikan oleh Mdl bagi penggulangan syarikat, pertubuhan dan kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya ialah seperti berikut:

| Perkara | Keputusan |
|--|---|
| <p>Mahkamah Persekutuan No. 01(i)-14-06/2013 (W) antara Ernest Cheong Yong Yin -v- Mohammed Jamal bin Inche I M Salleh & 1 Lagi (Tetuan Mah-Kamariyah sebagai Pencelah).</p> <p>Isu adalah sama ada Seksyen 223 Akta Syarikat 1965 terpakai bagi penjualan tanah yang disempurnakan mengikut equiti sebelum syarikat digulungkan. Pendaftaran pindah milik dibuat sebelum penggulangan syarikat.</p> | <p>Panel Mahkamah Persekutuan telah menolak Rayuan Perayu dengan kos sebanyak RM30,000.00 untuk Responden Pertama dan RM15,000.00 masing-masing kepada Responden Kedua dan Pencelah.</p> |
| <p>Mahkamah Persekutuan No. 08(f)-118-03/2014 (W) antara Chan Leong @ Chan Soon -v- Danaharta urus Sdn Bhd & 2 Lagi.</p> <p>Isu adalah sama ada Responden kedua mengingkari kewajipan-kewajipan kontraktualnya dan statutori dalam menggadaikan hartanah-hartanah tersebut kepada Responden Ketiga, sama ada Pemohon berhak untuk gantirugi jumlah tertentu, sama ada Pemohon adalah pembeli bona fide dan sama ada kevat hanya meliputi hak-hak ad rem dan tidak terpakai kepada suatu tuntutan in personam di atas perjanjian Jual Beli.</p> | <p>Mahkamah memutuskan isu kebenaran atau hak pemegang gadaian serta isu <i>res judicata</i> adalah merupakan isu undang-undang yang mantap. Oleh itu, tiada isu baru dan isu undang-undang, maka Mahkamah telah menolak permohonan Pemohon tanpa perintah kos.</p> |

130

Perkara

Mahkamah Rayuan No. J-02-2654-11/2012 antara Resolution Alliance Sdn Bhd –v- Binabaik Sdn Bhd & 1 Lagi.

Isu adalah sama ada suatu perjanjian penyerahan hak (*assignment*), hanya menyerahkan kepentingan (*interest*) dan faedah (*benefit*) daripada bankrap kepada pihak bank dan tidak termasuk bebanan (*burden*). Tanggungjawab untuk membayar jumlah sebanyak RM27,835.25 untuk caj penyelenggaraan adalah bebanan yang tidak boleh diserahkan dan masih kekal bersama bankrap.

Keputusan

Mahkamah Rayuan membenarkan Rayuan Perayu dan pihak Pemaju diarahkan menyerahkan hakmilik strata kepada pihak bank dan pihak Pemaju menuntut caj penyelenggaraan rumah pangsa melalui pemfailan Borang Bukti Hutang. Kos sebanyak RM30,000.00 diperintahkan terhadap Pemaju kepada Maybank. Tiada arahan mengenai kos terhadap bankrap/ Ketua Pengarah Insolvensi.



Mdl JB menjadi panel bagi forum Program Memperkasakan Generasi Muda Oleh IKBN.

Taklimat kebangkrutan sempena Kursus Usahawan Negeri Perak oleh wakil Mdl Ipoh.



Lawatan YB Hajah Nancy Shukri ke Pejabat Mdl Miri.




Lawatan YB Hajah Nancy Shukri ke Pejabat Mdl Taklimat Kebankrapan di Pejabat Tanah Alor Setar oleh Puan Hamielia Hamizan, Pengarah Insolvensi Negeri Kedah.

2. PEREKAYASAAN BERTERUSAN PENTADBIRAN HAL EHWAL KEBANKRAPAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN

Tindakan kebangkrapan bermula apabila seseorang penghutang gagal menyelesaikan tuntutan pemiutang melalui Notis Kebankrapan yang dikemukakan kepadanya. Selanjutnya, pemiutang akan memfailkan petisyen kebangkrapan (Petisyen Pemiutang) di Mahkamah terhadap penghutang supaya penghutang tersebut menjelaskan tuntutan pemiutang. Sekiranya penghutang masih gagal untuk menjelaskan jumlah tuntutan, Mahkamah akan mengeluarkan Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman (PP&PP) terhadap Penghutang tersebut.

Pada tahun 2014 sebanyak 32,203 kes telah difailkan manakala PP&PP yang telah didaftarkan ialah sebanyak 22,351 kes seperti di Rajah 3.

Rajah 3: Peratusan kes difailkan & jumlah kes yang menerima PP&PP bagi tahun 2014



2.1 Sesi Temu Kenal

Sesi temu kenal merupakan proses permulaan yang mana bankrap perlu hadir di Mdl dan memberi kerjasama dalam pentadbiran kes kebangkrapannya. Melalui sesi temu kenal, Mdl mendapat maklumat yang penting mengenai latar belakang bankrap dan dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga dalam mengesan bankrap serta membuat penemuan ke atas harta bankrap. Dengan maklumat yang diberikan oleh bankrap, kes kebangkrapannya dapat dijalankan dengan lebih berkesan supaya beliau dapat dikeluarkan daripada kebangkrapan seawal mungkin.

132

2.2 Kebankrapan Mengikut Sebab Keberhutangan

Pada tahun 2014 peratus tertinggi mengikut sebab keberhutangan ialah bagi kategori pinjaman sewa beli kenderaan iaitu sebanyak 6,802 kes atau 30.43 peratus. Maklumat lanjut mengenai sebab kebangkrapan seperti di Jadual 4.

Jadual 4: Jumlah kebangkrapan mengikut sebab kebangkrapan

| SEBAB KEBANKRAPAN | 2014 | PERATUS |
|-------------------------------|---------------|------------|
| SEWABELI KENDERAAN | 6,802 | 30.43 |
| PINJAMAN PERIBADI | 4,906 | 21.95 |
| PINJAMAN PERUMAHAN | 3,880 | 17.36 |
| PINJAMAN PERNIAGAAN | 2,150 | 9.62 |
| HUTANG KAD KREDIT | 1,827 | 8.17 |
| PENJAMIN SOSIAL | 1,444 | 6.46 |
| PENJAMIN KORPORAT | 632 | 2.83 |
| KEBERHUTANGAN YANG LAIN | 482 | 2.16 |
| HUTANG CUKAI PENDAPATAN | 213 | 0.95 |
| BIASISWA / PINJAMAN PELAJARAN | 15 | 0.07 |
| JUMLAH | 22,351 | 100 |

2.3 Sebab Kegagalan Menjelaskan Hutang

Jumlah kes yang didaftarkan pada tahun 2014 ialah 22,351. Sepanjang tempoh yang sama sebanyak 12,150 temukenal dijalankan terhadap bankrap. Lapan sebab utama kegagalan bankrap untuk menjelaskan hutang telah dikenal pasti. Krisis ekonomi merupakan sebab utama kegagalan menjelaskan hutang iaitu sebanyak 3,460 kes diikuti oleh pengurusan kewangan yang buruk sebanyak 3,175 kes. Maklumat lanjut adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5: Sebab kegagalan bankrap untuk menjelaskan hutang bagi tahun 2014

| SEBAB-SEBAB GAGAL MEMBAYAR HUTANG | JUMLAH | PERATUS |
|--------------------------------------|---------------|------------|
| KRISIS EKONOMI | 3,466 | 28.53 |
| PENGURUSAN KEWANGAN YANG LEMAH | 3,181 | 26.18 |
| TIDAK MENGETAHUI MENGENAI HUTANG | 2,341 | 19.27 |
| MENGGANGGUR | 1,544 | 12.71 |
| DITIPU | 1,023 | 8.42 |
| TIDAK MENGAKU BERHUTANG | 461 | 3.79 |
| TIDAK MAMPU | 69 | 0.57 |
| SEGAJA | 65 | 0.53 |
| JUMLAH | 12,150 | 100 |

134

2.4 Bankrap Mengikut Kategori Pekerjaan

Bagi tahun 2014, klasifikasi bankrap mengikut jenis pekerjaan menunjukkan pekerja sektor swasta mencatatkan jumlah tertinggi seramai 13,594 orang diikuti dengan peniaga seramai 2,018 orang. Maklumat mengenai jumlah kebangkrupan mengikut jenis pekerjaan seperti di Jadual 6.

Jadual 6: Bankrap Mengikut Jenis Pekerjaan Bagi tahun 2014

| JENIS PEKERJAAN | BILANGAN | PERATUS |
|-----------------|---------------|---------------|
| SEKTOR SWASTA | 13,594 | 60.82 |
| TIADA MAKLUMAT | 5,677 | 25.40 |
| BERNIAGA | 2,018 | 9.03 |
| SEKTOR AWAM | 606 | 2.71 |
| BEKERJA SENDIRI | 184 | 0.82 |
| PROFESIONAL | 163 | 0.73 |
| TIDAK BEKERJA | 52 | 0.23 |
| PESARA KERAJAAN | 48 | 0.21 |
| PELAJAR | 1 | 0.004 |
| AHLI SUKAN | 1 | 0.004 |
| SEKTOR HIBURAN | 7 | 0.03 |
| JUMLAH | 22,351 | 100.00 |

2.5 Kebankrapan Berkaitan Umur dan Jantina

Bagi kategori umur, bankrap yang berumur antara 35-44 tahun merupakan golongan yang paling ramai iaitu 7,641 orang. Ini diikuti dengan mereka yang berumur 45-54 iaitu 6,223 orang. Rekod juga menunjukkan terdapat bankrap yang tidak dapat dikenal pasti umurnya memandangkan kes yang difailkan adalah berdasarkan nombor kad pengenalan tentera, polis dan juga bankrap yang bukan warganegara Malaysia. Maklumat terperinci mengenai bankrap mengikut umur bagi tahun 2014 seperti di Jadual 7.

Dari segi jantina pula, 70% daripada keseluruhan bankrap ialah lelaki manakala 30% merupakan wanita.

Jadual 7: Bankrap Mengikut Peringkat Umur Bagi Tahun 2014

| GOLONGAN UMUR | BILANGAN | PERATUS |
|------------------------|----------|---------|
| DI BAWAH UMUR 25 TAHUN | 635 | 2.84 |
| 25-34 TAHUN | 4,822 | 21.57 |
| 35-44 TAHUN | 7,641 | 34.19 |
| 45-54 TAHUN | 6,223 | 27.84 |
| 55 TAHUN DAN KE ATAS | 2,867 | 12.83 |
| TIADA MAKLUMAT | 163 | 0.73 |
| JUMLAH | 22,351 | 100 |

2.6 Penghasilan Aset

Harta bankrap yang tidak bercagar akan terletak hak kepada KPI. KPI mempunyai kuasa untuk menghasilkan semua harta bankrap bagi tujuan pembayaran dividen kepada pemiutang. Pada tahun 2014, penghasilan aset bagi kes kebangkrutan ialah sebanyak RM432,400,515.59.

136

2.7 Pemfailan Borang Penyata Hal Ehwal (PHE)

Pada tahun 2014, sebanyak 13,456 bilangan PHE bagi kes kebangkrapan telah diakui terima oleh Mdl. Seseorang bankrap bertanggungjawab untuk memfailkan PHE selepas menerima PP & PP bagi mengisytiharkan pendapatan dan perbelanjaan beliau sebelum bayaran ansuran bulanan ditentukan.



Taklimat di IKBN oleh Mdl Melaka.

2.8 Pengisytiharan Dividen

Pengisytiharan dividen merupakan proses sebelum pembayaran dividen boleh dilakukan kepada pemiutang. Maklumat lanjut mengenai bilangan dan jumlah pembayaran dividen seperti di Jadual 8.

Jadual 8: Bilangan Dan Pembayaran Dividen Bagi Tahun 2014

| KEBANKRAPAN | 2014 |
|---------------------------------------|--------------------|
| Bilangan Pembayaran Dividen | 6809 |
| Jumlah Pengagihan Dividen (RM) | 173,849,143 |

2.9 Kes-Kes Yang Dibincangkan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Unit Jualan Aset (Juja) Tahun 2014

Mdl akan membuat keputusan menjual aset penggulangan syarikat sekiranya nilai aset tersebut melebihi had kuasa yang telah diperuntukkan ke atas cawangan. Keputusan menjual aset di peringkat Ibu Pejabat akan dibuat berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Unit Jualan Aset (JUJA). Bilangan kes yang dirujuk ke JUJA bagi aset kebangkrapan seperti di Jadual 9.

Jadual 9: Bilangan Kes Yang Dirujuk Ke JUJA Bagi Aset Kebankrapan Bagi Tahun 2014

| Perkara | Jumlah kes dibincangkan | Jumlah selesai | Jumlah kes di bawa ke tahun hadapan |
|--|-------------------------|----------------|-------------------------------------|
| Kes yang dibincang pada mesyuarat JUJA | 36 | 36 | 0 |
| Kertas pandangan/ Edaran | 12 | 12 | 0 |

2.10 Pelepasan Kebankrapan

Bankrap boleh mengeluarkan diri daripada kebangkrapan melalui tiga cara iaitu melalui Pembatalan oleh Mahkamah di bawah Seksyen 105, Pelepasan Melalui Mahkamah di bawah Seksyen 33 atau Pelepasan Melalui Sijil KPI di bawah Seksyen 33A. Pada tahun 2014 sebanyak 15,502 kes kebangkrapan telah diselesaikan melalui ketiga-tiga kaedah iaitu seperti di Jadual 10.

Jadual 10: Pelepasan Bankrap Mengikut Kategori Pada Tahun 2014

| KATEGORI PENYELESAIAN | 2014 |
|---|---------------|
| Pembatalan Mahkamah (Seksyen 105) | 2,444 |
| Pelepasan Melalui Mahkamah (Seksyen 33) | 408 |
| Pelepasan Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi (Seksyen 33A) | 12,650 |
| Jumlah Keseluruhan | 15,502 |

138

Pelepasan Melalui Sijil KPI menyumbang kepada penyelesaian kes kebangkrapan tertinggi bagi tahun 2014. Sebanyak 12,650 individu bankrap telah dilepaskan melalui kaedah tersebut. Pencapaian ini disebabkan usaha yang ditunjukkan oleh Mdl dalam menyelesaikan kes tertunggak.

2.11 Bantahan Untuk Permohonan Keluar Daripada Kebankrapan Oleh Pihak Pemiutang

Pelepasan Melalui Sijil KPI bukanlah mutlak tetapi tertakluk kepada budi bicara pihak pemiutang. Mdl akan meneliti permohonan pelepasan yang dikemukakan oleh bankrap untuk pertimbangan sama ada permohonan pelepasan tersebut diterima atau ditolak. Dalam keadaan Mdl membuat keputusan untuk memberi pelepasan, satu makluman kepada pihak pemiutang akan dikeluarkan bagi membolehkan pemiutang membuat bantahan. Pihak pemiutang boleh mengemukakan bantahan sekiranya tidak bersetuju dengan keputusan KPI untuk melepaskan bankrap. Jumlah permohonan yang diterima, permohonan ditolak dan permohonan diluluskan seperti di Jadual 11.

Jadual 11: Permohonan yang diterima, bilangan permohonan ditolak dan jumlah permohonan diluluskan

| BILANGAN PERMOHONAN UNTUK DIKELUARKAN DARIPADA KEBANKRAPAN | BILANGAN BANTAHAN UNTUK DIKELUARKAN DARIPADA KEBANKRAPAN | BILANGAN YANG DILULUSKAN UNTUK KELUAR DARIPADA KEBANKRAPAN |
|--|--|--|
| 374 | 736 | 96 |

2.12 Sebab-Sebab Bantahan Daripada Pihak Pemiutang

Antara sebab-sebab bantahan dikemukakan oleh pihak pemiutang adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah hutang masih belum diselesaikan; dan
- (ii) Pihak pemiutang belum menerima sebarang dividen.

2.13 Permohonan Bankrap Untuk Mendapatkan Kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi Terhadap Sekatan Yang Dikenakan

KPI diberi kuasa budi bicara di bawah Akta Kebankrapan 1967(Akta 360) untuk memberi pelepasan kepada bankrap melepasi sekatan yang dikenakan. Sekatan yang dikenakan adalah sekatan ke Luar Negara, sekatan menjalankan perniagaan atau menjadi pengarah syarikat, sekatan bekerja di syarikat milik keluarga dan sekatan meneruskan tindakan di Mahkamah (Sanksi KPI). Pada tahun 2014, Mdl telah menerima sebanyak 11,538 permohonan. Maklumat mengenai jenis dan jumlah permohonan berdasarkan kategori sekatan seperti di Jadual 12.

Jadual 12: Jenis Permohonan Bankrap Untuk Mendapatkan Kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi Terhadap Sekatan Yang Dikenakan Bagi Tahun 2014

| JENIS PERMOHONAN | 2014 |
|--|---------------|
| Permohonan Bankrap Ke luar Negara | 10,888 |
| Permohonan Bankrap Untuk Bekerja Di Syarikat Milik Keluarga | 227 |
| Permohonan Bankrap Untuk Menjalankan Perniagaan Atau Menjadi Pengarah Syarikat | 217 |
| Permohonan Bankrap untuk meneruskan tindakan di Mahkamah (Sanksi KPI) | 206 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 11,538 |

Maklumat mengenai permohonan bankrap secara terperinci adalah seperti berikut:

(i) Permohonan Bankrap Untuk Ke Luar Negara

Pada tahun 2014, Mdl telah menerima sebanyak 10,888 permohonan bankrap untuk ke luar Negara. Daripada jumlah tersebut, 7,696 merupakan permohonan bagi tujuan untuk bekerja. Kebenaran yang diberikan dapat membantu bankrap menjana pendapatan untuk kesejahteraan hidup dan sekaligus dapat memberi sumbangan dan pendapatan terhadap peningkatan jumlah aset kebankrapan beliau. Jumlah dan tujuan permohonan bankrap ke luar Negara bagi tahun 2014 seperti di Jadual 13.

140

Jadual 13: Tujuan Permohonan Keluar Negara Bagi Tahun 2014

| TUJUAN BANKRAP KE LUAR NEGARA | BILANGAN |
|-----------------------------------|---------------|
| BEKERJA | 7696 |
| UMRAH | 1063 |
| KEAGAMAAN | 507 |
| RAWATAN PERUBATAN | 317 |
| URUSAN PERIBADI | 174 |
| MELAWAT KELUARGA | 152 |
| MELAWAT ANAK | 147 |
| MENEMANI ISTERI/ SUAMI | 131 |
| PERKAHWINAN | 120 |
| ZIARAH ATAS SEBAB SAKIT/ KEMATIAN | 105 |
| TINGGAL DI LUAR NEGARA | 86 |
| URUSAN KELUARGA | 70 |
| HAJI | 67 |
| KONVOKESYEN | 63 |
| KURSUS/ SEMINAR/ PAMERAN/ LATIHAN | 62 |
| RAKYAT ASING/ PULANG NEGARA ASAL | 59 |
| LAWATAN | 21 |
| LAIN-LAIN | 20 |
| MISI NEGARA | 13 |
| TEMUDUGA | 9 |
| MELANCONG | 6 |
| JUMLAH | 10,888 |

Bagi memudahkan proses kelulusan, bankrap yang ingin membuat permohonan ke luar negara dinasihatkan mengemukakan surat permohonan serta dokumen lengkap sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh ke luar negara. Mdl akan memproses permohonan yang diterima dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.

Bagaimanapun, bukan semua permohonan yang diterima akan diluluskan. Antara alasan-alasan penolakan adalah seperti berikut:

- (a) Lawatan bertujuan sosial/ melancong yang tidak mendatangkan faedah kepada estet kebangkrapan;
- (b) Alasan keluar negara yang berulang kali;
- (c) Kurang memberikan kerjasama apabila gagal memastikan bayaran ansuran bulanan yang kemaskini;
- (d) Tujuan keagamaan lebih daripada sekali;
- (e) Terdapat tunggakan dalam bayaran ansuran bulanan yang telah ditetapkan;
- (f) Tiada kerjasama daripada bankrap sepanjang pentadbiran kes; dan
- (g) Kegagalan mengemukakan dokumen sokongan seperti yang diminta.

(ii) Permohonan Untuk Menjalankan Perniagaan Atau Menjadi Pengarah Syarikat

Pada tahun 2014 Mdl telah menerima sebanyak 217 permohonan untuk menjalankan perniagaan atau menjadi pengarah syarikat sama ada syarikat Sendirian Berhad atau Milikan Tunggal.

(iii) Permohonan Untuk Bekerja di Syarikat Milik Keluarga

Pada tahun 2014 sebanyak 227 permohonan bankrap untuk bekerja dengan syarikat milik keluarga telah diterima. Permohonan tersebut merangkumi permohonan daripada bankrap yang memohon untuk bekerja dengan pasangan, ibu bapa, adik-beradik, menantu, saudara –mara, dan anak.

(iv) Permohonan bankrap untuk meneruskan tindakan Mahkamah (Sanksi)

Mdl telah menerima sebanyak 206 permohonan daripada bankrap untuk meneruskan tindakan di Mahkamah. Dalam membuat pertimbangan mengenai permohonan ini, KPI perlu mempertimbangkan sama ada tindakan Mahkamah yang ingin diteruskan atau disenggarakan oleh bankrap mempunyai merit dan akan memberikan faedah kepada estet bankrap. Rasional kelulusan ini diperlukan supaya bankrap tidak akan menanggung bebanan yang tinggi sekiranya prosiding tersebut tidak memihak

142

kepada bankrap dan juga supaya tiada sebarang kos yang akan ditanggung oleh KPI selaku pentadbir hal ehwal bankrap.

(e) Permohonan Lain

Selain daripada permohonan di atas, Mdl turut menerima permohonan lain seperti di Jadual 14.

Jadual 14: Permohonan Lain Yang Diterima oleh Mdl Pada Tahun 2014

| JENIS PERMOHONAN | JUMLAH PERMOHONAN | DILULUSKAN | DITOLAK |
|--------------------------------|-------------------|------------|------------|
| Membuka akaun ASB | 14 | 2 | 12 |
| Pengeluaran wang KWSP | 142 | 51 | 91 |
| Membuka akaun simpanan | 54 | 11 | 43 |
| Pengeluaran wang estet | 118 | 14 | 104 |
| Pengeluaran wang tabung haji | 27 | 8 | 19 |
| Mengurangkan kos dan fi kpi | 3 | 0 | 3 |
| Mengaktifkan akaun | 0 | 0 | 0 |
| Mengurangkan ansuran bulanan | 14 | 0 | 14 |
| Insurans / Perkeso | 33 | 15 | 18 |
| Wang Ganjaran | 3 | 0 | 3 |
| Rayuan | 10 | 3 | 7 |
| Buka / Aktif Akaun Tabung Haji | 8 | 8 | 0 |
| Lain-lain | 85 | 36 | 49 |
| JUMLAH | 511 | 148 | 363 |

Sebab sebab permohonan ditolak:

- (i) Tunggakan yang tinggi;
- (ii) Dokumen tidak lengkap;
- (iii) Tiada kerjasama daripada bankrap;
- (iv) Tujuan pengeluaran tidak bermerit; dan
- (v) Tidak dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

2.14 Antara Kes-Kes Kebankrapan

Antara kes kebangkrapan yang dikendalikan oleh Mdl adalah seperti berikut:

| Perkara | Keputusan |
|---|--|
| <p>Mahkamah Tinggi di Muar Saman Pemula No.: 24NCVC-102-03/2014 Cheong So Pin -v- Lim Hwah Leong & 2 Lagi</p> <p>Isu: Sama ada Plaintiff mempunyai hak mendapatkan ½ bahagian hartanah milik bankrap berdasarkan alasan Plaintiff telah bayar ansuran bulanan hartanah tersebut sepenuhnya selepas Defendan 1 bankrap dan terdapat presumption of 'resulting trust'.</p> <p>KPI failkan permohonan 'striking out' Saman Pemula di bawah A.18 K19(1)(a)(b) atau (d) KKM 2012</p> | <p>Mahkamah membenarkan permohonan 'striking out' KPI dengan kos minimum RM1,000.00. Alasan Mahkamah : S.91(1) terpakai, permohonan patut didengar di Mahkamah Kebankrapan. S.24 (4) terpakai. Equity & resulting trust tidak terpakai kerana tindakan Plaintiff <i>afterthought</i> dan tidak <i>bona fide</i>.</p> |
| <p>Mahkamah Tinggi Shah Alam Guaman Sivil No.21-12-2008</p> <p>Syed Mustapha Kamal bin Syed Kassim & 1 Lagi -v- Busu @ Hamzah bin Ali & 2 Lagi Writ Saman yang difailkan semua Plaintiff yang menuntut antaranya, gantirugi berjumlah RM2 juta daripada semua Defendan.</p> <p>Isu: Sama ada KPI cuai dalam menjalankan tanggungjawab mentadbir kes kebangkrapan</p> | <p>Satu penghakiman persetujuan direkodkan di hadapan YA Hakim MTSA. Tindakan saman terhadap KPI dengan tuntutan RM1 juta dan/atau RM2 juta telah dipersetujui ditarik balik oleh semua Plaintiff berdasarkan cadangan penyelesaian yang dikemukakan oleh semua Plaintiff.</p> |

144

| Perkara | Keputusan |
|--|--|
| <p>bagi bankrap yang telah meninggal dunia kerana tidak menyempurnakan Perjanjian Jual Beli hartanah kepunyaan bankrap/si-mati dengan semua Plaintif.</p> | |
| <p>Mahkamah Persekutuan No. 08-630-10/2013 antara Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja -v- Syed Omar Bin Syed Othman.</p> <p>Isu adalah sama ada kebenaran merayu wajar diberikan oleh Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam kes ini, sama ada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452] mengatasi seksyen 43(6) Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] dan Akta Had Masa 1953 [Akta 254] dan sama ada KPI mempunyai kuasa untuk menolak Tuntutan Bukti Hutang (<i>Proof Of Debt</i>) yang dikemukakan oleh Perayu.</p> | <p>Mahkamah berpandangan Akta kebangkrapan 1967 terpakai bagi kes ini dan mengatasi Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Panel mencadangkan kes ini ditarik balik. Mengenai pengiraan faedah, panel mencadangkan permohonan difailkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi untuk membetulkan perakuan Tuntutan Bukti Hutang (<i>Proof Of Debt</i>).</p> |
| <p>Mahkamah Rayuan No. B-01(IM)-355-09/2014 antara Ketua Pengarah Insolvensi -v- Tan Chu Peng.</p> <p>Isu adalah sama ada bankrap berhak mencabar keputusan Ketua Pengarah Insolvensi untuk menjual hartanah bankrap kepada individu bernama Tan Lee Chak dan sama ada Mahkamah Kebankrapan wajar membuat perintah berkenaan kos terhadap Ketua Pengarah Insolvensi.</p> | <p>Mahkamah Rayuan memutuskan Rayuan ditolak tanpa perintah mengenai kos atas alasan bahawa keputusan Ketua Pengarah Insolvensi berdasarkan Laporan Penilaian kedua yang berupa sekeping kertas. Mahkamah memutuskan Laporan tersebut hanyalah surat dan bukan Laporan Penilaian yang lengkap.</p> |
| <p>Mahkamah Rayuan No. J-01(IM)-296-Tahun 08/2014 antara Ketua Pengarah Insolvensi -v-Goh Ah Kai & 1 Lagi.</p> <p>Isu adalah sama ada penyelesaian penuh pihak ketiga terus kepada Hospital Parkway tanpa melalui Ketua Pengarah Insolvensi sebagai pentadbirkebankrapanbertentangan dengan Akta 360, Fi Penghasilan dan Fi Pembahagian Ketua Pengarah Insolvensi dan sama ada Mahkamah kebangkrapan wajar membuat perintah berkenaan kos terhadap Ketua Pengarah Insolvensi.</p> | <p>Mahkamah Rayuan memutuskan terdapat isu yang amat penting yang akan melibatkan operasi undang-undang kebangkrapan. Oleh itu, Mahkamah memerlukan masa untuk menyediakan keputusan dan Alasan Penghakiman. Tarikh keputusan akan dimaklumkan kelak oleh Mahkamah.</p> |



Pelajar IKBN menghadiri sesi taklimat yang disampaikan oleh wakil Mdl Muar.



Perbincangan bersama Mdl Negeri Sembilan & Ahli Dewan Perniagaan Melayu.

3. MEMPERKUKUKAN AKTIVITI PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN UNTUK MENINGKATKAN TAHAP PEMATUHAN DI KALANGAN PEMIUTANG DAN PENGHUTANG

3.1 Bagi aktiviti penyiasatan dan pendakwaan, Mdl bertanggungjawab untuk:

- (i) Menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan kesalahan yang disyaki dilakukan oleh bankrap atau mana-mana orang di bawah Akta Kebankrapan 1967 (*Akta 360*) dan Akta Syarikat 1965 (*Akta 125*) serta di bawah mana-mana perundangan lain yang berkaitan dengan kebangkrapan atau penggulangan syarikat;
- (ii) Menjalankan penyiasatan berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1984 [*Akta 335*] dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 (*Akta 262*) bagi tujuan penzahiran dan penghasilan harta;
- (iii) Mengendalikan kertas siasatan untuk tindakan komital dan bagi kesalahan fraud;
- (iv) Mengendalikan permohonan waran tangkap di bawah subseksyen 28(1) Akta 360 dan waran tangkap bagi saksi yang tidak hadir di bawah seksyen 111 Kanun Tatacara Jenayah (*Akta 593*);
- (v) Menjalankan tindakan penguatkuasaan rampasan dan sitaan; dan
- (vi) Menjalankan pemeriksaan awam di bawah seksyen 17 Akta 360 bagi tujuan penemuan aset bankrap.



Pameran sempena Karnival 1PESARA anjuran JPA dan MOF

146

3.2 Penyiasatan Yang Efektif Dan Strategik

Bagi memantapkan aktiviti penyiasatan ke arah penyiasatan yang efektif dan strategik, Mdl telah memfokuskan kepada aktiviti:

- (i) Penguatkuasaan waran tangkap terhadap bankrap yang gagal hadir bagi kes kebangkrutan tahun 2014; dan
- (ii) Menjalankan serta menyelesaikan siasatan Kertas Enkuiri (EP) yang dibuka bagi kes *Fraudulent Bankrupt*.


3.3 Penguatkuasaan Waran Tangkap Terhadap Bankrap Yang Gagal Hadir Bagi Kes Kebankrapan Tahun 2014

Objektif utama waran tangkap dikeluarkan terhadap bankrap adalah supaya bankrap hadir ke Mdl bagi tujuan pentadbiran kes kebangkrutan. Pada tahun 2014 Mdl telah mengenal pasti sejumlah 5,721 kes bankrap tidak hadir setelah Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman dijatuhkan oleh Mahkamah pada tahun 2014.

Daripada jumlah tersebut, sasaran pencapaian pada tahun 2014 ialah sebanyak 20% daripada jumlah kes kebangkrutan yang telah dikenal pasti iaitu sebanyak 1,144 kes kebangkrutan yang akan dipohon waran tangkap sepanjang tahun 2014.

Pemantauan setiap suku tahun 2014 telah dilaksanakan dan arahan telah dikeluarkan oleh Pegawai Pemantau Zon untuk memantau projek ini. Sehingga akhir tahun 2014, pencapaian sebenar yang dicapai oleh Mdl ialah sebanyak 2,277 permohonan waran tangkap yang telah berjaya dikemukakan ke Unit Mahkamah cawangan Mdl masing-masing. Jumlah ini melebihi sasaran asal sebanyak lebih 100 peratus. Pencapaian aktiviti penguatkuasaan waran tangkap terhadap bankrap yang gagal hadir bagi kes kebangkrutan tahun 2014 seperti Rajah 4.

Rajah 4: Jumlah penguatkuasaan waran tangkap terhadap bankrap yang gagal hadir bagi kes kebangkrutan 2014



3.4 Menjalankan dan menyelesaikan siasatan Kertas Enkuiri (EP) yang dibuka bagi kes *Fraudulent Bankrupt*

Objektif penguatkuasaan ini dijalankan ialah untuk memastikan pengisytiharan aset dan liabiliti oleh bankrap kepada KPI dibuat secara menyeluruh terutama sekali kes yang melibatkan prominent bankrap. Dalam melengkapkan siasatan di peringkat Kertas Enkuiri (EP), pegawai penyiasat akan membuat carian di beberapa agensi seperti di Jabatan Pendaftaran Negara, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya untuk menyemak status dan keberadaan bankrap bagi memudahkan proses siasatan seterusnya.

Petunjuk Utama Prestasi bagi projek ini adalah untuk melengkapkan 60% iaitu sejumlah 81 EP sebelum atau pada 31.12.2014. Mdl telah berjaya melengkapkan dan menyelesaikan sebanyak 84 EP iaitu pencapaian sebanyak 62.22% bagi tahun 2014 seperti di Jadual 15.

Jadual 15: pencapaian projek menyelesaikan siasatan terhadap kes prominent bankrap dan selebriti

| Siasatan awal yang dijalankan terhadap kes prominent bankrap dan selebriti | Bilangan EP yang telah dibuka | Pencapaian sebenar sehingga 31.12.2014 |
|--|-------------------------------|--|
| 134 kes | 93 | 84 EP yang telah dibuka berjaya dilengkapkan |

3.5 Penzahiran dan penemuan aset yang berkesan

Mdl juga memfokuskan kepada aktiviti yang membantu ke arah penzahiran dan penemuan aset yang lebih berkesan. Fokus utama bagi aktiviti penzahiran dan penemuan aset yang berkesan ialah melalui:

- (i) Pemantauan pelaksanaan aktiviti rampasan dan sitaan aset kebankrapan dan penggulungan syarikat yang dilakukan; dan
- (ii) Menjalankan prosiding pemeriksaan awam di bawah seksyen 17 Akta 360.

148

3.6 Pemantauan pelaksanaan aktiviti rampasan dan sitaan aset kebangkrapan dan penggulungan syarikat


Pada tahun 2014, sebanyak 21 tindakan penguatkuasaan telah dijalankan yang merujuk kepada aktiviti rampasan, sitaan atau serbuan berhubung harta bankrap dan syarikat yang telah digulungan. Jadual 16 dan Rajah 5 masing-masing menunjukkan jumlah aktiviti rampasan mengikut cawangan dan peratusan jenis aset yang dirampas atau disita pada tahun 2014.

Jadual 16: Aktiviti Rampasan Pada Tahun 2014 mengikut cawangan

| CAWANGAN | JUMLAH | CAWANGAN | JUMLAH | CAWANGAN | JUMLAH |
|-----------------|--------|-----------------|--------|---------------|-----------|
| Terengganu | 7 | Tawau | 1 | Kedah | 0 |
| Kuantan | 4 | Muar | 1 | Perlis | 0 |
| Kuching | 2 | Miri | 1 | Melaka | 0 |
| Sibu | 2 | WP Kuala Lumpur | 0 | Kota Kinabalu | 0 |
| Negeri Sembilan | 1 | Selangor | 0 | Ipoh | 0 |
| Pulau Pinang | 1 | Johor Bharu | 0 | Temerloh | 0 |
| Sandakan | 1 | Kelantan | 0 | Taiping | 0 |
| JUMLAH | | | | | 21 |



Pameran Sempena Tamu Besar Kota Belud oleh Mdl Kota Kinabalu.



3.7 Prosiding Pemeriksaan Awam di bawah Seksyen 17, Akta 360

Tujuan pemeriksaan awam ialah untuk memastikan tindakan penzahiran harta dilaksanakan berdasarkan undang-undang yang terpakai dan berkuatkuasa. Pada tahun 2014, Mdl telah melaksanakan sebanyak sembilan pemeriksaan awam. Sebanyak enam pemeriksaan awam telah dimuktamadkan manakala tiga lagi masih diteruskan.



Lawatan daripada UiTM Kedah ke Mdl Ibu Pejabat

Sesi penerangan kepada pengunjung semasa pameran di SMK Syed Sirajuddin oleh Mdl Perlis



150

4. MEMBANGUNKAN SISTEM INSOLVENSI YANG EFEKTIF MELALUI KAJIAN PERUNDANGAN YANG BERTERUSAN

Pembaharuan undang-undang merupakan satu proses yang perlu dikaji dengan teliti untuk mengimbangi kepentingan stakeholders dan juga bankrap. Mdl sebagai organisasi yang mentadbir hal ehwal insolvensi perlu memastikan undang-undang Insolvensi sentiasa relevan dengan keadaan semasa dan tren ekonomi negara serta dunia. Akta Kebankrapan 1967 dipinda bagi tujuan menyediakan mekanisma penyelamat dan polisi peluang kedua kepada golongan individu bankrap di negara ini.

Dalam tahun 2014 Mdl telah mengambil tindakan dalam usaha untuk menyediakan Rang Undang-Undang Insolvensi yang baru. Antara usaha yang telah di ambil ialah seperti berikut:

- (i) Mengadakan Bengkel Penggubalan Rang Undang-Undang Kebankrapan di ILKAP Bangi;
- (ii) Mengadakan Bengkel Penggubalan Rang Undang-Undang Kebankrapan Bil.2/2014 di The Aston Hotel, Nilai, Negeri Sembilan; dan
- (iii) Semakan dan pindaan draf Rang Undang-Undang Kebankrapan berdasarkan ulasan dan pandangan Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara.

Selain kajian Rang Undang-Undang Insolvensi yang baru, beberapa kajian lain juga dilaksanakan oleh Mdl pada tahun 2014 bagi memastikan pentadbiran insolvensi dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efisien. Antara kajian yang dilaksanakan ialah:

- (i) Mengkaji laman sesawang Mdl mengenai komen, maklum balas dan pertanyaan;
- (ii) Mengkaji notis dibawah kaedah 34 kaedah-kaedah syarikat (penggulangan) 1972;
- (iii) Mengkaji tentang amalan pembayaran fi penghasilan dan fi pengagihan oleh bankrap untuk permohonan pembatalan dibawah seksyen 105 Akta Kebankrapan 1967;
- (iv) Mengkaji kaitan perbezaan dan situasi semasa mengenai kos, caj dan fi berdasarkan Jadual C, Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969; dan
- (v) Mengkaji cadangan pelaksanaan dasar tidak menjual rumah kediaman pertama bankrap.

5. MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SOKONGAN YANG CEMERLANG DAN KOMPREHENSIF BAGI MEMASTIKAN KELESTARIAN DAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN DALAM JABATAN

5.1 Prestasi Latihan Penjawat Mdl

Mdl sentiasa mematuhi Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang telah menetapkan jumlah tujuh hari berkursus untuk semua warga Mdl. Bagi tahun 2014, seramai 1,080 orang pegawai Mdl telah melengkapkan keperluan kursus sekurang-kurangnya tujuh hari. Prestasi kehadiran kursus mengikut pecahan gred/kumpulan seperti di Jadual 17.

Jadual 17: Prestasi keseluruhan latihan/kursus bagi tahun 2014

| Gred/ Kumpulan | Bilangan Anggota | Kursus | | |
|---------------------------|------------------|--|--|-----------------------------------|
| | | Bil. Anggota Yang Hadir > 7 Hari Setahun | Bil. Anggota Yang Hadir < 7 Hari Setahun | Bil. Anggota Yang Tidak Berkursus |
| JUSA | 3 | 3 | 0 | 0 |
| Pengurusan & Professional | 50 | 50 | 0 | 0 |
| Sokongan 1 | 961 | 936 | 21 | 4 |
| Sokongan 2 | 97 | 91 | 5 | 1 |
| Jumlah | 1111 | 1080 | 26 | 5 |
| Peratusan | 100 % | 97.2 % | 2.3% | 0.5% |

Faktor-faktor yang menyebabkan ketidakhadiran kursus adalah seperti berikut:

- (i) Pegawai mengalami masalah kesihatan;
- (ii) Pegawai cuti bersalin, cuti tanpa gaji dan cuti belajar;
- (iii) Peruntukan jabatan yang terhad khususnya dalam peruntukan tuntutan perjalanan;
- (iv) Tawaran kursus/latihan yang terhad daripada agensi latihan khususnya kepada penyertaan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-Undang (L); dan
- (v) Masalah gangguan teknikal dalam penggunaan E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA).

152

Mdl memberi tumpuan kepada peningkatan tahap kompetensi pegawai dalam bidang spesifik iaitu pentadbiran insolvensi, pengurusan kewangan dan perakaunan. Bagi mencapai objektif tersebut, Mdl dengan kerjasama pihak Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah mengendalikan kursus-kursus khas yang bersesuaian dengan fungsi utama Mdl. Bagi tahun 2014, Mdl telah menganjurkan beberapa kursus/program yang dapat meningkatkan kompetensi pegawai dalam mentadbir hal ehwal insolvensi seperti berikut:

5.2 Taklimat Penggunaan Sistem Pengurusan Aset

Mdl telah mengadakan Taklimat Penggunaan Sistem Pengurusan Aset (SPA) pada 22 hingga 24 Januari 2014 bertempat di Bilik Latihan ICT BHEUU, anjuran Bahagian Khidmat Pengurusan Mdl. Kursus ini dihadiri oleh seramai 50 orang peserta yang menguruskan aset jabatan dari seluruh cawangan Mdl dan dari Ibu Pejabat Mdl. Kursus ini bertujuan untuk mengurus semua aset alih kerajaan di bawah kendalian jabatan ini dengan mengurus penerimaan, pendaftaran, penyimpanan dan penggunaan aset dengan betul. Kursus ini turut memberi pengetahuan mengatur jadual penyelenggaraan, pelupusan dan pemeriksaan aset serta menguruskan kehilangan dan hapuskira aset.



5.3 Taklimat Manual Klasifikasi Fail Dan Jadual Pelupusan Rekod

Mdl telah mengadakan Taklimat Manual Klasifikasi Fail Dan Jadual Pelupusan Rekod pada 11 Februari 2014 bertempat di Dewan Harmoni BHEUU, di Bangunan BHEUU anjuran Bahagian Khidmat Pengurusan Mdl. Kursus ini dihadiri oleh seramai 55 orang peserta dari Ibu Pejabat Mdl. Objektif kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan berkenaan pengurusan fail dan rekod, memahami kepentingan penyelenggaraan dan keselamatan rekod kerajaan, cara pelupusan dan pemeliharaan rekod kerajaan dan memperkenalkan tatacara yang betul di dalam pengurusan fail dan rekod jabatan.



5.4 Kursus Kumpulan Inovatif & Kreatif

Mdl telah mengadakan Kursus Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) pada 25 hingga 27 Februari 2014 bertempat di Pusat Latihan AADK, Sungai Petani, Kedah. Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan Mdl. Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 60 orang peserta dari seluruh cawangan Mdl dan dari Ibu Pejabat Mdl. Objektif kursus ini bertujuan untuk menambahbaik dan meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja khususnya dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

154



5.5 Kursus Pemantapan Pentadbiran Insolvensi

Mdl telah mengadakan Kursus Pemantapan Pentadbiran Insolvensi bagi Bahagian Likuidasi dan Bahagian Kebankrapan pada 15 hingga 17 Oktober 2014 bertempat di Kajang. Kursus ini dihadiri oleh seramai 52 orang peserta termasuk pihak pengurusan tertinggi Mdl. Objektif kursus ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran pegawai insolvensi mengenai pentadbiran Insolvensi bagi hal-hal berkaitan Kebankrapan dan Likuidasi.



5.6 Bengkel Penggubalan Rang Undang-Undang Kebankrapan Bil. 2/2014

Mdl telah mengadakan Bengkel Penggubalan Rang Undang-Undang Kebankrapan Bil. 2/2014 pada 10 hingga 12 Mac 2014 bertempat di ILKAP, Bangi, Selangor. Kursus ini dihadiri oleh seramai 24 orang peserta termasuk pihak pengurusan tertinggi Mdl. Objektif kursus ini bertujuan untuk membincangkan cara memberikan arahan penggubalan yang tepat dan memahami arahan penggubalan yang diberikan oleh pembuat dasar, mempelajari faktor yang perlu diambil kira dalam penggubalan undang-undang dan menggubal peruntukan bagi perundangan utama dan perundangan subsidiari dan memahami implikasi pindaan terhadap sesuatu perundangan terhadap masyarakat dan negara.

156



5.7 Kursus Konflik, Krisis & Emosi Bil 1/2014

Mdl telah mengadakan Kursus Konflik, Krisis & Emosi Bil 1/2014 pada 1 Oktober 2014 bertempat di Pusat Latihan Nur Lembah Pangsun Ulu Langat, Selangor. Kursus ini dihadiri oleh seramai 46 orang peserta termasuk pihak pengurusan tertinggi Mdl. Objektif kursus ini bertujuan untuk memantapkan mental, fizikal, emosi dan spiritual apabila berhadapan dengan konflik harian, mengetahui kemahiran mengurus konflik semasa krisis kerja ataupun dalam kehidupan seseorang itu, menngetahui kaedah dan teknik baru dalam mengendalikan emosi penjawat awam tersebut dalam menjalani kerja harian.



(iii) Laporan Pelaksanaan sistem *Insolvency Notification System (INS)*

Mdl telah melaksanakan INS bermula pada 1 Januari 2014. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan hubungan kerjasama antara pihak Mdl dengan pihak Bank. Melalui sistem ini Pihak Mdl melalui Bahagian Kebankrapan dan Likuidasi tidak lagi perlu mengeluarkan Surat notifikasi Awal kepada Bank sekiranya seseorang itu dijatuhkan bankrap.

Sistem ini bertindak sebagai menggantikan penghantaran notis awal kepada pihak bank. Sistem ini akan memaparkan maklumat bankrap yang baru sahaja dijatuhkan oleh Mahkamah secara real time. Sehingga kini sistem INS telah beroperasi dengan baik. Sehingga kini sebanyak 26 bank telah menggunakan sistem ini. Dijangkakan Mdl akan memperluaskan penggunaan sistem INS ini kepada badan-badan berkanun dan swasta yang mempnyuai kepentingan secara langsung dengan jabatan ini.

5.9 Laporan Portal Mdl

Penarafan 5 Bintang Portal MGPWA.

Portal Mdl telah berjaya mengekalkan penarafan 5 bintang. Maklumat di portal terutamanya mengenai hal ehwal kebangkrapan dan penggulungan syarikat sentiasa dikemas kini dari masa ke masa. Portal Mdl dijangka akan bertukar wajah baru pada tahun 2015 dengan lebih interaktif.



160

5.10 Prestasi Hasil Mdl

Pada tahun 2014, Mdl telah berjaya memperoleh kutipan hasil sebanyak RM49.97 juta. Hasil Carian Mdl pada tahun 2014 telah menurun pada kadar 5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Aktiviti bagi hasil carian tidak dapat dikawal oleh Jabatan untuk menentukan kenaikan atau penurunan kutipan hasil berkenaan. Namun, pihak Jabatan sentiasa aktif menjalankan aktiviti promosi bagi mendedahkan kepada umum untuk mengenali fungsi dan perkhidmatan di Mdl. Daripada jumlah kutipan ini, carian e-Insolvensi telah menyumbang pada kadar 96% berbanding carian melalui kaunter iaitu 4%.

Faktor utama yang menyumbang pencapaian kutipan hasil Mdl merupakan pelaksanaan aktiviti teras dengan serius oleh semua warga Mdl. Kenaikan pendapatan Mdl ini juga menunjukkan Jabatan telah merealisasikan Program Tranformasi Organisasi (OTP) yang dimulai pada tahun 2009 dan berakhir pada tahun 2014 dengan berkesan. Maklumat lanjut mengenai jenis hasil dan kutipan bagi tahun 2014 seperti di Jadual 18.

Jadual 18: Pecahan Kutipan Hasil Mdl Yang Diperoleh Bagi Tahun 2014

| JENIS HASIL | KUTIPAN | PENCAPAIAN |
|-----------------------------------|--------------------|------------|
| | TAHUN 2014 (RM) | (%) |
| CARIAN | 13,644,750 | 95 |
| FI PENGHASILAN DAN FI PEMBAHAGIAN | 34,948,250 | 106 |
| BAYARAN PERKHIDMATAN YANG LAIN | 1,380,481 | 75 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 49,973,481 | 102 |

6. PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN TERHADAP IMEJ KORPORAT JABATAN MELALUI INISIATIF PENJENAMAAN STRATEGIK DAN INOVASI

6.1 Kerjasama Dengan Pihak Berkepentingan, Program Promosi Dan Penjenamaan Semula Mdl

Mdl sentiasa melaksanakan usaha secara berterusan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai insolvensi menerusi program promosi dan aktiviti penjenamaan semula imej Mdl. Empat aktiviti utama bagi program promosi dan aktiviti penjenamaan semula imej Mdl ialah perbincangan interaktif, program *outreach*, media elektronik dan media cetak.


Hubungan dan kerjasama dengan pihak berkepentingan amat penting bagi memastikan isu-isu berkaitan insolvensi dapat diselesaikan dengan cepat seterusnya meningkatkan kepuasan pelanggan. Ini dapat dilaksanakan menerusi perbincangan interaktif yang diadakan bersama pihak-pihak berkepentingan yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dalam pentadbiran kes insolvensi. Pihak-pihak berkepentingan termasuk institusi kewangan dan perbankan, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan organisasi lain yang berkaitan.

Program promosi dan aktiviti penjenamaan semula imej Mdl yang dilaksanakan ini juga bertujuan untuk meningkatkan imej Mdl dan memberi pendidikan kepada orang ramai secara umumnya bagi mengelak salah tanggapan terhadap peranan dan fungsi Mdl. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyebarkan maklumat, mewujudkan kesedaran, memberi pendidikan dan mendekati individu yang bankrap khususnya serta masyarakat keseluruhan amnya.

Mdl peka tentang kepentingan dalam memilih dan mengambil tindakan yang dapat memberikan kesejahteraan dan kepentingan kepada masyarakat. Aktiviti yang dijalankan dalam program *outreach* ialah roadshows, siri taklimat atau penerangan dan penyertaan dalam pameran serta hari bersama pelanggan. Dalam tahun 2014 sebanyak 211 program telah diadakan. Aktiviti promosi yang dijalankan oleh Mdl sepanjang tahun 2014 seperti di Rajah 6.

162

Rajah 6: Aktiviti promosi & penjenamaan semula imej Mdl bagi tahun 2014



6.2 Pengurusan Pertanyaan Dan Aduan Insolvensi

Pengurusan aduan secara berpusat yang dilaksanakan oleh Mdl telah menjadikan pentadbiran pertanyaan dan aduan lebih cekap dan berkesan. Mdl menerima sebanyak 7,092 pertanyaan bagi tahun 2014. Maklumat terperinci mengenai kategori pertanyaan seperti di Jadual 19.

Jadual 19: Pertanyaan Yang Diterima Sepanjang Tahun 2014

| KATEGORI PERTANYAAN IBU PEJABAT DAN CAWANGAN | JUMLAH |
|--|--------------|
| PENGURUSAN | 2 |
| KEBANKRAPAN | 6,898 |
| LIKUIDASI | 192 |
| JUMLAH | 7,092 |

Berdasarkan statistik aduan yang diterima sepanjang tahun 2014, kategori aduan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Pengurusan, Kebankrapan dan Likuidasi. Bahagian Pengurusan menerima 110 aduan kualiti perkhidmatan dan panggilan telefon.

Sebanyak 288 aduan mengenai kes kebangkrapan telah diterima. Aduan ini termasuk kes penyamaran pegawai insolvensi yang mana individu mengaku sebagai pegawai insolvensi dan membuat ugutan supaya pembayaran di masukkan dalam akaun bank mereka. Manakala sebanyak 40 aduan bagi kes likuidasi diterima. Sebanyak 9 aduan daripada 40 merupakan aduan terhadap pelikuidasi luar. Maklumat terperinci mengenai kategori dan jumlah aduan serta sumber aduan seperti di Jadual 20 dan 21.

Jadual 20: Aduan Yang Diterima Sepanjang Tahun 2014

| KATEGORI ADUAN IBU PEJABAT DAN CAWANGAN | JUMLAH | KATEGORI ADUAN IBU PEJABAT DAN CAWANGAN | JUMLAH |
|--|--------|---|--------|
| PENGURUSAN | | | |
| Kelewatan/tiada tindakan/tidak memuaskan | 30 | Panggilan tidak berjawab/tiada layanan | 80 |
| KEBANKRAPAN | | | |
| Ketidakpuasan hati terhadap undang-undang kebangkrapan | 24 | Borang Bukti Hutang | 3 |

164

| KATEGORI ADUAN IBU PEJABAT DAN CAWANGAN | JUMLAH | KATEGORI ADUAN IBU PEJABAT DAN CAWANGAN | JUMLAH |
|---|--------|---|--------|
| Status kes kebankrapan | 32 | Deposit/ Dividen | 23 |
| Carian rasmi | 15 | MyBayar | 8 |
| Pelepasan kebankrapan | 12 | Pengeluaran Baki Wang ASB | 2 |
| Pelepasan melalui Sijil KPI (seksyen 33A Akta Kebankrapan 1967) | 25 | Akaun Bank | 7 |
| Pembatalan | 2 | KWSP | 1 |
| Permohonan seksyen 38 | 1 | Pindah Fail | 12 |
| Permohonan ke luar Negara (sek 38(1)(c)) | 32 | Pindah Milik/ Triti | 2 |
| Pembayaran ansuran bulanan | 5 | Warta | 1 |
| Pembayaran dividen & hutang kebankrapan | 11 | Pemulangan Cek/ Wang lebihan | 8 |
| Kos dan fi KPI | 9 | MyEG | 3 |
| Aset | 2 | Lain-lain | 28 |
| Kesalahan dilakukan bankrap | 20 | | |

LIKUIDASI

| | | | |
|------------------------------------|---|---|------------|
| Tindakan terhadap pelikuidasi luar | 9 | Kehilangan Bank Draf | 1 |
| Perundangan berkaitan syarikat | 4 | Wang Hasil Jualan | 1 |
| Carian Syarikat/status | 4 | Pembayaran dividen & hutang kebankrapan | 1 |
| Triti Persendirian/pindah harta | 3 | Lain-lain | 14 |
| Aset | 3 | JUMLAH KESELURUHAN | 438 |

Jadual 21: Aduan Yang Diterima Melalui Pelbagai Medium bagi tahun 2014

| SUMBER | JUMLAH |
|---------------|------------|
| Emel | 299 |
| Hadir Sendiri | 15 |
| Surat/ Faks | 22 |
| Telefon | 78 |
| BPA | 13 |
| Facebook | 5 |
| Lain-Lain | 6 |
| JUMLAH | 438 |

6.3 Prestasi Pengurusan Aduan

Sebanyak 422 aduan telah diselesaikan dalam tempoh 3 hari. Secara purata penyelesaian aduan mencatatkan sebanyak 100 peratus diselesaikan. Maklumat terperinci seperti di Jadual 22.

Jadual 22: Tempoh penyelesaian aduan bagi tahun 2014

| | BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA | 1 HARI | 2 HARI | 3 HARI | >3 HARI | BIL. ADUAN SELESAI |
|---------------|------------------------------|--------|--------|--------|---------|--------------------|
| JUMLAH | 438 | 352 | 48 | 22 | 16 | 438 |



Mdl Sibul semasa temu bual bersama RTM Sibul

Taklimat Kebankrapan Mdl Terengganu



166

6.4 Persidangan Insolvensi 2014

Persidangan Insolvensi 2014 telah diadakan pada 26 hingga 28 November 2014 yang lalu bertempat di Melaka. Persidangan ini telah dihadiri oleh YB Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Persidangan ini diadakan sebagai tanda komitmen dan keprihatinan Jabatan terhadap golongan pegawai yang merupakan pegawai barisan hadapan bagi Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI).

Persidangan ini juga telah menjadi platform terbaik kepada pihak pengurusan dalam menyampaikan mesej tentang hala tuju Jabatan secara terus kepada semua pegawai insolvensi. Bagaimana pun hanya 162 pegawai daripada 371 pegawai insolvensi daripada 12 cawangan terpilih untuk menyertai persidangan ini. Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang persidangan ini, termasuklah aktiviti *indoor* dan *outdoor*. Kesemua peserta telah memberikan kerjasama yang baik dan begitu bersemangat untuk mengambil bahagian dalam setiap aktiviti terutamanya aktiviti lasak yang memerlukan peserta mengharungi pelbagai rintangan fizikal di lokasi-lokasi yang mencabar seperti di kawasan berlumpur, di dalam air, tempat yang tinggi dan di dalam hutan.

Persidangan ini telah berjaya mencapai objektif utamanya iaitu untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pegawai insolvensi mengenai kepentingan semangat kekitaan dalam bekerja serta semangat kepunyaan serta sayang terhadap organisasi.





168

6.5 Perpindahan Ruang Pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Mdl Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) telah mendapat kelulusan untuk berpindah ke ruang pejabat baru iaitu Menara TH Perdana, Kuala Lumpur pada 28 Januari 2014 dengan peruntukan sebanyak RM1 juta berasaskan kepada justifikasi yang kukuh. Cawangan Kuala Lumpur pada mulanya berada di Kompleks Pertama Kuala Lumpur. Jabatan ini telah menjalankan pelbagai usaha dengan kerjasama dengan Bahagian Pembangunan, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) dalam melaksanakan dan menyempurnakan kerja-kerja perpindahan ke ruang pejabat baru ini.



6.6 Laporan Festival Belia Putrajaya 2014

Mdl telah mengambil bahagian dalam Festival Belia Putrajaya yang bertemakan “Dari Belia Untuk Belia” pada 23 hingga 25 Mei 2014 bertempat di Persiaran Perdana, Putrajaya. Mdl telah menerima lebih seribu pengunjung yang berminat untuk mengetahui mengenai Mdl.



6.7 Taklimat Eksekutif Mdl 2014

Taklimat Eksekutif Mdl 2014 telah diadakan pada 15 Oktober 2014 bertempat di Dewan Harmoni, BHEUU dengan tajuk *Bankruptcy from consumer's perspective*. Penceramah jemputan ialah Madam Koid Swee Lian, mantan Ketua Pegawai Eksekutif AKPK. Selain daripada warga Mdl, taklimat ini turut dihadiri oleh warga BHEUU dan JBG. Hasil daripada perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman penceramah dapat memberikan panduan kepada seluruh warga Mdl, BHEUU dan JBG mengenai cara pengurusan kewangan yang berkesan.



6.8 Kunjungan Sambil Belajar Daripada *Legal Execution Department (LED)*, Thailand

Mdl telah menerima kunjungan sambil belajar pegawai dari *Legal Execution Department*, Thailand. Lawatan selama 2 hari mulai 26 Februari 2014 hingga 27 Februari 2014 masing-masing di Ibu Pejabat dan di Mdl Selangor. Tujuan lawatan diadakan ialah untuk mengetahui pentadbiran insolvensi di Malaysia. Ini adalah lawatan sambal belajar kedua LED ke Mdl.



170

6.9 Pelancaran Buku Rujukan Pantas Kebankrapan

Pelancaran Buku Rujukan Pantas Kebankrapan: Panduan untuk Penghutang telah diadakan semasa Majlis Makan Malam Persidangan Insolvensi Tahun 2014 pada 27 November 2014. Buku Rujukan Pantas Kebankrapan ini dikeluarkan oleh Mdl sebagai garis panduan kepada orang awam untuk memahami fungsi dan peranan Mdl, prosidur dan tatacara mengenai pentadbiran kes termasuk tanggungjawab dan hak seorang bankrap serta tatacara untuk bebas dan lepas daripada kebankrapan.



6. 10 Pencapaian Cawangan Tahun 2014

Pada tahun 2014, pengurusan tertinggi Mdl telah mewujudkan anugerah pencapaian cawangan terbaik mengikut suku tahun. Pencapaian diukur berdasarkan kategori berikut:

- (i) Pentadbiran Kebankrapan: Perakuan POD Tertunggak, Perakuan POD Semasa, Pengisytiharan Dividen Semasa, Pengisytiharan Dividen Tertunggak dan Pemrosesan Permohonan Seksyen 38; dan
- (ii) Pentadbiran Likuidasi: Pelaksanaan Mesyuarat Pertama Pemiutang dan Penyumbang, Perakuan POD Tertunggak dan Semasa, Pengisytiharan Dividen, Pemfailan Ke Mahkamah Untuk Pembubaran Bagi Kes-Kes Penggulangan Yang Telah Selesai Pentadbiran (Ops Bubar) dan Pelaksanaan Aktiviti Lawat Periksa.



6. 11 Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (Kategori ICT) Bagi Tahun 2014

Mdl telah mendapat Anugerah Gangsa dalam Majlis Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (Kategori ICT) iaitu bagi sistem *Insolvency Notification System (INS)*. Sebanyak 41 agensi kerajaan telah menyertai pertandingan ini yang telah diadakan pada 29 Oktober 2014. Mdl turut menyertai Pertandingan Pameran Inovasi pada hari tersebut dan menduduki tempat ke-7 daripada 22 agensi yang bertanding.

172





**AKTIVITI
KPI TURUN
PADANG 2014**

Lawatan KPI ke Mdl
Johor Bahru



Lawatan KPI ke Mdl Ipoh





Lawatan KPI ke Mdl WP
Kuala Lumpur



Lawatan KPI ke
Mdl Kuching